



IJM CORPORATION BERHAD
(104131-A)

LAPORAN TAHUNAN 07

Memelihara Nilai Teras bagi Pertumbuhan Berkekalan



Mercu Kecemerlangan IJM adalah sentiasa berdasarkan prinsip kami: Kami Melaksanakan

Tetapi soalan-soalan yang sentiasa perlu dijawab adalah: Kepada siapa? Dan, Bagaimana?
Tema kami pada tahun ini telah dipilih bagi menjawab soalan-soalan ini:

Kepada siapa? Sebagaimana seseorang itu bukan sebuah pulau, setiap organisasi perlu mengekalkan hubungan simbolik dengan pemegang pelbagai kepentingannya.

Setiap daripada empat orang pada muka depan mewakili segmen pemegang pelbagai kepentingan yang tersendiri - Pelanggan kami, Kakitangan kami, Pemegang-pemegang Saham kami dan Komuniti kami.

Menghulur tangan keluar dan membentuk segi tiga bermaksud untuk menonjolkan bahawa keharmonian bekerja semua bahagian, adalah kunci kejayaan bagi mana-mana organisasi.

Bagaimana? Cara berkesan menguruskan keperluan pemegang pelbagai kepentingan hanya boleh dibuat berdasarkan pada set nilai teras yang amat kami hormati yang kami pegang dan gunakan dengan penuh berhemah secara konsisten dan secara tetap... Bahagian muka depan mencerminkan nilai-nilai teras yang diamalkan oleh kami:

- Produk & Perkhidmatan Berkualiti yang menambah nilai kepada klien-klien kami;
- Mengambil berat kebijakan kakitangan kami dalam suasana kerja yang saling mempercayai dan menghormati;
- Prestasi yang boleh dikekalkan dan urus tadbir korporat yang baik bagi membentuk dan memaksimumkan nilai pemegang saham; dan
- Warganegara korporat yang baik dan tanggungjawab kepada masyarakat secara keseluruhan.



Rangka Kerja
&
Komitmen

- 02 Pengliputan Meluas Media Mengenai IJM
- 05 Penyata Wawasan, Misi & Budaya Korporat
- 06 Profil Korporat
- 08 Struktur Kumpulan
- 10 Piagam IJM



Organisasi
&
Pengemudian


- 13 Carta Organisasi Kumpulan
- 14 Lembaga Pengarah & Setiausaha
- 16 Profil Para Pengarah
- 24 Profil Pengurusan Kanan

Kandungan



Ringkasan
Maklumat
Pemegang
Saham

- 29 Sorotan Kewangan Kumpulan
- 31 Penyata Nilai Ditambah & Pengajihan
- 32 Maklumat bagi Pelabur-pelabur
- 34 Analisis Pemegangan Saham & Pemegangan Waran
- 38 Diari Korporat
- 42 Kakitangan & Produktiviti



Kajian
& Laporan
Perniagaan

- 45 Penyata Pengurus
- 49 Ulasan Operasi Ketua Pengawal Eksekutif
- 71 Penyata Urus Tadbir Korporat
- 79 Laporan Jawatankuasa Audit
- 82 Penyata Kawalan Dalaman
- 84 Laporan Sistem Kualiti
- 87 Laporan Mengenai Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar
- 93 Laporan Tanggungjawab Sosial Korporat



101 Penyata Kewangan
dan Lain-Lain

- 212 Senarai Harta
- 224 Notis Mesyuarat Agung Tahunan
- 225 Borang Proksi
- 227 Maklumat Korporat

PENGLIPUTAN MELUAS MEDIA MENGENAI IJM

PADA 2006, KUMPULAN IJM TERUS MENGUASAI TAJUK-TAJUK UTAMA BERITA DENGAN KEDUA-DUA USAHANIAGA DALAM NEGERI DAN ANTARABANGSANYA. KEDUDUKANNYA SEBAGAI SEBUAH BADAN KORPORAT DENGAN INTEGRITI DAN ASAS YANG PADU JUGA DIKTIRAF SYABAS KEPADA SEMUA PENGURUSAN DAN KAKITANGAN!



IJM-led consortium wins RM1b job in UAE

By UZMIN IDRIS
Corporate Communications

PETALING JAYA: A consortium of local contractors led by a unit of SP Setia Sdn Bhd has been awarded a contract worth RM1.3 billion for the United Arab Emirates (UAE).

The contract, awarded by Tamash Investments LLC, was for the development of three towers, an underground car park and other facilities under Zone C of the Al Reem Island project in Abu Dhabi.

The contract duration was 31 months, SPB said in a statement.

released after trading hours yesterday. The consortium Sdn Bhd is leading the group, comprising Julian Holdings Corp Bhd, Sime Darby Corp Bhd, Gamacon Sdn Bhd and UGI Engineering Sdn Bhd, which also owns 10.05% of SPB.

Shares in SPB yesterday rose 20 sen or 3.4%, to close at RM3.15, just shy of its 10-year high of RM3.20.



The stock has surged 100% higher since it started to trade last year. This year, Gamacon Bhd's 22% rise during the same period, while Sime Darby Corp Bhd's 15% rise is also a good sign for the industry, which accounted for around 50% of its outstanding order book.

SPB has also executed Gamacon in terms of market value, with a market capitalisation of RM1.62bil pending, versus Gamacon's RM2.4bil.

(Shares in Gamacon fell 20 cents or 4.7%, to RM41.30.) Analysts said the latest contract secured by SPB would boost its construction order books to about RM4.6bil from about RM3.7bil previously.

Since January, the group has announced about RM2.03bil worth of straight construction jobs.

Investments in building materials, as well as property development, the total amount of new contracts announced by SPB was well over RM2.6bil.

> IJM PROPERTY-LANDMARKS LAND VENTURE

Riana Green project off to good start

By HILYAN CHONG
Corporate Communications

The RM2.6 billion Riana Green residential project in Petaling Jaya is progressing well, with the first phase of the development set to commence early next year.

The first of the seven towers will open over a period of three years, with the last one due in 2010.

One of the seven towers will be 350 units of 1,000-sq-ft apartments with a gross floor area of 1,000 sq ft each. The average selling price ranges from RM1,800 per sq ft to RM2,200 per sq ft.



OPINION
A single focus, different vehicles

BizWeek

Boom time for IJM

The infrastructure strategy is planned for the next stage of growth, says MD Lim Soon Teo

IJM to acquire Road Builder

Malaysian market on the upturn ->

By UZMIN IDRIS
Corporate Communications

PERSONALITIES
PETALING JAYA: SP Setia Sdn Bhd shares target investment and growth in the coming years, says its managing director, Lim Soon Teo. He is seen here with IJM Corp Bhd chairman Tan Sri Dr. Lai Teck Seng.

INNOVATION
PETALING JAYA: IJM Corp Bhd shares target investment and growth in the coming years, says its managing director, Lim Soon Teo. He is seen here with IJM Corp Bhd chairman Tan Sri Dr. Lai Teck Seng.

The next stage of growth

Construction stalwart IJM sets the stage to prepare itself for a new, bigger and more exciting future.

Merger endorsed by shareholders

IJM shares up on good progress made for Road Builder buy

By UZMIN IDRIS
Corporate Communications

PERSONALITIES
PETALING JAYA: SP Setia Sdn Bhd shares target investment and growth in the coming years, says its managing director, Lim Soon Teo. He is seen here with IJM Corp Bhd chairman Tan Sri Dr. Lai Teck Seng.

INNOVATION
PETALING JAYA: IJM Corp Bhd shares target investment and growth in the coming years, says its managing director, Lim Soon Teo. He is seen here with IJM Corp Bhd chairman Tan Sri Dr. Lai Teck Seng.



RANGKA KERJA & KOMITMEN

Penyata Wawasan, Misi & Budaya Korporat 05

Profil Korporat 06

Struktur Kumpulan 08

Piagam IJM 10

Maju Terus Maju

"Sejak penubuhannya pada 1984,
IJM telah berkembang secara
berlipat ganda, menjadi nama
antarabangsa tersegan dengan
rekod prestasi yang cemerlang
disokongi butir-butir ketara melalui
penerimaan pelbagai anugerah
serta projek-projek ternama."

Korporat Kami...



...Wawasan Untuk menjadi jurubina Malaysia bagi projek-projek infrastruktur dan bangunan bertaraf dunia yang berdaya saing di peringkat antarabangsa.

...Misi Untuk terus memberikan standard prestasi tertinggi dalam semua usaha niaga kami dengan Mercu Kecemerlangan IJM.


...Budaya

Kami berusaha untuk:-

- mendukung standard keprofesionalan tertinggi dan urus tadbir korporat contoh untuk memaksimumkan manfaat bagi semua pemegang kepentingan;
- menghormati pelbagai budaya, jantina, agama, hak asasi manusia dan maruah semua pemegang pelbagai kepentingan kami;
- memastikan kualiti produk dan perkhidmatan kami melangkaui jangkaan pelanggan-pelanggan kami;
- mewujudkan suasana yang kondusif bagi semangat berpasukan di kalangan kakitangan kami, untuk berusaha ke arah tenaga kerja yang bersatu padu; dan
- menjadi warga korporat yang bertanggungjawab dan dihormati dengan keprihatinan terhadap isu-isu sosial, keselamatan, kesihatan dan alam sekitar.



PADA TAHUN 1984, TIGA BUAH SYARIKAT PEMBINAAN TEMPATAN YANG GIGIH - IGB CONSTRUCTION SDN BHD, JURUTAMA SDN BHD DAN MUDAJAYA SDN BHD - TELAH BERGABUNG DALAM USAHA UNTUK BERSAING SECARA LEBIH BERKESAN TERHADAP PESAING-PESAING ASING YANG LEBIH BESAR. HASILNYA ADALAH IJM - SEBUAH KUMPULAN PEMBINAAN YANG DIURUSKAN SECARA PROFESIONAL YANG DITERIMA DENGAN SERTA-MERTA OLEH PASARAN. MEREKA MEMPUNYAI KEUPAYAAN KEWANGAN UNTUK BERSAING SECARA BERKESAN TERHADAP PENGUSAHA-PENGUSAHA ASING TERKEMUKA.



Sejak itu reputasi IJM semakin meningkat dan menjadi terkenal di peringkat antarabangsa. Rekod prestasi cemerlangnya telah ditauliahkan dengan pelbagai anugerah. Anugerah-anugerah terbaru termasuklah:

- Anugerah Kontraktor Antarabangsa Malaysia bagi Tahun 2000 dan 2005
- Anugerah Jurubina Malaysia bagi Tahun 2001
- Anugerah Projek Kategori Pembinaan Utama pada tahun 2003
- Anugerah Kecemerlangan MITI bagi Perkhidmatan Eksport bagi tahun 2003

Reputasi cemerlang syarikat bagi profesionalisme, prestasi dan urus tadbir yang baik juga menyaksikannya dianugerahkan:

- Anugerah Perdana Urus Tadbir Korporat Perniagaan Malaysia pada tahun 2002
- Anugerah Asia Money Best Managed Company (Modal Sederhana) di Malaysia dalam tahun 2006
- Anugerah Merit Korporat BSKL (Sektor Pembinaan) pada tahun 2002 dan 2003
- Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA pada tahun 2003, 2004 dan 2006.

Pertumbuhan pesat IJM sepanjang lebih dua dekad yang lepas adalah hasil daripada tumpuannya ke atas kekompetenan teras, mempelbagai ke dalam perniagaan berkaitan dan berkembang ke dalam pasaran-pasaran baru. Menuil ke atas kepakaran pembinaan intrinsiknya, IJM tidak lama kemudian menceburi ke dalam pembangunan harta dan telah berjaya menggabungkan sumber-sumbernya untuk menawarkan hasil yang berkualiti pada nilai yang tinggi kepada pasaran Malaysia. Pada hari ini, pembangunan harta menjadi bahagian utama kegiatan-kegiatan Kumpulan.

Penglibatannya dalam skim penswastaan infrastruktur luar negeri (Bina-Kendali-Pindah) terbukti amat berjaya. Ini termasuk pelaburan dalam projek-projek infrastruktur terkemuka seperti Laluan Bertol Jalan Masuk ke Barat di Argentina, lebuh raya bertol Swarna dan Rewa di India, konsesi rawatan air Binh An Water di Vietnam, antara lainnya.

Dengan beberapa konsesi di bawah pembinaan di India dan, buat pertama kali, mendapat peluang untuk terlibat dalam jalan raya bertol Malaysia, perniagaan konsesi infrastruktur bersedia untuk menjadi bahagian utama operasi masa hadapan Kumpulan.



Permintaan bagi bahan-bahan binaan telah menyemarakkan lagi pertumbuhan. IJM terus mara dengan satu lagi asas pertumbuhan melalui pembentukan Bahagian Industrinya; mengembangkan operasi dalamannya, seperti pengilangan produk-produk konkrit dan pengkuarian ke dalam kegiatan teras yang tertumpu pada permintaan di luar Kumpulan. Ia terus mengembangkan operasinya dalam sektor ini dengan pengambilalihan strategik seperti pengambilalihan Industrial Concrete Products Berhad.

Kumpulan memperkenalkan wawasan yang hebat dengan menceburi ke dalam perladangan pada tahun 1985 sebagai sumber pendapatan stabil untuk mengurangkan kesan sifat kitaran perniagaan pembinaan. Sejak dari itu pelaburan ini telah mendatangkan hasil yang baik. Kini disenaraikan pada Papan Utama Bursa Malaysia, Bahagian Perladangan ini telah menyumbang dengan ketara kepada pendapatan Kumpulan sepanjang beberapa tahun dan juga telah membantu menampung pendapatan Kumpulan pada masa-masa sukar, seperti semasa krisis kewangan Asia 1997/98.

Menuil sekali lagi ke atas kepakaran pembinaannya, Kumpulan menyasarkan pelaburan infrastruktur untuk membina aliran pendapatan berulang untuk jangka masa panjang. Percubaan awal untuk berjaya di Malaysia terbukti agak sukar dan dengan itu, Kumpulan memberi tumpuan kepada luar negeri.

Pada tahun 2007, pengambilalihan Kumpulan Road Builder (RBH) menjadikan IJM sebuah entiti yang lebih kukuh dan lebih besar dengan meningkatkan keupayaan dan kebolehannya ke atas tiga perniagaan teras utamanya. Selain untuk menambah buku tempahan bagi bahagian pembinaan, dan simpanan tanah bagi bahagian harta; tambahan konsesi Tol dan Pelabuhan RBH memberikan kepentingan baru kepada Bahagian Infrastruktur. Peristiwa pencapaian penting ini telah meningkatkan kedudukan kewangan IJM dengan ketara.

Apabila ia disenarai awam pada tahun 1986, IJM mempunyai permodalan pasaran sebanyak RM66 juta dan jumlah aset sebanyak RM172 juta. Dengan penyelesaian pengambilalihan RBH, permodalan pasaran Kumpulan diperbesar dan jumlah aset masing-masing melebihi RM7 bilion dan RM10 bilion pada 30 April 2007.

Disokong oleh asas-asas yang kukuh dan wawasan strategik; pertumbuhan teguh, keberuntungan tanpa gangguan dan perniagaan yang sangat antarabangsa terus memantapkan IJM hari ini. Lebih penting, reputasi cemerlangnya sepanjang beberapa tahun telah menjadikan profesionalisme, prestasi dan urus tadbir korporat yang baik ciri-ciri yang istimewa buat Kumpulan.

**PEMBINAAN**

► IJM Construction Sdn Bhd

HARTANAH

► IJM Properties Sdn Bhd

ANAK-ANAK SYARIKAT

- IJM Building Systems Sdn Bhd
- Insitu Envirotech Pte Ltd
 - Insitu Envirotech (M) Sdn Bhd
 - Insitu Envirotech (S.E. Asia) Pte Ltd
- Jurutama Sdn Bhd
- Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd

SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

- Hexacon Construction Pte Ltd
- Integrated Water Services (M) Sdn Bhd

ENTITI KAWALAN BERSAMA

- Ambang Usaha Sdn Bhd

► GR Commerce Sdn Bhd
 ► IJM Construction (Middle East) LLC
 ► Nilai Cipta Sdn Bhd

Road Builder (M) Holdings Bhd

- Road Builder (M) Sdn Bhd
 - RB Trading Sdn Bhd
- RB Construction Sdn Bhd

ANAK-ANAK SYARIKAT

- Aqua Aspect Sdn Bhd
- Chen Yu Land Sdn Bhd
- IJM Management Services Sdn Bhd
- IJM Lingamaneni Township Private Limited
- Jalinan Masyhur Sdn Bhd
- Jelutong Development Sdn Bhd
- Liberty Heritage Sdn Bhd
- Manda'rina Sdn Bhd
- NS Central Market Sdn Bhd
- Sinaran Intisari (M) Sdn Bhd
- Suria Bistari Development Sdn Bhd
- Swarnandhra-IJMII Integrated Township Development Company Private Limited
- Wedec Sdn Bhd

SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

- Ever Mark (M) Sdn Bhd
- Masscorp-Vietnam Sdn Bhd
- Worldwide Ventures Sdn Bhd
 - Sheffield Enterprise Sdn Bhd

ENTITI KAWALAN BERSAMA

- Astaka Tegas Sdn Bhd
- Elegan Pesona Sdn Bhd
- LCL-IJMII International Interiors Private Limited
- Radiant Pillar Sdn Bhd
- Sierra Selayang Sdn Bhd
- Sierra Ukay Sdn Bhd

IJM Australia Pty Ltd

- RB Land Holdings Berhad
 - RB Land Sdn Bhd
 - Shah Alam 2 Sdn Bhd
 - Erms Berhad
 - Emko Properties Sdn Bhd
- NPE Property Development Sdn Bhd
 ► RB Development Sdn Bhd

Nota: Tidak termasuk syarikat-syarikat lengai/tidak beroperasi

- Anak syarikat / syarikat bersekutu / entiti kawalan bersama langsung oleh IJM Corporation Berhad.
- Anak-anak Syarikat
- Syarikat-syarikat Bersekutu
- Entiti Kawalan Bersama
- Anak syarikat / syarikat bersekutu / entiti kawalan bersama langsung oleh Road Builder (M) Holdings Bhd
- ^ 49.5% syarikat bersekutu Styrobuilt Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh IJM Corporation Berhad
- * Syarikat-syarikat Bersekutu IJMII (Mauritius) Limited
- # Syarikat-syarikat Bersekutu oleh IEMCEE Infra (Mauritius) Limited
- Anak syarikat / syarikat bersekutu / entiti kawalan bersama langsung oleh IJM (India) Infrastructure Ltd
- * Anak syarikat milik penuh RB Port Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh Road Builder (M) Holdings Berhad



INDUSTRI

Industrial Concrete Products Berhad

ANAK-ANAK SYARIKAT

- Concrete Mould Engineering Sdn Bhd
- Durabon Sdn Bhd
- Expedient Resources Sdn Bhd
 - Tadmansori Rubber Industries Sdn Bhd
- ICP Investment (L) Limited
 - ICPB (Mauritius) Limited
 - IJM Concrete Products Private Limited
- ICP Jiangmen Co. Ltd
- ICP Marketing Sdn Bhd
- Malaysian Rock Products Sdn Bhd
 - Aggregate Marketing Sdn Bhd
 - Azam Ekuiti Sdn Bhd
 - Global Rock Marketing Sdn Bhd
 - Kuang Rock Products Sdn Bhd
 - Oriental Empire Sdn Bhd
 - Scaffold Master Sdn Bhd
 - Strong Mixed Concrete Sdn Bhd
- Ubon Steel Sdn Bhd

Kamad Quarry Sdn Bhd

Kemena Industries Sdn Bhd

Torsco Sdn Bhd

ANAK-ANAK SYARIKAT

- Torsco Overseas Sdn Bhd

SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

Cofreth (M) Sdn Bhd

Metech Group Berhad

Spirolite (M) Sdn Bhd

IJM Plantations Berhad

PERLADANGAN

IJM Plantations Berhad

ANAK-ANAK SYARIKAT

- Akrab Perkasa Sdn Bhd
- Ampas Maju Sdn Bhd
- Berakan Maju Sdn Bhd
- Desa Talisai Palm Oil Mill Sdn Bhd
- Desa Talisai Sdn Bhd
- Dynasive Enterprise Sdn Bhd
- Excellent Challenger (M) Sdn Bhd
- Gapas Mewah Sdn Bhd
- Golden Grip Sdn Bhd
- Gunaria Sdn Bhd
- IJM Agri Services Sdn Bhd
- IJM Biofuel Sdn Bhd
- IJM Edible Oils Sdn Bhd
- Kulim Mewah Sdn Bhd
- Laserline Sdn Bhd
- Minat Teguh Sdn Bhd
- Mowtas Bulkers Sdn Bhd
- Rantajasa Sdn Bhd
- Rakanan Jaya Sdn Bhd
- Ratus Sempurna Sdn Bhd
- Sabang Mills Sdn Bhd
- Sijas Plantations Sdn Bhd
- Sri Kilau Sdn Bhd

SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

- Loongsyn Sdn Bhd
- Mowtas Multi-User Jetty Sdn Bhd

INFRASTRUKTUR DAN LAIN-LAIN

IJM International Limited

IJM Overseas Ventures Sdn Bhd

SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

- Earning Edge Sdn Bhd
- Masscorp Namibia Sdn Bhd

IJM Investments (L) Ltd
IJM Investments (M) Limited

ANAK-ANAK SYARIKAT

- IEMCEE Infra (Mauritius) Limited
- IJMII (Mauritius) Limited
 - IJM (India) Infrastructure Ltd
 - IJM (India) Geotechniques Private Limited
 - Roadstar (India) Infrastructure Private Limited
 - Swarnandhra Road Care Private Limited
- IJM Rajasthan (Mauritius) Limited
 - Jaipur - Mahua Tollway Private Limited
- IJM Rewa (Mauritius) Limited
 - Rewa Tollway Private Limited
- IJM Trichy (Mauritius) Limited
 - Trichy Tollway Private Limited

SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

- Gautami Power Limited
- Pacific Alliance-Stradec Group Infrastructure Company LLC
- Swarna Tollway Pte Ltd

SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

- Lebuhraya Kajang-Seremban Sdn Bhd
- CIDB Inventures Sdn Bhd
- Emas Utilities Corporation Sdn Bhd
- Grupo Concesionario del Oeste S A
- Masscorp-Chile Sdn Bhd

ANAK-ANAK SYARIKAT

- Besraya (M) Sdn Bhd
- New Pantai Expressway Sdn Bhd
- RB Highway Services Sdn Bhd
- Kuantan Port Consortium Sdn Bhd
 - Sukma Samudra Sdn Bhd

SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

- Konsortium Pelabuhan Kemaman Sdn Bhd

Polisi perniagaan dan pengurusan
kami terus dipandu oleh komitmen
kukuh kami ke arah...

Produk & Perkhidmatan Berkualiti

Hubungan Klien Yang Amanah

Keselamatan, Kesihatan & Alam Sekitar

Kebajikan Kakitangan

Tanggungjawab Sosial

Urus Tadbir Korporat Yang Baik

Memaksimumkan Pulangan Pemegang
Pelbagai Kepentingan

Pengurusan Beretika




ORGANISASI & PENGEMUDIAN

Semangat Terserlah

| | |
|-------------------------------|----|
| Carta Organisasi Kumpulan | 13 |
| Lembaga Pengarah & Setiausaha | 14 |
| Profil Para Pengarah | 16 |
| Profil Pengurusan Kanan | 24 |

"Kuasa pemikiran adalah aset terbesar IJM. Ini adalah kesan daripada kepimpinan berwawasan, tenaga kerja yang fokus dan bermotivasi dan penekanan berterusan ke atas pengekalan suasana kerja saling mempercayai dan menghormati satu sama lain."

CARTA ORGANISASI KUMPULAN



Khidmat Sokongan Kumpulan

kiri ke kanan

Atas:

- Soo Heng Chin
- Jeremie Ting Keng Fui
- Cyrus Eruch Daruwalla
- Lee Chun Fai
- Colin Lee Eu Kong
- Pang Mok Shyan
- Devaraj Govindarajoo

Bawah:

- Low Sook Heong
- Ng Yoke Kian
- Tan Peng Kok
- Wong Hong Fay
- Siva Kumar s/o Rajappan
- Lyndon Alfred Felix
- Ahmad Nazmi bin Mohamed Ali





Duduk (kiri ke kanan) : Datuk Lee Teck Yuen

Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor

Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan

Tan Sri Dato' (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob

Dato' Goh Chye Koon

Datuk Yahya bin Ya'acob

Soo Heng Chin



LEMBAGA PENGARAH & SETIAUSAHA

Berdiri (kiri ke kanan) : Tan Gim Foo
Hasni bin Harun
Dato' (Dr) Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad
Tan Sri Abdul Halim bin Ali
Datuk Oh Chong Peng
Ayyaril Karikulath Feizal Ali
Dato' David Frederick Wilson
Teh Kean Ming
Jeremie Ting Keng Fui *Setiausaha Syarikat*

**Y. BHG. TAN SRI DATO' (DR) WAN ABDUL RAHMAN BIN WAN YAACOB**

PENGERUSI BUKAN EKSEKUTIF BEBAS

PSM, SPMT, DPMT, JSM, AMN, *D.Eng.(h.c.) B'ham, FASc, FIEM, FICE, FIHT, FCIOB, P.Eng., C.Eng.*

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan • Jawatankuasa Audit

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Wan Abdul Rahman, dilahirkan pada Jun 1941, menyertai Lembaga pada 1 Julai 1996. Beliau dilantik sebagai Pengerusi IJM pada 28 Februari 2003.

Beliau memperolehi Diploma dalam Kejuruteraan Awam dari Maktab Teknik, Kuala Lumpur pada 1963, Diploma dalam Kejuruteraan Awam & Struktur dari Brighton College of Technology, United Kingdom pada tahun 1965, dan menghadiri Advanced Management Programme dari Harvard Business School, Boston, Massachusetts, USA pada 1993. Beliau dianugerahkan Doktor Kehormat Kejuruteraan oleh University of Birmingham, United Kingdom pada 1994. Beliau telah berkhidmat dengan Kementerian Kerja Raya selama 32 tahun, dengan enam (6) tahun terakhir memegang jawatan Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya sebelum persaraan beliau pada tahun 1996.

Beliau pada masa ini adalah Pengerusi Majlis Standard & Akreditasi Malaysia dan Persatuan Kejuruteraan Jalan Raya (REAM). Beliau adalah ahli Majlis The Road Engineering Association of Asia & Australia (REAAA) dan ahli Ex-Officio Institusi Lebuh raya dan Pengangkutan (Cawangan Malaysia). Pada masa ini beliau merupakan Naib Presiden Persatuan Tenis Kuala Lumpur dan Persatuan Kriket Malaysia.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat lain termasuk Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad (Pengerusi), Lysaght Galvanized Steel Berhad (Pengerusi), Bank of America Malaysia Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, MMC Corporation Berhad, NCB Holdings Berhad, Saujana Consolidated Berhad dan SIME UEP Properties Berhad.



Y. BHG. DATO' TAN BOON SENG @ KRISHNAN

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF & PENGARAH URUSAN

SMS, DSPN, *B.Econs(Hons)*, CPA(M), CA, MBA

Jawatankuasa Eksekutif • Jawatankuasa Saham

Y. Bhg. Dato' Tan, dilahirkan pada Disember 1952, menyertai IJM sebagai Pengawal Kewangan pada tahun 1983 dan menyertai Lembaga sebagai Pengarah Silih Ganti pada 12 Jun 1984, Pengarah pada 10 April 1990 dan Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan pada 1 November 1993. Beliau memegang jawatan Pengarah Urusan Kumpulan pada 1 Januari 1997. Jawatan beliau telah dilantik semula kepada Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan pada 26 Februari 2004.

Beliau berkelayakan sebagai Akauntan Awam Bertauliah pada 1978 selepas tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1975, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Golden Gate University, San Francisco, USA. Sebelum menyertai IJM, beliau telah berkhidmat dengan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad selama tujuh (7) tahun, jawatan terakhir beliau adalah Pengawal Kewangan Kumpulan bagi Kumpulan.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk IJM Plantations Berhad, Industrial Concrete Products Berhad, Malaysian South-South Corporation Berhad dan Grupo Concesionario del Oeste S.A., Argentina. Beliau juga adalah Presiden COBRA (Combined Old Boys Rugby Association) sejak tahun 1995, dan Pemegang Amanah Yayasan Kepimpinan Perdana sejak 2003.

**Y. BHG. DATO' GOH CHYE KOON**

TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF & TIMBALAN PENGARAH URUSAN
KMN, DSPN, JMN, *B.Eng.(Civil)(Hons), MIEM, P.Eng.*
Jawatankuasa Eksekutif • Jawatankuasa Saham • Jawatankuasa ESOS

Y. Bhg. Dato' Goh, dilahirkan pada Jun 1949, telah menjadi Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan IJM sejak 1 Januari 1997. Jawatan beliau telah dilantik semula kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan pada 26 Februari 2004.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1973, dan berkhidmat sebagai jurutera di Kementerian Kerja Raya selama 11 tahun dan merupakan Jurutera Pengawasan sebelum menyertai IJM sebagai Jurutera Kanan pada 1984. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar (Kawasan Tengah) pada 1986 dan telah dilantik Pengarah Silih Ganti pada 25 Julai 1995 sebelum memegang jawatan semasanya. Beliau adalah juga Pengarah IJM Plantations Berhad dan Road Builder (M) Holdings Berhad.

Beliau pada masa ini adalah Pengerusi Majlis Presiden Industri Pembangunan dan adalah seorang ahli Kumpulan Sumber Teknikal atas Sumber Manusia dari Perbandaran Produktiviti Negara. Beliau adalah Presiden Master Builders Association Malaysia bagi sesi 2004-2006, dan merupakan Timbalan Presiden bagi sesi 2002/2004, Naib Presiden dari tahun 1990 sehingga 2002 dan Timbalan Setiausaha Agung dari tahun 1988 sehingga 1990. Beliau adalah juga ahli Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan, Malaysia (2004-2006), ahli Panel Perunding Pembinaan Perbadanan Produktiviti Negara (2003-2006) dan ahli Majlis Perunding Presiden Lembaga Jurutera, Malaysia (2002-2004).

SOO HENG CHIN

PENGURUS BESAR KANAN & PENGARAH EKSEKUTIF
B.Eng.(Civil)(Hons), MIEM, MBA

Jawatankuasa Eksekutif • Jawatankuasa Saham • Jawatankuasa ESOS



Mr Soo, dilahirkan pada Januari 1955, telah dilantik sebagai Pengarah Silih Ganti pada 12 Jun 1998 dan kemudiannya Pengarah Eksekutif Kumpulan pada 17 Mei 2001. Jawatan beliau telah dilantik semula kepada Pengurus Besar Kanan & Pengarah Eksekutif berkuat kuasa dari 26 Februari 2004. Beliau mengetuai Perkhidmatan Pembinaan di Ibu Pejabat menyelia bahagian Kontrak, Pembelian & Stor, Loji & Bengkel, Teknikal, Kawalan Projek dan Jabatan Sistem Kualiti & Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1978, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Golden Gate University, San Francisco, USA. Sebelum menyertai IJM pada 1979 sebagai jurutera di Mudajaya Construction Sdn Bhd, beliau merupakan jurutera dengan Jabatan Saliran dan Pengairan, Pahang.



Y. BHG. TAN SRI DATO' (DR) HAJI MURAD BIN MOHAMAD NOOR
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS KANAN

PSM, DSDK, JMN, PMK, SMK, KMN, BA (Hons)(Mal), Dip.Ed.(Mal), Dip.Ed.Admin (Reading UK), Hon.D.Litt (Reading UK), Hon.D.Ed (USM Penang), Hon.D.Ed.Ph (IIU), Hon.D.Ed (UPSI)
Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan • Jawatankuasa Audit • Jawatankuasa ESOS

Y. Bhg. Tan Sri Murad, dilahirkan pada April 1930, telah dilantik ke Lembaga pada 25 Julai 1985. Beliau dilantik semula sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan pada 16 Mei 2001.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dan Diploma dalam Pendidikan dari Universiti Malaya masing-masing pada 1955 dan 1956, dan Diploma dalam Pendidikan & Pentadbiran dari University of Reading, United Kingdom pada 1961. Beliau telah dianugerahkan Doktor Persuratan Kehormat pada tahun 1990 oleh University of Reading, dan Doktor Pendidikan Kehormat oleh Universiti Sains Malaysia in 1992.

Jawatan beliau pada masa lepas termasuk Ketua Pengarah Pendidikan (1976-1985), Pengerusi Lembaga Pembangunan Bandar (1985-1988), Pengerusi Institusi Pengajian Hutan Malaysia (1985-1990), Pengerusi Majlis Universiti Sains Malaysia (1985-1992), dan Naib Presiden Universiti Islam Antarabangsa (1992-1995).



Y. BHG. TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS
PMN, PJN, SPMS, SIMP, DGSM, DHMS, DSDK, JSM, KMN, BA (Hons), University of Malaya

Y. Bhg. Tan Sri Abdul Halim, dilahirkan pada Julai 1943, telah dilantik sebagai Pengarah pada 25 April 2007.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1966. Beliau menyertai Kementerian Luar Negeri dan berkhidmat dalam Perkhidmatan Diplomatik Malaysia dari tahun 1966 sehingga 1996. Dalam tempoh ini, beliau berkhidmat dalam beberapa misi diplomatik luar negeri, termasuk pelantikan duta di Vietnam dan Austria. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha kepada Kerajaan Malaysia pada tahun 1998 dan bersara pada 2001. Selepas persaraan beliau, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sehingga Januari 2007.

Jawatan pengarah beliau dalam lain-lain syarikat awam termasuk Malaysia Building Society Berhad (Pengerusi), Malakoff Corporation Berhad (Pengerusi), Minority Shareholders Watchdog Group (Pengerusi), ESSO Malaysia Berhad, LCL Corporation Berhad dan Zelan Berhad (Pengerusi).

Y. BHG. DATUK OH CHONG PENG
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS
 PJN, JSM, FCA
 Jawatankuasa Audit

Y. Bhg. Datuk Oh, dilahirkan pada Julai 1944, telah dilantik sebagai Pengarah pada 12 April 2002.

Beliau menjalani latihan perakaunan di London dan menerima kelayakan sebagai Akauntan Bertauliah pada 1969 dan pada masa ini adalah ahli Fellow Institute of Chartered Accountants of England and Wales. Beliau juga seorang ahli Institusi Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Institusi Juruakaun Malaysia (MIA).

Beliau adalah rakan firma kanan Coopers and Lybrand (kini dikenali sebagai PricewaterhouseCoopers), Malaysia dari tahun 1974 sehingga beliau bersara pada tahun 1997. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Bursa Saham Kuala Lumpur dari tahun 1990 sehingga 1996, dan bekas Presiden (1994 sehingga 1996) dan Ahli Majlis (1981 sehingga 2002) Institusi Akauntan Awam Bertauliah Malaysia.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat awam lain termasuk Land & General Berhad (Pengerusi), Malaysian Plantations Berhad (Pengerusi), British American Tobacco (Malaysia) Berhad, IJM Plantations Berhad, Star Publications (Malaysia) Berhad dan Rohas-Euco Industries Berhad. Beliau adalah juga Pemegang Amanah Huaren Education Foundation dan UTAR Education Foundation; dan Ahli yang dilantik oleh Kerajaan bagi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan dan Lembaga Taraf Perakaunan Malaysia (MASB)



Y. BHG. DATUK YAHYA BIN YA'ACOB
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS
 PJN, DIMP, JSM, KMN, SMP, PBS, B.A. (Hons), D.P.A. (Malaya), M.B.M. (Philippines)
 Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan • Jawatankuasa Audit

Y. Bhg. Datuk Yahya, dilahirkan pada Januari 1944, telah dilantik sebagai Pengarah pada 31 Mac 1999.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dan Diploma dalam Pentadbiran dari Universiti Malaya masing-masing pada 1967 dan 1970, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan dari Asian

Institute of Management pada 1976.

Beliau telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik Malaysia selama lebih daripada 32 tahun, setelah berkhidmat selama lima (5) tahun yang terakhir sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya sebelum beliau bersara pada tahun 1999. Jawatan-jawatan lain beliau termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan (1991-1994), Setiausaha Perbendaharaan Persekutuan, Bahagian Kontrak (1988-1991), Timbalan Pengarah Unit Pelaksanaan & Penyelaras, Jabatan Perdana Menteri (1986-1988), dan Timbalan Setiausaha Perbendaharaan Persekutuan, Bahagian Kewangan (1976-1986).

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Emas Kiara Industries Berhad, LBI Capital Berhad, UDA Holdings Berhad dan Pelaburan Johor Berhad.



Y. BHG. DATO' (DR) MEGAT ABDUL RAHMAN BIN MEGAT AHMAD

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

DSDK, Bachelor of Commerce, FCA (AUST)

Y. Bhg. Dato' Megat, dilahirkan pada Ogos 1939, telah dilantik sebagai Pengarah pada 31 Oktober 2005 dan merupakan wakil Zelan Berhad.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari University of Melbourne, Australia. Beliau adalah ahli Institute of Chartered Accountants di Australia, ahli Institut Akauntan Awam Bertaullah Malaysia (MICPA) dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau juga pemegang ijazah Doktorat Kehormatan dalam Pertadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga dianugerah "Anugerah Presiden" oleh MICPA pada Jun 2004 bagi sumbangan khas kepada Institusi ikatias perakaunan dengan masyarakat.

Beliau mula berkhidmat dengan Institut Teknologi MARA sebagai pensyarah dari tahun 1962 sehingga 1966 dan menjadi Ketua Kajian dan Dekan Hal Ehwal Akademik pada 1969. Beliau mempunyai pengalaman perakaunan profesional beliau dengan Coopers & Lybrand, Sydney, Australia dari tahun 1966 sehingga 1969.

Pelantikan beliau sebelum ini termasuk Rakan Firma KPMG dan Rakan Firma Urusan KPMG, Desa, Megat & Co. dari 1973 sehingga 1983. Beliau adalah Pengarah Eksekutif dan Pengarah Kewangan dalam Kumpulan Guthrie Berhad dari 1983 sehingga 1994. Beliau juga bekal Presiden MICPA (1980 sehingga 1983).

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Press Metal Berhad (Pengerusi), Boustead Holdings Berhad, Integrated Rubber Corporation Berhad, Royal & Sun Alliance Insurance (M) Berhad, Zelan Berhad dan UAC Berhad. Beliau adalah juga Pemegang Amanah Yayasan Tenaga Nasional.

AYYARIL KARIKULATH FEIZAL ALI

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

MBA (Finance), B.Sc (Acc), B.Com

Encik Feizal Ali, dilahirkan pada Mei 1961, telah dilantik sebagai Pengarah pada 5 Januari 2007 dan merupakan wakil Zelan Berhad.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari University of Santa Clara, California, USA, dan memegang ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pentadbiran Perniagaan (Perakaunan) dari Menlo College, California, USA dan ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari University of Kerala, India.

Beliau memulakan kerjayanya dalam Perakaunan dan Kewangan di industri perbankan US dari tahun 1985 sehingga 1989 dan kemudiannya bekerja di Timur Tengah selama lima tahun dari tahun 1989 sehingga 1994. Beliau menyertai MMC Corporation Berhad ("MMC") sebagai Penasihat Khas kepada Pengerusi dalam September 2001 dan memegang jawatan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan MMC pada Disember 2001. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan pada Mac 2004 sebelum memegang peranan Pemangku Ketua Eksekutif Kumpulan. Pada September 2006, beliau telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif Kumpulan MMC. Sebelum menyertai MMC, beliau adalah Naib Presiden Kewangan Commerce Dot Com Sdn Bhd (1999 - 2001), Ketua Pegawai Kewangan Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn Bhd (1996 - 1999) dan Pengurus Besar Kewangan Prolink Development Sdn Bhd (1994 - 1996).

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Malakoff Berhad, Malakoff Corporation Berhad, MMC Corporation Berhad, MMC Engineering Berhad, Johor Port Berhad dan Zelan Berhad.





DATUK LEE TECK YUEN
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF
PJN, B.Sc. (Civil Eng. & BA)(Hons)

Y. Bhg. Datuk Lee, dilahirkan pada Ogos 1956, telah dilantik sebagai Pengarah pada 30 Mei 2007.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Kejuruteraan Awam dan Pentadbiran Perniagaan dari University of Leeds, United Kingdom pada 1978.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat lain awam termasuk Road Builder (M) Holdings Bhd (Naib Pengerusi Eksekutif), RB Land Holdings Berhad (Naib Pengerusi Eksekutif), Malaysian South-South Corporation Berhad dan TT Resources Bhd. Beliau pada masa ini adalah Presiden Persekutuan Ski Air Malaysia, Setiausaha Kehormat Majlis Sukan Air Malaysia dan Konsul Kehormat Republik Colombia.



DATO' DAVID FREDERICK WILSON
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF
DIMP, MA (Mech.Sc), BA (Mech.Sc)

Y. Bhg. Dato' David, seorang warganegara Britain, dilahirkan pada Mac 1945, telah dilantik sebagai Pengarah pada 30 Mei 2007.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Sains Mekanikal dari Cambridge University, United Kingdom. Beliau adalah juga ahli Fellow Institution of Civil Engineers, United Kingdom dan Institution of Highways and Transportation, United Kingdom.

Beliau bekerja dengan beberapa projek infrastruktur dan pembangunan di United Kingdom, Afrika, Amerika Tengah, Caribbean dan Timur Tengah Sebelum datang ke Malaysia pada tahun 1980 untuk bekerja sebagai Ketua Jurutera Residen dalam projek Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban serta pembentukan sistem tol lebuhraya yang pertama di Malaysia.

Pada 1986, beliau menyertai United Engineers (Malaysia) Berhad sebagai Pengurus Besar - Servis Teknikal dan Pengarah Urusan Kinta Kelas Plc (1990 - 1994), dalam masa ini beliau bertanggungjawab untuk pengurusan pembinaan Lebuhraya Express Utara-Selatan. Pelantikan beliau sebelum ini termasuk Pengurus Projek (1986) dan Pengurus Besar - Khidmat Teknikal (1987 - 1998) United Engineers (Malaysia) Berhad, Pengarah Urusan Renong Overseas Corporation Sdn Bhd (1995 - 2002), Pengarah Urusan Crest Petroleum Berhad (1998 - 2000) dan Presiden Jabatan Pembinaan dan Kejuruteraan Kumpulan Renong (1998 - 2002).

Beliau adalah juga Pengarah Road Builder (M) Holdings Bhd.



TEH KEAN MING PENGARAH SILIH GANTI KEPADA DATO' GOH CHYE KOON
PKT, B.E (Civil), P.Eng., MIEM

Mr Teh, dilahirkan pada April 1955, telah dilantik sebagai Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan, pada 16 Ogos 2006. Beliau adalah Pengarah silih ganti kepada Dato' Goh Chye Keat, dari 1 September 2005 sehingga 16 Ogos 2006. Beliau merupakan Pengarah Urusan IJM Properties Sdn Bhd sejak 1 Januari 2005 dan mengetuai Bahagian Harta IJM.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari University of New South Wales, Australia pada 1981.

Beliau adalah Jurutera Residen Awam & Struktur Projek Dayabumi Fasa 3 (1981-1983) dan Malayan Banking Berhad (1983-1987) dan Jurutera/Pengurus Tapak Antah Biwater J.V. Sdn Bhd (1987-1989) sebelum menyertai IJM Construction Sdn Bhd sebagai Pengurus Projek (1989-1993), Pengurus Kanan (Projek) (1994-1997) dan Pengarah Projek (1998-2001). Beliau adalah Pengurus Besar Kumpulan IJM Corporation Berhad dari 1 April 2001 sehingga 31 Disember 2004.

Beliau adalah juga Pengarah Metech Group Berhad



TAN GIM FOO PENGARAH SILIH GANTI KEPADA ENCIK SOO HENG CHIN
B. Eng. (Civil) (Hons), P.Eng., MIEM

Mr Tan, dilahirkan pada Jun 1958, telah dilantik sebagai Pengarah silih ganti kepada En Soo Heng Chin, pada 1 September 2005.

Beliau merupakan Pengarah Eksekutif IJM Construction Sdn Bhd sejak 1 Januari 2005 dan mengetuai pembinaan Unit-unit Projek di Malaysia. Beliau adalah juga ketua Unit Projek 1 sejak 8 Mac 2003, menyelia projek-projek pembinaan di Kawasan Tengah.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kepujian Tahap 1 dari Universiti Malaya pada tahun 1983, dan memperolehi ijazah saujana dalam Pentadbiran Pengurusan dari Charles Sturt University, New South Wales, Australia.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Jurutera Tapak Mudajaya Construction Sdn Bhd (1983-1986) sebelum menyertai IJM sebagai Jurutera Perancangan & Reka Bentuk (1986-1988), Pengurus Projek (1988-1994), Pengurus Kanan (1994-1997) dan Pengarah Projek sejak tahun 1998.



HASNI BIN HARUN PENGARAH SILIH GANTI KEPADA ENCIK A K FEIZAL ALI
B. Accs (Hons), CA, MBA

Encik Hasni, dilahirkan pada Jun 1957, telah dilantik sebagai Pengarah silih ganti kepada Encik A.K. Feizal Ali pada 9 Mei 2007.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1978, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari United States International University, San Diego, California, USA. Beliau juga adalah seorang ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) >

Beliau pada masa ini adalah Ketua Pegawai Operasi Kumpulan MMC Corporation Berhad ("MMC").

Sebelum menyertai MMC, beliau adalah Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan DRB-Hicom Berhad (2006 - 2007), Pengarah Urusan RHB Asset Management Sdn Bhd (2001-2006), dan Pengurus Besar Kanan Jabatan Pelaburan di Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (1994 - 2001). Beliau telah memegang beberapa jawatan kanan dalam Pejabat Akauntan Negara (1980 - 1994).

Jawatan pengarah beliau dalam lain-lain syarikat awam termasuk EON Capital Berhad, EON Bank Berhad, EONCAP Islamic Bank Berhad, Johor Port Berhad, Malakoff Corporation Berhad (dahulunya dikenali sebagai Nucleus Avenue (M) Berhad), Malaysian International Merchant Bankers Berhad, Mardec Berhad, Uni.Asia General Insurance Berhad, dan Uni.Asia Life Assurance Berhad, dan Zelan Berhad.

Nota:

1. Tidak ada perhubungan kekeluargaan di antara para Pengarah dan/atau pemegang-pemegang saham utama Syarikat.
2. Semua Pengarah adalah warganegara Malaysia kecuali A K Feizal Ali adalah residen tetap Malaysia dan Dato' David Frederick Wilson adalah warga British.
3. Tidak ada Pengarah yang mempunyai sebarang kepentingan kewangan dalam mana-mana pengaturan perniagaan melibatkan Kumpulan.
4. Semua Pengarah mengekalkan rekod bersih berhubung dengan sabitan bagi kesalahan.

PROFIL PENGURUSAN KANAN



kiri ke kanan:
Mah Teck Oon, Dato' Soam Heng Choon dan Velayuthan A/L Tan Kim Song

MAH TECK OON *B.Eng. (Hons), P.Eng., MIEM*

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF & PENGARAH URUSAN (INDUSTRIAL CONCRETE PRODUCTS BERHAD)

En Mah, dilahirkan pada November 1952, telah menjadi Ketua Bahagian Industri IJM sejak 1 Julai 1998, dan Ketua Pengarah Eksekutif & Pengarah Urusan Industrial Concrete Products Berhad sejak 20 September 2004.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1976.

Beliau telah berkhidmat dengan Kumpulan Hong Leong Malaysia selama 15 tahun. Dalam 10 tahun pertama beliau adalah Pengurus Besar bagi dua buah syarikat jubin seramiknya. Kemudiannya, beliau menjadi Pengurus Besar Kanan Bahagian Produk Konkrit Hume Industries (M) Berhad sebelum menyertai IJM pada tahun 1995 sebagai Pengurus Besar Kumpulan (Bahagian Industri)

DATO' SOAM HENG CHOON *B.Sc. (Civil Eng)(Hons)*

PENGARAH URUSAN (RB LAND HOLDINGS BERHAD)

Dato' Soam Heng Choon, dilahirkan pada Ogos 1959, ialah Pengrahy Urusan RB Land Holdings Berhad sejak 2006. Beliau adalah juga Pengarah Eksekutif RB Land Sdn Bhd sejak 1998 dan Road Builder (M) Sdn Bhd sejak 1995.

Beliau tamat pengajian dari University of Strathclyde, United Kingdom dengan ijazah Sarjana Sains (Kepujian taraf 1) dalam bidang kejuruteraan awam. Sebelum menyertai Road Builder (M) Holdings Bhd pada 1989, beliau bekerja di Majlis Kementerian Kerja Raya selama 10 tahun.

VELAYUTHAN A/L TAN KIM SONG *M.MIN, D.DIV (India & USA)*

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF & PENGARAH URUSAN (IJM PLANTATIONS BERHAD)

Mr Vela Tan, dilahirkan pada Mei 1954 adalah ketua Bahagian IJM Plantations sejak 25 Ogos 1997, dan Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan IJM Plantations Berhad ("IJMP") sejak 26 Februari 2004.

Beliau melengkap Diploma dalam bidang Pengurusan dari Institut Pengurusan Malaysia dalam tahun 1985. Beliau berkhidmat dalam Multi-Purpose Holdings Berhad selama 5 tahun sebagai Penolong Pengurus sebelum menyertai IJM pada tahun 1985 sebagai Pegawai Projek bagi Desa Talisai Sdn Bhd. Beliau dinaikan pangkat sebagai Pengurus Pertanian pada tahun 1987 dan kemudian sebagai Pengurus Kanan pada tahun 1990. Beliau dilantik sebagai Pengurus Besar Kumpulan pada tahun 1994 sebelum dilantik Pengarah Eksekutif dalam tahun 1997 dan Pengarah Urusan IJMP pada tahun 2003. Beliau adalah Pengurus Eksekutif Kumpulan IJM dari 17 Mei 2001 hingga 21 Mei 2003.

Beliau adalah Ahli Majlis bagi Malaysian Palm Oil Association ("MPOA"), Ahli Lembaga Malaysian Palm Oil Board ("MPOB") dan Presiden (2003-2005) bagi Sabah Rugby Union.



NG CHIN MENG *B.Eng., MIEM, P.Eng., MIE Australia, CP Eng.*
PENGARAH NEGARA (INDIA)

En Ng, dilahirkan pada Oktober 1956, tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam) dari Australia pada tahun 1982.

Selepas tamat pengajian, beliau telah bekerja untuk Australian Road Board selama 11/2 tahun sebelum kembali ke Malaysia untuk bekerja dalam beberapa firma perundingan Malaysia. Beliau terlibat dalam pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan dan banyak projek kejuruteraan awam berat lain.

Beliau menyertai IJM (Industries) pada tahun 1994 sebagai Pengurus Kanan ke atas Projek-projek Jalan. Dari Mac 1997, beliau telah dihantar untuk meneraju Operasi India Kumpulan. Beliau pada masa ini adalah Pengarah Eksekutif IJM (India) Infrastructure Limited.

NEOH SOON HIONG *MBA*
PENGARAH URUSAN (BAHAGIAN TOL)

Mr Neoh, dilahir pada Julai 1956, telah dilantik Pengarah Urusan Lebuhraya Pantai Baru Sdn Bhd ("NPE") dan Besraya Sdn Bhd ("BSB") pada 1 November 2006.

Beliau menamatkan penbelajaran dari Paris Graduate School of Management, France dengan ijazah sarjana Eropah dalam Pentadbiran Pengurusan.

Beliau bekerja untuk Bahagian Kerja Awam lebih daripada 10 tahun dan seterusnya menyertai PLUS Expressways Berhad sebagai seorang jurutera Bahagian Urusan Penyenggaraan pada 1990. Beliau juga jurutera Metramac Corporation Sdn Bhd sebelum beliau menyertai BSB sebagai Pengurus Projek pada 1997. Jawatan-jawatan lain beliau termasuk Ketua Operasi BSB (1999 - 2000), Pengurus Besar BSB dan Pengarah Eksekutif Bahagian Tol BSB dan NPE (2001 - 2004).

TONG WAI YONG *B.Eng. (Civil Eng)(Hons)*
PEGARAH EKSEKUTIF, ROAD BUILDER (M) SDN BHD

Mr Tong, dilahirkan pada April 1958, adalah Pegarah Eksekutif Road Builder (M) Sdn Bhd ("RBM") sejak 20 November 2006 dan mengetuai Bahagian Pembinaan RBM di Malaysia. Beliau juga Pengrah Berkusa bagi Syarikat Perdagangan Kumpulan Road Builder (M) Holdings Bhd.

Beliau menamatkan pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Jurutera (Kepujian) dari Universiti Malaya dalam bidang kejuruteraan awam. Beliau memulakan kerjaya sebagai Jurutera Projek dengan Kementerian Kerja Raya (1982 - 1984) dan seterusnya bekerja sebagai agen tapak pembinaan syarikat RBM sebagai Pengarah Projek Khas pada 2003.

Beliau juga ahli Institusi Kejuruteraan, Malaysia dan seorang Jurutera Profesional berdaftar.

WONG SOON FAH *MCIT*
PENGARAH URUSAN (BAHAGIAN PELABUHAN)

Mr Wong, dilahir pada Oktober 1950, adalah Pengarah Urusan Kuantan Port Consortium Sdn Bhd ("KPC") sejak 2004.

Beliau bekerja dengan Port Authoriti (Klang and Kuantan) selama 28 tahun, dimana beliau berkhidmat sebagai Pengurus Operasi dan Komersial Kuantan Port Authoriti selama lapan (8) tahun sebelum menyertai KPC sebagai seorang Pengurus Besar Operasi pada 1998. Beliau juga Pengurus Besar Pemasaran (2000 - 2004) KPC sebelum mangambil alih posisi terkini beliau.

Beliau seorang ahli dan memperolehi kualifikasi profesional dari Chartered Institute of Transport, United Kingdom. Beliau juga ahli Institusi Kejuruteraan, Malaysia dan seorang Jurutera Profesional berdaftar.



kiri ke kanan

Jeremie Ting Keng Fui, Loy Boon Chen dan Cyrus Eruch Daruwalla

JEREMIE TING KENG FUI FCIS, MBA

SETIAUSAHA SYARIKAT

En Jeremie Ting, dilahirkan pada September 1957, menyertai IJM pada tahun 1982 dan telah dilantik sebagai Setiausaha Syarikat pada 1 Julai 1994. Beliau mengetuai Jabatan Perkhidmatan Korporat, Sumber Manusia & Pentadbiran dan Sistem Maklumat.

Beliau adalah juga Setiausaha Syarikat Industrial Concrete Products Berhad dan IJM Plantations Berhad.

Beliau lulus peperiksaan The Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA) pada tahun 1981, selepas memperolehi Diploma dalam Asas Pentadbiran dari Chelmer Institute of Higher Education, Chelmsford, Essex, England pada tahun 1979, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Golden Gate University, San Francisco, USA.

Beliau adalah Presiden Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA) bagi tahun 2004 dan Ahli Majlis (1994 - 2004) serta penerima Anugerah Setiausaha Syarikat ROC-MAICSA 2000 (Kategori Syarikat Tersenarai).

LOY BOON CHEN MBA, CPA(M)

WAKIL IJM DALAM KUMPULAN EUROPLUS BERHAD/TALAM CORPORATION BERHAD

En Loy, dilahirkan pada Oktober 1951, adalah wakil syarikat dalam Kumpulan Europlus Berhad dan Talam Corporation Berhad. Beliau juga merupakan Pengarah bukan eksekutif Guangdong Provincial Expressway Development Co. Limited, China.

Beliau adalah Pengarah Kewangan sejak 1998 dan mengetuai Jabatan Kewangan dan akaun sebelum persaraan beliau dalam tahun 2006. Beliau adalah Ahli Federasi syarikat Berhad Awam Bersenarai Jawatankuasa tambahan Taraf Perakaunan.

Beliau menerima kelayakan sebagai Akauntan Awam Bertauliah pada tahun 1978 dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Golden Gate University, San Francisco, USA. Beliau berkhidmat dengan Ernst & Young selama tujuh (7) tahun sebelum menyertai Chong Kok Lin & Sons Berhad pada tahun 1980 sebagai Akauntan merangkap Setiausaha selama satu tahun. Pada tahun 1981, beliau menyertai Mudajaya Construction Sdn Bhd sebagai Ketua Akauntan sebelum dilantik sebagai Pengawal Kewangan Kumpulan IJM pada tahun 1994.

CYRUS ERUCH DARUWALLA ACCA, B. Commerce

PEGAWAI KETUA KEWANGAN

En Daruwalla, dilahirkan pada Januari 1962, sertai IJM pada September 2006 sebagai Pegawai Ketua Kewangan, mengetuai Bahagian Kewangan dan Akaun Kumpulan secara keseluruhan.

Beliau adalah Pengarah Eksekutif bagi beberapa entiti luar negara Kumpulan dan juga merupakan Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon dalam Lembaga Road Builder (M) Holdings Berhad.

Beliau menamatkan pengajian dengan ijazah Sarjana Muda perdagangan (Kepujian) dari Universiti Bombay pada 1982, dan diakui sebagai ahli bersekutu Chartered Association of Certified Public Accountants, United Kingdom dalam tahun 1993.

Sebaik sahaja majlis anugerah penamatan pengajian, beliau berkhidmat selama tiga (3) tahun di Ernst & Young, London, UK sebelum menyertai Admoss Taylor & Partners, London selama setahun (1) dan sebagai akauntan kanan di Portlands of Blackheath Ltd, UK pada 1987 selama enam (6). Di Malaysia beliau bekerja untuk Emile Woolf Far East Sdn Bhd sebagai ketua program-program profesional sebelum dilantik sebagai pegawai kewangan kumpulan bagi Sri America Group of Companies. Pada tahun 1999, beliau menyertai PricewaterhouseCoopers, Malaysia sebagai Pengurus sebelum menjadi Pengarah Eksekutif pada tahun 2003 sebelum menyertai IJM.






Urus niaga pihak berkaitan utama Kumpulan bagi tempoh kewangan dinyatakan dalam Nota 50 kepada penyata kewangan. Nota ini juga membentangkan urus niaga berulang yang dilakukan dalam tempoh selaras dengan mandat am yang diperolehi daripada pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 16 Ogos 2006.

Kecuali bagi yang dibentangkan dalam Nota 50 kepada penyata kewangan, tidak ada kontrak material Kumpulan melibatkan kepentingan para pengarah dan pemegang-pemegang saham utama dalam tempoh masa berkenaan.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Sebagaimana Kumpulan berkembang, begitu juga penekanan kami ke atas Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Kumpulan percaya bahawa kestabilan perniagaannya adalah mengenai bagaimana untuk memastikan kejayaan ekonomi jangka panjang seiring dengan kesedaran mengenai kesan operasinya ke atas alam sekitar dan

masyarakat secara keseluruhan. Menangani kebimbangan-kebimbangan ini akan terus disemai dalam dasar rancangan dan polisi perniagaan Kumpulan yang merangkumi rangkaian luas amalan pengurusan mesra alam dan amalan pengurusan terbaik operasi. Selain itu, atas keprihatinan Kumpulan terhadap kesan sampingan industri pembinaan terhadap alam sekitar, kita telah mendisiplinkan diri terhadap piawaian EMS ISO14001 dimana kita telah mendapat pensijilan pada tahun 2006. Pelantar CSR utama kami akan terus ditumpukan dalam aspek kebijakan kakitangan, alam sekitar, pendidikan, pembangunan sukan, komuniti dan pembangunan negara, dan kami akan terus mengenal pasti kegiatan-kegiatan di mana sokongan kami boleh memberikan satu kelainan.

Kumpulan juga sentiasa komited dalam memastikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) semua kakitangan di tempat kerja mereka melalui peningkatan kesedaran, kebertanggungjawaban dan latihan berterusan kakitangan dan kontraktor digiatkan ke arah pelaksanaan semua kegiatan dalam cara yang bertanggungjawab, dalam aspek alam sekitar selamat dan sihat.

Maklumat lanjut mengenai lain-lain kegiatan CSR Kumpulan disediakan dalam seksyen lain laporan ini.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para pengarah, pihak pengurusan dan semua kakitangan Kumpulan atas dedikasi, kebijaksanaan, komitmen padu dan sumbangan mereka ke arah matlamat Kumpulan. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pemegang-pemegang saham, rakan-rakan sekutu, klien-klien, jurubank, subkontraktor-subkontraktor dan pembekal-pembekal atas sokongan berterusan mereka kepada Kumpulan.

Lembaga dan saya juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas kami atas perkhidmatan yang diberikan oleh Dato' Ismail Bin Shahudin yang telah meletak jawatan daripada Lembaga pada 16 Oktober 2006. Saya juga ingin mengalu-alukan kedatangan kepada Lembaga Tan Sri Abdul Halim bin Ali, yang telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas pada 25 April 2007, En Ayyaril Karikulath Feizal Ali, yang dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif pada 5 Januari 2007, Datuk Lee Teck Yuen dan Dato' David Frederick Wilson, yang telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif pada 30 Mei 2007, dan En Hasni bin Harun, yang dilantik sebagai pengarah silih ganti kepada En Feizal pada 9 Mei 2007. Saya yakin kesemua rakan-rakan baru ini akan menggabungkan pengalaman mereka yang begitu banyak serta kebijaksanaan mereka semasa perbincangan.

**Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman
bin Wan Yaacob**
Pengerusi



Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan
Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan

Ulasan Operasi Ketua Pengawai Eksekutif

GAMBARAN KESELURUHAN

DALAM TAHUN DI BAWAH KAJIAN, KUMPULAN MENERUSKAN DENGAN OBJEKTIFNYA UNTUK MEMAKSIMUMKAN NILAI PEMEGANG PELBAGAI KEPENTINGAN DENGAN MEMULAKAN BEBERAPA INISIATIF STRATEGIK DEMI MENGEKALKAN PERTUMBUHAN DAN MENINGKATKAN PRESTASI. DALAM SUASANA PERSAINGAN SENGIT DAN DINAMIK SEKTOR YANG MENCABAR, KUMPULAN TELAH MEMPAMERKAN PRESTASI KEWANGAN YANG KUKUH DAN BOLEH DIPUJI DALAM FY 2007 DENGAN KEDUA-DUA HASIL DAN KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAINYA MENCAPAI TAHP TERTINGGI DALAM SEJARAH.



Beberapa inisiatif korporat yang diambil dalam tahun ditumpukan pada peluang-peluang pertumbuhan terpilih yang ada dalam sektor-sektor pembinaan dan harta tanah Kumpulan, pengembangan berterusan kesedaran jenama IJM dan kehadiran pasaran dalam arena antarabangsa dan pempelbagaian portfolio perniagaan Kumpulan. Strategi-strategi ini menyaksikan tahap kejayaan yang ketara dengan peningkatan besar dalam buku tempahan pembinaan kami, simpanan harta tanah dan aset-aset konsesi - termasuk mendapatkan jalan bertol Malaysia yang pertama kami.

Memandangkan batasan pertumbuhan organik mencabar yang sedia ada, kejayaan utama bagi Kumpulan adalah pengambilalihan Kumpulan Road Builder ("RBH"), yang selesai dilaksanakan pada April 2007. Selain daripada buku tempahan pembinaan yang agak banyak dan simpanan tanah terpilih, pengambilalihan konsesi Tol dan Pelabuhan RBH yang mantap telah menyerlahkan lagi bahagian Infrastruktur Kumpulan, dengan ini menambahkan kapasiti dan keupayaan Kumpulan yang menyeluruh dalam ketiga-tiga segmen perniagaan terasnya.

Selepas akhir tahun, Kumpulan juga mengambil alih kepentingan strategik dalam Kumpulan Europlus Berhad, yang aset-aset utamanya adalah dalam bentuk konsesi Lebuhraya Pantai Barat dan pengurangan banjir Bandar Terusan yang dibiayai kerajaan negeri dan projek-projek pembangunan yang berpeluang baik bagi bahagian-bahagian pembinaan dan harta.

Kumpulan dan anak syarikatnya IJM Plantations Berhad bersama telah mendapat kedudukan di kalangan 10 syarikat tersenarai unggul yang lain bagi Tinjauan Urus Tadbir Korporat 2006 - sebuah kajian yang sama-sama dikendalikan oleh Minority Shareholders Watchdog Group dan University Nottingham (Kampus Malaysia).

Dalam tahun, Kumpulan menerima sanjungan selanjutnya dengan memenangi CIDB International Achievement Award dan dinamakan sebagai "Malaysia's Best Managed Company" (Mid-Cap) oleh majalah Asia Money.

Disokong oleh asas yang kukuh dan wawasan strategik, sejarah pertumbuhan stabil dan keberuntungan boleh kekal kami yang berdasarkan ciri-ciri utama profesionalisme, prestasi dan urus tadbir yang baik terus menyerlahkan Kumpulan.


PADA TAHUN 2006, KEGIATAN PEMBINAAN DOMESTIK MENINGKAT LAGI DITERAJUI OLEH PEMULIHAN BERANSUR-ANSUR DALAM KEGIATAN KEJURUTERAAN SIVIL SERTA PENINGKATAN KEGIATAN DALAM SEGMENT BUKAN KEDIAMAN. SEKTOR TERSEBUT MENCATAT PENGECUTAN KECIL SAHAJA SEBANYAK 0.5% BERBANDING 1.6% PADA TAHUN 2005. DALAM TAHUN 2006, KERAJAAN MENGUMUMKAN BEBERAPA KEPUTUSAN POLISI PENTING YANG BOLEH MEMPENGARUHI KEGIATAN PEMBINAAN PADA MASA HADAPAN.INI TERMASUK PENGUMUMAN PERUNTUKAN LEBIH TINGGI KERAJAAN PERSEKUTUAN KE ATAS PROJEK-PROJEK INFRASTRUKTUR DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE 9 (RMK9). SELAIN DARIPADA ITU, PELONGGARAN PERATURAN-PERATURAN BERKAITAN PEMBELIAN HARTA OLEH ORANG ASING SERTA PINDAAN KEPADA AKTA HAK MILIK STRATA DAN AKTA PEMBANGUNAN PERUMAHAN DIJANGKA AKAN MEMUDAHKAN KECEKAPAN LEBIH TINGGI DALAM PROSES KELULUSAN BERPERATURAN BAGI SEKTOR PEMBINAAN.

PEMBINAAN



Stesen keretapi di Kampar

ULASAN OPERASI KETUA PENGAWAI EKSEKUTIF (samb.)

**Pasukan Pengurusan
Pembinaan***atas ke bawah**Kiri:*

- Dato' Goh Chye Koon
- Tan Gim Foo
- Soo Sik Sang
- Liew Hau Seng
- Teo Sock Cheng
- Yong Juen Wah
- Kok Fook Yu

Tengah:

- Soo Heng Chin
- Tong Wai Yong
- Ong Teng Cheng
- Pankaj Agarwal
- Thaw Yeng Jooi
- Quah Beng Teong

Kanan:

- Ng Chin Meng
- Mohd Razin bin Ghazali
- Pook Fong Fee
- Mohd Ghazali Ali (tiada di dalam gambar)

Pertumbuhan ketara masih berterusan dengan adanya pelbagai peluang pembinaan bagi Kumpulan IJM di India dan negara-negara Teluk. Walaubagaimanapun, Kumpulan akan terus prihatin dengan pemerolehan projek-projek dipasaran yang mengalami kekurangan sumber manusia serta peningkatan kos.

Berdasarkan latar belakang ini, di sebalik tekanan persaingan sengit, hasil dengan bangganya meningkat sebanyak 37.99% kepada RM1,126.25 juta (FY 2006: RM816.14 juta). Keuntungan sebelum cukai walau bagaimanapun, hanya meningkat sebanyak 16.80% kepada RM120.43 juta (FY 2006: RM103.10 juta), disebabkan oleh kenaikan dalam harga bahan mentah. Prestasi yang lebih baik boleh dikaitkan kepada tumpuan Bahagian ke atas pelaksanaan projek dan langkah berjaga-jaga ke atas langkah-langkah kawalan kos di tengah-tengah keadaan operasi yang mencabar.

Bagi FY 2007, Bahagian telah berjaya menyiapkan beberapa projek termasuk Masjid Hang Tuah, Flagship Village dan Sekolah Antarabangsa di Putrajaya, dan projek-projek kediaman Taman Gombak Permai, Bukit Manda'rina, dan Parsel A dan B di Cahaya Alam. Di Timur Tengah, Emirates New Flight Catering Facility juga telah disiapkan.



Masjid Hang Tuah di waktu malam

Bahagian berjaya mendapatkan penambahan tempahan buku tertinggi sehingga kini sebanyak RM3,390.00 juta pada FY 2007, termasuk RM803.23 juta dari luar negara. Di antara projek-projek besar yang diperolehi adalah Lebuhraya Kajang-Seremban (RM766.00 juta), projek-projek harta kediaman daripada Talam (RM716.00 juta), Kondominium Troika (RM331.45 juta), Menara Goldis (RM168.50 juta) dan Infrastruktur Senai Airside (RM145.00 juta), kesemuanya di Malaysia.

Selaras dengan penekanan globalisasi kami, Kumpulan meneruskan penglibatannya ke dalam pertumbuhan pasaran India dan Negara-negara Teluk yang pesat membangun, serta Pakistan di mana Kumpulan yakin mendapatkan projek utama pertamanya pada masa hadapan berdekatan. Manakala kedudukan geografi berlainan memberi cabaran-cabaran berbeza, ia bertindak sebagai peluang-peluang bagi Kumpulan untuk memperlihatkan kehadirannya secara global. Di luar negara, kejayaan Kumpulan termasuk Pembangunan Pulau Al Reem (RM330.00 juta) dan Menara T1 (RM126.00 juta), kedua-duanya di Negara-negara Teluk, Delhi Metro (RM190.00 juta) dan projek jalan Jhansi-Sagar (RM128.79 juta) di India.

The Malaysia Construction Industry Excellence Award 2006

Anugerah International Achievement Award



ULASAN OPERASI KETUA PENGAWAI EKSEKUTIF (samb.)



Perkhidmatan Sokongan Pembinaan

Atas ke Bawah
kiri:

- Pang Sek Loh
- Ng Sin Kooi
- Soh Wan Heng
- Chan Wan Yee

kanan:

- Toh Teck Soon
- Ramar s/o Subramaniam
- Mohd Kamal bin Harun
- Lam Choy Loong



Projek pembangunan harta tanah sendiri seperti Bukit Mandarina menyemarakkan lagi buku tempahan Pembinaan kami



Kemudahan Katering Penerbangan Baru Amirah di Dubai

Mengambil kira RMK9, dan bajet pengembangan RM200 bilionnya diperuntukkan bagi segmen-semen pembangunan bekalan air dan pembetungan, pengurangan banjir dan pengangkutan awam dan infrastruktur, Bahagian berhasrat untuk meneruskan beberapa projek berskala besar termasuk projek-projek LRT, Lebuhraya Pantai Barat, projek Pemindahan Air Pahang-Selangor, antara lainnya.

Bahagian terus memberi penekanan ke atas penyerahan tepat pada masa dan berkualiti. Tumpuan pasti ke atas peningkatan keupayaan, digabungkan dengan kaedah penjenteraan dan inovatif akan terus meningkatkan produktiviti dan kecekapan. Pengambilalihan RBH juga membentuk sinergi yang lebih luas bagi Bahagian dari segi set sumber dan kemahiran manakala membolehkannya untuk menuil ke atas peningkatan ekonomi bidangan dalam operasinya. Pada masa yang sama, urus tadbir korporat yang baik kekal menjadi keutamaan di dalam Bahagian dan amalan telus dipakai dalam semua operasinya. Selain daripada amalan terbaik dari segi kualiti dan keselamatan, Bahagian terus berhati-hati merancang dan melaksanakan sistem pengurusan alam sekitar yang kukuh dalam semua projeknya.

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2007, BAHAGIAN HARTANAH MENCATAT HASIL SEBANYAK RM499.59 JUTA (FY 2006: RM517.22 JUTA) DAN KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI SEBANYAK RM77.18 JUTA (FY 2006: RM95.62 JUTA).INI MEWAKILI KEJATUHAN KECIL DALAM HASIL SEBANYAK 3.4% DAN KEJATUHAN DALAM KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI SEBANYAK 19.28% DARIPADA KEPUTUSAN TAHUN KEWANGAN SEBELUM INI, BERPUNCA DARIPADA PELANCARAN HARTA TERTUNDA DAN IMPAK PENINGKATAN MENYELURUH DALAM KOS BAHAN-BAHAN MENTAH ASAS YANG DIGUNAKAN DALAM PEMBINAAN HARTA, SERTA KOS-KOS KEWANGAN YANG LEBIH TINGGI YANG DIHADAPI BERHUBUNG DENGAN PROJEK-PROJEK KAMI DI INDIA.

HARTANAH



Kondominium Bayswater di Pulau Pinang

ULASAN OPERASI KETUA PENGAWAI EKSEKUTIF (samb.)



Pasukan Pengurusan Hartanah

Atas ke Bawah
kiri:

- Teh Kean Ming
- Er Ah Huat
- Chan Kian Soon
- Edward Chong Sin Kiat
- Tham Huen Cheong

tengah:

- Dato' Soam Heng Choon
- Ng Kim Huat
- Hoo Kim See
- Khoo Kah Hock
- Patrick Oye
- Bahrin bin Baharudin

kanan:

- Loy Boon Chen
- Manjit Singh
- Lee Kok Hoo
- Toh Chin Leong
- Patsy Lee

Dalam persekitaran Malaysia, Bahagian Hartanah terus mengekalkan prestasinya di sebalik keadaan pasaran bersaingan dan tekanan inflasi menghasilkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM51.46 juta (FY 2006: RM76.84 juta) ke atas hasil sebanyak RM355.66 juta (FY 2006: RM333.44 juta). Bahagian Hartanah juga menunjukkan prestasi kukuh di Singapura dengan projek perumahan yang menghadapi kawasan air sulungnya di Sentosa Cove yang menyumbang RM26.63 juta dalam keuntungan sebelum cukai ke atas hasil sebanyak RM59.14 juta.

Hasil dan sumbangan keuntungan tahun semasa, timbul terutamanya daripada jualan Kondominium Bayswater di Kawasan Utara, manakala projek mercu tanda kami PJ Eight dan projek-projek Commerce Assets dan Taman Perindustrian Bukit Raja dan skim pembangunan campuran Taman Utama di Sandakan merupakan penyumbang-penyumbang utama dalam kawasan Malaysia Tengah dan Timur.

Bahagian juga menumpukan ke atas keutamaan aliran pendapatan berulang melalui pembangunan pengaturan "bina dan pajak" pasar raya di Pulau Pinang bagi Tesco Stores dan di Sandakan bagi Giant. Maju ke hadapan Bahagian akan terus menumpukan ke atas harta-harta pelaburan pendapatan berulang sedemikian sebagai sebahagian daripada portfolio pembangunan harta terpelbagainya.

Memandang ke hadapan, manakala tinjauan keseluruhan bagi sektor harta pasaran masa kekal neutral, segmen pasaran nic kegunaan tinggi dijangka akan melonjak dengan pelonggaran peraturan-peraturan oleh Kerajaan ke atas pemilikan asing bagi harta-harta kediaman, penstabilan kadar faedah dan langkah-langkah untuk mengembangkan ekonomi di bawah Rancangan Malaysia ke 9 (RMK9). Kami menjangkakan penglibatan lebih besar pembeli asing bagi projek-projek kegunaan tinggi kami seperti Ampersand @ Kia Peng, sebuah projek kondominium eksklusif di dalam kawasan KLCC dan projek di tepi kawasan air di sepanjang dan dalam kawasan Lebuh Raya Jelutong di Pulau Pinang.

Segmen pasaran kegunaan sederhana tinggi dengan lokasi subbandar strategik juga dijangka akan mendapat faedah daripada sentimen "feel-good" pengguna selaras dengan tren prestasi yang semakin meningkat pasaran saham tempatan dan pengecualian daripada Cukai Keuntungan Harta Tanah yang diumumkan oleh Kerajaan, berkuat kuasa 1 April 2007 dan juga disebabkan kenaikan gaji kakitangan. Dengan langkah-langkah yang disediakan ini, bil-bil progres daripada jualan mengikat dalam projek-projek dijangka akan menyumbang secara ketara kepada prestasi Bahagian bagi tahun-tahun kewangan akan datang.



Ocean 8, projek perumahan pinggiran laut Sulung Kumpulan di Sentosa Cove, Singapura




Bistari Implan di Johor

Bahagian dengan sepenuh hati percaya bahawa kejayaan kami boleh dikaitkan kepada strategi pembinaan jenama berterusan dan tumpuan untuk memberi keutamaan kepada pelanggan dengan mengetahui dan mengakui bahawa permintaan, keperluan dan aspirasi mereka yang berubah-ubah hendaklah kekal menjadi perkara teramat penting kepada kami.

Dengan matlamat ini, beberapa daripada projek-projek baru kami dirancang akan dilancarkan pada tahun kewangan akan datang di kawasan Lembah Klang termasuk Saujana Puchong, projek kediaman campuran dengan banglo dan unit rumah berkembar dua, Ukay Green, pembangunan kediaman campuran di Ulu Klang, pangaspuri Bukit Mandarina, unit berkembar dua dan banglo dan skim perumahan Pandan Bistari.

Projek-projek infrastruktur utama yang dicadangkan di Pulau Pinang di bawah RMK9 termasuk projek jambatan kedua, LRT dan Jalan Lingkaran Tengah Luar Pulau Pinang juga merupakan petanda baik bagi sentimen pasaran harta tempatan, dan Bahagian masih bertekad untuk mengembangkan kewujudannya di Pulau Pinang selanjutnya melalui projek perumahan teres "Bina Jual" Nautilus Bay kami, pangaspuri Spring, kondominium mewah Platino sepanjang Lebuh Raya Jelutong, serta perumahan berkembar dua berpagar Sierra Vista dan pangaspuri College Heights, kedua-duanya berlokasi di kawasan Bukit Jambul yang pesat membangun.



Pandangan menakjubkan kolam renang di Kondominium Bayswater



Utama Court di Sandakan, Sabah



Raintree Park di Kukatpally, India

Projek-projek baru lain yang dirancang termasuk fasa baru skim sedia ada di Johor dan Sandakan. Bahagian juga terangsang mengenai harga harta tanah Johor berikutan inisiatif Kerajaan yang diumumkan baru-baru ini di Kawasan Pembangunan Bandar Iskandar. Kami juga yakin ke atas pasaran di Sandakan berikutan harga Minyak Mentah Sawit yang tertinggi setakat ini yang menyemarakkan sentimen pasaran harta dalam kawasan tersebut.

Pengambilalihan RBH oleh Kumpulan juga memberikan Bahagian peluang mengakses simpanan tanah dan projek-projek pembangunan tambahan dalam kawasan domestik yang pesat membangun seperti Seremban di mana setakat ini Bahagian mempunyai kewujudan yang minimum. Begitu juga, pelaburan strategik oleh Kumpulan dalam KEB telah menghasilkan beberapa potensi pengaturan pembangunan usaha sama menguntungkan berhubung dengan simpanan tanah terpilih yang dipegang di dalam Kumpulan Syarikat-syarikat KEuro/Talam, termasuk antara lainnya, projek pembangunan Canal City yang menggambarkan gaya hidup.

Kepelbagai dan kestabilan perolehan bagi Bahagian, pada tahun-tahun mendatang, akan dipertingkatkan lagi oleh pendedahan Bahagian dalam semua segmen pasaran, daripada pasaran masa harga rendah sehingga segmen nic dan berharga tinggi, dan kedudukan strategiknya dalam semua kawasan pertumbuhan utama dalam Malaysia dan pasaran pesat membangun di India.

‘Kecemerlangan Melalui Kualiti’ kekal menjadi pemacu nilai teras Bahagian dengan penekanan ke atas perlindungan alam sekitar. Bahagian berpegang teguh kepada prinsip pedoman bahawa harta tanah seharusnya dibangunkan untuk mengharmonikan dan meliputi alam sekitar untuk mewujudkan keadaan kehidupan optimum. Penyerahan mengikut masa, reka bentuk inovatif, perhatian kepada perincian produk-produk dan kualitinya yang baik kekal menjadi ciri yang sedia ada dalam semua projek kami ke arah memberi pemilik harta serta juga pelabur, suasana sempurna bagi kehidupan dan peningkatan modal.



Giant di Sandakan, satu lagi pengaturan pasar raya besar bina dan pajak Kumpulan

BAHAGIAN INDUSTRI TERUS MELONJAK MAJU PADA MOMENTUM KUKUH TAHUN KEWANGAN SEBELUM INI. BAGI FY 2007, BAHAGIAN MENCATAT JUMLAH DAGANGAN SEBANYAK RM715.60 JUTA DAN KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI SEBANYAK RM73.74 JUTA YANG MASING-MASING MERUPAKAN 32.77% DAN 49.25% LEBIH TINGGI APABILA DIBANDINGKAN DENGAN KEPUTUSAN FY 2006. KEPUTUSAN YANG MENGAGUMKANINI DISUMBANG OLEH SEMUA SYARIKAT DALAM KUMPULAN INDUSTRIAL CONCRETE PRODUCTS BERHAD (ICP).

INDUSTRI



Pemasangan cerucuk ICP untuk Projek Marin

ULASAN OPERASI KETUA PENGAWAI EKSEKUTIF (samb.)



Pasukan Pengurusan Industri

Atas ke Bahawah

kiri:

- Mah Teck Oon
- Yeo Poh Meng
- Leong Yew Kuen
- Nee Chow Yit
- Wong Siew Meng

kanan:

- Khor Kiem Teoh
- Lee Hock Aun
- Leong Pak Lung
- Pang Chwee Hong
- Tan Khuan Beng

Sepanjang tahun kewangan, syarikat-syarikat ini tidak henti-henti memecahkan rekod demi rekod untuk mencatat hasil keseluruhan yang terbaik dalam sejarah Kumpulan. Selepas beberapa langkah korporat dalam tahun kewangan sebelum ini untuk memberi kedudukan terbaik kepada Struktur Kumpulan, Kumpulan syarikat ICP mengharungi FY 2007 dengan pelaksanaan kegiatan perniagaannya dengan berdisiplin. Ia mencapai jumlah dagangan Kumpulan sebanyak RM594.70 juta, peningkatan sebanyak 33.5% berbanding tahun lepas, manakala keuntungan sebelum cukai adalah RM70.02 juta, mewakili peningkatan menakjubkan sebanyak 60.7%.

Perniagaan teras Cerucuk Konkrit Pintal Pra tegang (PSC) mempamerkan prestasi luar biasa untuk mengeluarkan dan menghantar lebih daripada 1.15 juta tan, peningkatan sebanyak 26.9% daripada tahun sebelum ini, mencatatkan hasil sebanyak RM366.00 juta dengan keuntungan sebelum cukai sepadan sebanyak RM46.78 juta. Margin keuntungan bersih tahun ini adalah jauh lebih baik dan sama sekali menghapuskan kebimbangan hakisan margin daripada kenaikan harga bahan-bahan mentah dan kos tenaga yang lebih tinggi.

Barisan pengeluaran baru di Lumut mula beroperasi pada September 2006 untuk menambah keupayaan kami mengeluarkan saiz terbesar cerucuk PSC dalam pasaran. Keupayaan tambahan yang masih lagi dipasang di loji Kapar kami akan membawa kepada jumlah keupayaan pemasangan tahunan kami kepada 1.5 juta tan menjelang September 2007. Permintaan kukuh bagi cerucuk PSC, terutamanya daripada pasaran pembinaan Singapura, dengan tahap eksport semasa pada 11.9%, telah menyebabkan kami untuk menimbulkan penubuhan sebuah lagi loji terutamanya di kawasan Selatan Malaysia Barat.

Sealiran dengan pengeluaran lebih tinggi cerucuk PSC di seluruh negara, Durabon Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh ICP mengeluarkan batang PC bagi industri cerucuk PSC, mencatat peningkatan jualan sebanyak RM99.10 juta. Begitu juga, keuntungannya menggambarkan hasil usaha padu mengawal kos di tengah-tengah jumlah jualan yang melambung. Dengan penggunaan loji mencapai tahap maksimum, kami akan memasang barisan pengeluaran baru untuk memenuhi permintaan yang bertambah.

Operasi kuari Malaysian Rock Products Sdn Bhd juga melaporkan 11.8% peningkatan dalam hasil kepada RM64.43 juta, dengan peningkatan jalan membentuk permintaan kukuh kepada kuari kami di Seremban dan Lembah Klang tahun ini. Jumlah tanah yang dihantar sepanjang tahun adalah 4.42 juta tan, berpunca terutamanya daripada enam kuari berada dalam kawasan yang cukup hampir dengan kawasan pertumbuhan tinggi. Kuari-kuari di Johor Bahru dan Kuantan dijangka akan menyaksikan sekali lagi lonjakan dalam kegiatan perniagaan daripada Rancangan Malaysia ke 9 dan membangun di kawasan Pembangunan Bandar Iskandar tidak lama lagi. Operasi pra campur juga melaporkan keputusan yang meningkat hasil daripada kemampuan untuk memindah kos bitumen yang meningkat kepada tempat pasaran yang bersedia menerimanya. Secara keseluruhan, sektor kuari menghasilkan sebanyak RM10.65 juta dalam keuntungan sebelum cukai.



Wing Tank Block untuk PPL di Singapura



Modul STP Mating Cone untuk Project Vincent STP di Australia

Unit pemulihan sisa haba di projek Petronas Methanol Project, Labuan



Loji pengelompokan kami di Pakistan

Sektor konkrit siap campur mempunyai keputusan yang berbeza. Dalam negara, loji-loji di Malaysia terus beroperasi dalam persekitaran persaingan tinggi, dan di sebalik berjaya meningkatkan jualan daripada RM50.20 juta kepada RM52.20 juta, kenaikan dalam harga simen dan diesel menghakis margin keuntungan dengan banyaknya dan menyebabkan keuntungan sebelum cukai jatuh kepada hanya RM330,000. Keadaan ini tidak dijangkakan, sebagaimana dinyatakan dalam Laporan Tahunan yang lepas. Kumpulan telah pun, ketika itu, mengambil langkah-langkah untuk memulakan perniagaan ini di India dan menambahkan 2 loji kemudian dilanjut 3 lagi dalam tahun kewangan di bawah kajian. Kini terdapat 2 loji di Hyderabad, 2 di Bangalore, dan 1 di Chennai. Maka tidak hairanlah untuk melihat syarikat India, IJM Concrete Products Pte Ltd, menunjukkan jumlah

dagangan sebanyak RM 54.0 juta, meningkat daripada RM22.15 juta pada tahun lepas dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM2.36 juta, meningkat daripada RM1.23 juta pada tahun lepas. Ini sebenarnya lebih tinggi berbanding operasi Malaysia. Walau bagaimanapun, India menyaksikan peningkatan ketara dalam kemasukan pengusaha baru dalam perniagaan, dan margin semakin tertekan dan mengekalkan jumlah jualan akan menjadi cabaran berterusan. Kumpulan juga mempunyai sebuah loji pengelompokan beroperasi di Islamabad, Pakistan. Kami menjangkakan jualannya akan meningkat secara ketara dan menyumbang kepada untung rugi kami pada tahun kewangan akan datang. Kami optimistik tentang prospek kami di Pakistan dan sedang berunding untuk mendirikan loji-loji tambahan tidak lama lagi.

Perniagaan sewa perancah di bawah Scaffold Master masih memberikan jumlah perniagaan yang stabil yang telah meningkat sebanyak 18% kepada hampir RM9.00 juta. Keuntungan sebelum cukai terus kekal mengagumkan walaupun lebih banyak pengusaha telah tertarik kepada segmen perniagaan ini.

Expedient Resources adalah syarikat yang mengeluarkan tatah bawah karpet getah. Dalam tahun di bawah kajian, Pengedar Eksklusif kami di United Kingdom menamatkan pengaturan eksklusif. Akibat daripada itu, jumlah jualan hanya boleh dikekalkan pada tahap tahun lepas. Walau bagaimanapun, peningkatan ketara dalam kos bahan-bahan mentah menjelaskan margin keuntungan dengan teruk, menyebabkan keuntungan sebelum cukai untuk jatuh kepada hanya RM1.16 juta daripada RM3.30 juta pada tahun yang



Cerucuk ICP di Jeti Marin Polis, Pulau Pinang



Cerucuk ICP yang digunakan di Jengka Interchange NPE

lepas. Kami sedang mengambil langkah-langkah untuk meluaskan pasaran UK secara sendiri dengan mendekati wakil-wakil penjual utama secara langsung. Kami terus mengambil bahagian secara aktif dalam pameran perdagangan khusus, dan ini akan menghasilkan jualan positif pada masa hadapan.

Di luar Kumpulan ICP, kami mempunyai 3 syarikat lain di bawah skop Bahagian Industri. Yang terbesar adalah Torsco Sdn Bhd, yang semakin mendapat reputasi sebagai pembikin keluli dengan menembusi sektor minyak & gas. Dalam tahun di bawah kajian ia melaksana banyak kerja-kerja besar sebagaimana dapat dilihat daripada peningkatan mendadak dalam jumlah dagangan kepada RM71.00 juta tahun ini berbanding RM45.70juta tahun lepas. Walau bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai merosot apabila kos yang tinggi melebihi bajet akibat daripada beban kerja yang berat dengan kos kerja lebih masa yang lebih tinggi. Maju ke hadapan, Torsco telah menyediakan dirinya bagi prestasi yang lebih baik. Dalam tahun kewangan lepas ia telah menyiapkan pembinaan ruang lantai kilang seluas 8,400 kps dengan ketinggian cangkul lebih baik setinggi 15 meter dalam tanah baru seluas 17 ekar. Ini akan menyediakan kami untuk mengambil kerja yang lebih besar dalam sektor Minyak & Gas. Projek-projek yang berulang juga semakin masuk, yang akan memberi faedah kepada syarikat dengan keluk pembelajaran yang berkurangan dan kecekapan yang lebih tinggi.

Kemena Industries Sdn Bhd , merupakan anak syarikat milik 55% menghasilkan jumlah dagangan sebanyak RM7.42 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM591,000. Ini merupakan peningkatan berbanding keputusan tahun lepas sebanyak RM149,000. Dalam hal Spirolite, persaingan sengit bersama dengan pergerakan kerap dalam harga bahan-bahan mentah membentuk persekitaran tinggi dengan keuntungan biasa.

Keseluruhananya, Bahagian Industri beroperasi dalam sektor Pembinaan yang pesat membangun, yang telah mengubah sebuah penjuru menjadi sebuah wilayah, selepas pertumbuhan negatif selama 2 tahun. Dengan keputusan kukuh yang sudah pun kelihatan pada tahun ini dan pada masa 2 tahun yang lepas, kami boleh menjadi yakin bagi permintaan kukuh bagi produk-produk kami beberapa tahun akan datang.

KUMPULAN IJMP TELAH DIANGGAP SEBAGAI ANAK SYARIKAT BERKUAT KUASA 2 JULAI 2006 DISEBABKAN PILIHAN KUMPULAN UNTUK MENUKAR RCULS IJMP.

HASIL BAHAGIAN SEBANYAK RM302.82 JUTA PADA TAHUN KEWANGAN BERAKHIR MAC 2007 ADALAH YANG TERTINGGI SEHINGGA KINI, MEWAKILI PERTUMBUHAN SEBANYAK 11.80% (FY 2006: RM270.88 JUTA), MANAKALA KEUNTUNGAN PRA CUKAI SEBANYAK RM57.10 JUTA MEWAKILI PENINGKATAN SEBANYAK 9.6% (FY 2006: RM52.12 JUTA). PENINGKATAN PRESTASI PADA DASARNYA BERPUNCA DARIPADA HARGA JUALAN MINYAK SAWIT MENTAH (CPO) YANG LEBIH TINGGI DAN PENINGKATAN PENGETAHUAN TANAMAN. MANAKALA PURATA HARGA CPO BAGI TEMPOH NAIK DARIPADA RM1,373 PADA TAHUN 2006, KEPADA RM1,511 SETIAP TAN METRIK DALAM TAHUN SEMASA. KAWASAN SUGUT MENCAPAI USIA DEWASA TERBAIK, MEMBOLEHKAN PENUAIAN JUMLAH TAN TANDAN BUAH SEGAR ("FFB") MELEBIHI 500,000 TAN (2006: 451,677 TAN), FAKTOR PERTUMBUHAN SEBANYAK 12%. BERSAMA DENGAN JUMLAH DARIPADA PEMBELIAN BUAH DARIPADA LUAR, JUMLAH FFB YANG DIKILANGKAN DALAM TIGA KILANG BAHAGIAN MENCAPAI REKOD TERTINGGI SEBANYAK 669,050 TAN (2006: 622,625 TAN).

PERLADANGAN



Ladang Sg. Sabang

ULASAN OPERASI KETUA PENGAWAI EKSEKUTIF (samb.)

**Pasukan Pengurusan Perladangan***Atas ke Bawah**kipi:*

- Velayuthan s/o Tan Kim Song
- Purushothaman s/o Kumaran
- Ng Chung Yin
- Francis Chai Min Fah

kanan:

- Ling Ah Hong
- Joseph Tek Choon Yee
- P K Venugopal

Daripada jumlah simpanan tanah Perladangan Bahagian sebanyak 29,807 hektar, jumlah kawasan ditanam dengan kelapa sawit meningkat kepada 25,421 hektar (2006: 24,607 hektar), dengan 63% berada di kawasan Sugut, dan 37% selebihnya di kawasan Sandakan di Sabah. Ladang-ladang yang telah mencapai status kematangan pada akhir tahun kewangan semasa meningkat kepada agregat 22,550 hektar (2006: 20,356 hektar) mewakili 89% daripada jumlah hektar tanaman.

Profil usia adalah seperti berikut:

| | Hektar | % |
|----------------------------|--------------------------|-----------|
| Matang | - Dewasa (8 - 19 tahun) | 11,877 47 |
| | - Muda (4 - 7 tahun) | 10,673 42 |
| Belum matang (1 - 3 tahun) | | 2,871 11 |

Mengambil kira profil usia yang agak muda, peningkatan tren kadar hasil dijangkakan bagi Bahagian pada tahun-tahun mendatang apabila lebih banyak kawasan menjadi matang dan mencapai usia dewasa.

Tiga kilang pemprosesan Bahagian di Desa Talisai, Minat Teguh dan Sabang, mempunyai jumlah keupayaan pemprosesan sebanyak 165 tan FFB setiap jam, dan kesemuanya mencapai peningkatan sihat dalam tanah diproses dalam tahun di bawah kajian, dengan Kilang Minyak Sawit Sabang mencatat pertumbuhan hebat sebanyak 15.9% berbanding tahun sebelum ini. Tren peningkatan pengeluaran tanaman akan berterusan dalam tahun-tahun mendatang dan untuk memenuhi keperluannya, kilang kedua akan ditubuhkan di kawasan Sugut pada tahun 2008.



Kilang kelapa sawit di Sabang



Pengumpulan buah di utara Rakaman Jaya

Loji penghancur isi rong Bahagian menghancur lebih kurang 55,778 tan (FY 2006: 56,977 tan) isi rong, menghasilkan 24,038 tan (FY 2006: 24,438 tan) daripada minyak isi rong sawit mentah dan 29,004 tan (FY 2006: 29,628 tan) hampas isi rong sawit untuk mendapatkan kadar ekstrak masing-masing sebanyak 43.1% dan 52.0% (FY 2006: 42.9% dan 52.0%).

Kadar ekstrak keseluruhan bagi minyak dan isi rong sawit dalam kilang masing-masing berpurata 21.5% dan 4.5% (FY 2006: 22.4% dan 4.6%); kemerosotan kecil ini berpunca dan kepada kualiti FFB yang lebih rendah akibat daripada hujan lebat bukan pada musimnya dan banjir dialami dalam tahun di Malaysia.

Kos-kos kendalian juga terjejas oleh pelarasan inflasi yang timbul daripada kenaikan harga minyak bahan api sebelum ini. Selain daripada itu, sumbangan kepada kerajaan Negeri dalam bentuk cukai jualan Sabah dan ses minyak sawit dibayar kepada Lembaga Minyak Sawit Malaysia ("MPOB") berjumlah sebanyak RM 19.61 juta mewakili peningkatan sebanyak 18.6% berbanding tahun lepas.

Untuk membendung kesan buruk kenaikan dalam kos input, langkah-langkah kecekapan kos telah diambil secara aktif. Sebagaimana pada tahun-tahun sebelum ini, pemuliharaan air dan langkah-langkah pengairan yang lebih baik telah diterima pakai secara terpilih untuk meningkatkan dan mengekalkan hasil FFB yang tinggi. Kecukupan pekerja-pekerja mahir untuk mengekalkan tahap produktiviti yang tinggi terus menjadi kekangan utama bagi Bahagian dan industrinya secara keseluruhan. Bahagian terus mengurangkan kesukaran ini melalui latihan berterusan dan dengan memastikan penyeliaan berstruktur dan mendalam.

Untuk memastikan pembangunan ladang yang dapat dikekalkan pada jangka panjang, amalan alam sekitar kukuh terus dipatuhi. Adalah satu norma dalam Bahagian untuk mengikuti amalan mesra alam sekitar dalam pemuliharaan tanah dan air, pengurusan bahan buangan dari kilang, pengurusan haiwan perosak bersepadau, penyesuaian dan pengayaan tanah, dan kaedah pembakaran sifar. Bahagian komited sepenuhnya untuk meneruskan dengan amalan ini.

Sepanjang tahun kewangan, Bahagian telah mengambil inisiatif untuk meneruskan dengan projek Clean Development Mechanism ("CDM"). Bahagian menandatangani perjanjian bagi jualan kredit karbonnya melalui Eco Securities Group PLC. Projek ini, selepas berjaya dimulakan pada tahun 2008, akan menjadi tanda komitmen Bahagian terhadap membantu mengurangkan pelepasan gas Karbon Dioksida (CO₂) ke dalam atmosfera.



Baja kompos di Kilang kelapa sawit di Sabang

IJMP memasuki tahun ketiga menjadikan baja kompos tandan buah kosongnya ("EFB") dengan bahan buangan kilang minyak sawit ("POME"). Manakala ini merupakan satu lagi projek penjagaan alam sekitar, keluaran yang digunakan kepada ladang-ladang telah meningkatkan keadaan tanah dan kadar penyerapan nutrien. Ini akan membawa kepada perasionalan penggunaan baja dalam ladang-ladang ini, dengan itu mencapai penjimatan kos pada masa hadapan.

Untuk mengambil peluang bagi menambah nilai kepada kegiatan huluan minyak sawit mentahnya, Bahagian Perladangan mengumumkan pada akhir tahun kewangan yang lepas rancangannya untuk membina loji bio-diesel di Sandakan, dengan tiga modul pertama dijangka akan beroperasi pada tahun 2008.

Sebagai sebahagian daripada strategi pengembangan perniagaan tempoh lebih panjangnya, Bahagian Perladangan juga mengumumkan hasratnya untuk menubuhkan operasi kelapa sawit di Indonesia. Pada penutupan tahun kewangan, Bahagian telah menandatangani perjanjian jual beli bersyarat dengan dua syarikat Indonesia yang bercadang untuk menanam kelapa sawit di atas plot-plot tanah masing-masing berukuran kira-kira 11,200 hektar dan 10,000 hektar di Kalimantan Timur. Perjanjian ketiga telah ditandatangani dalam Jun 2007 untuk penambahan plot tanah lebih kurang 11,400 hektar dalam lokasi yang sama. Syarikat-syarikat pada masa ini dalam proses mendapatkan hak milik pajakan (Sertifikat Hak Guna Usaha atau "HGU") bagi tanah-tanah mereka dan memohon kelulusan kerajaan berkaitan bagi penyertaan ekuiti asing. Bahagian menjangka untuk memulakan kerja-kerja penanaman awal pada tahun kewangan akan datang.

Komitmen ke arah urus tadbir korporat yang baik kekal menjadi tumpuan penting dalam Bahagian Perladangan, dan dalam mengiktiraf usaha-usahanya, Bahagian bersama dengan IJM Corporation Berhad diiktiraf dalam kalangan sepuluh organisasi tersenarai awam di Malaysia dalam Laporan Tinjauan Urus Tadbir Korporat 2006 disusun oleh Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti ("MSWG") dan The University of Nottingham (Kampus Malaysia).

Harga bagi produk-produk sawit bagi tahun kewangan berikutnya dijangka menjadi lebih baik secara ketara berbanding yang dicapai pada tahun kewangan yang dilaporkan. Manakala beberapa pakar percaya bahawa senario harga tinggi akan hilang sebaik sahaja selepas pertengahan 2007 apabila pengeluaran hasil tanaman bergerak ke musim puncak, yang lain-lainnya berkongsi pendapat bahawa harga CPO akan dikekalkan di atas tahap RM 2,000 setiap tan metrik sehingga 2008, mengambil kira bahawa stok minyak sayuran dunia keseluruhan adalah rendah. Tekanan menaik ke atas harga akan menjadi lebih sengit jika sekiranya pengaruh cuaca buruk seperti fenomena El Nino, atau sekiranya pembangunan dalam industri bio-diesel mula dilancarkan. Sungguhpun pelarasian inflasi timbul daripada peningkatan harga minyak bahan api sebelum ini, peningkatan upah am dan pengenalan ses kestabilan harga minyak masak akan tanpa diragui meletakkan tekanan ke atas kos pengeluaran, Bahagian walau bagaimanapun menjangkakan tahap prestasi yang lebih baik mengambil kira senario harga komoditi, dikompaunkan oleh faedah daripada lebih banyak kawasan mencapai kematangan dan mencapai usia dewasa.

BAGI FY 2007, BAHAGIAN MELAPORKAN JUMLAH DAGANGAN SEBANYAK RM63.19 JUTA (FY 2006: RM60.88 JUTA) DAN KERUGIAN PRA CUKAI SEBANYAK RM22.95 JUTA (FY 2006: RM14.21 JUTA).

BAHAGIAN ADA LIMA KONSESI TOL DAN PELABURAN 20% DALAM SEBUAH STESEN JANAKUASA 460 MW DI INDIA, SYARIKAT BERSEKUTU-MILIK 35% KUMPULAN SWARNA TOLLWAY PTE LTD DAN REWA TOLLWAY PTE LTD MILIK 100%. KERUGIANINI BERPUNCA TERUTAMANYA DARIPADA JUMLAH PERDAGANGAN PERMULAAN YANG RENDAH DAN KOS FAEDAH DITANGGUNG BAGI PINJAMAN LUAR PESISIR UNTUK MEMBIAYAI PELABURAN EKUITI KUMPULAN DALAM KONSESI TOL DI INDIA, YANG SEBAHAGIANNYA MASIH DALAM PEMBINAAN DAN JUMLAH TRAFIK PERMULAAN YANG RENDAH DI OPERASI KONSESI KUMPULAN. KONSESI-KONSESI PADA MASA INI BERADA DALAM TAHUN KE TIGA, DAN DENGAN PENINGKATAN BILANGAN TRAFIK, TAHAP PRESTASI YANG LEBIH BAIK DIJANGKA DARIPADA KONSESI-KONSESI INI PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG.

INFRASTRUKTUR



Western Access Tollway di Buenos Aires, Argentina

ULASAN OPERASI KETUA PENGAWAI EKSEKUTIF (samb.)



Pasukan Pengurusan Infrastruktur

Atas ke Bawah
kiri:

- Neoh Soon Hiong
- Mohd Khalid Hj Mohamed
- Devaraj Govindarajoo
- Dato' Haji Zulkipli bin Haji Shamsudin
- Ho Phea Keat

kanan:

- Wong Soon Fah
- Yap Pak How
- Tuan Haji Awal bin Haji Ali
- Simon Thiang Choon Hiam



Tol Sunway di Lebuhraya Pantai Baru



Bilik operasi dan kawalan Tol untuk lebuhraya NPE

Kerja pembinaan ke atas tiga konsesi lain Kumpulan di India, iaitu Gautami Power milik-20%, Trichy Tollway milik-50% dan milik penuh Jaipur-Mahua Tollway, terus beroperasi dengan baik, manakala Second Vivekananda Bridge Tollway Co milik-33% mula bertol operasinya pada 4 Julai 2007.

Di Argentina, syarikat bersekutu milik 20% Grupo Concesionario del Oeste S.A. ("Grupo") Kumpulan yang mengendalikan Western Access Tollway di Buenos Aires terus untuk mencapai peringkat yang lebih baik memandangkan jumlah perdagangan meningkat sebanyak 10.35% berbanding tahun yang lepas. Ini merupakan tahun keempat berturut-turut dalam mana ia mencapai pertumbuhan dua digit dalam jumlah perdagangan dan harapan keseluruhan kekal positif dengan jumlah kenderaan negara meningkat sealiran dengan pertumbuhan ekonomi negara. Grupo pada masa ini telah bayar 40% dividen dan dalam proses perundingan menaikkan kadar tol dan pelanjutan kontrak konsesinya.

Di Vietnam, syarikat bersekutu Kumpulan milik 36% Binh An Water Corporation Ltd menyumbang keuntungan bersih sebanyak RM4.74 juta (FY 2006: RM4.03 juta) dalam tahun kewangan dengan penjimatan ketara dalam kos kendalian. Pelaburan akan menyumbang arus pendapatan stabil sehingga 31 Julai 2019.



Lebuhraya Besraya

Dalam tahun, Kumpulan membuat penglibatan permulaan ketara ke dalam wilayah Pakistan yang sebelum ini belum diterokai sesiapa dengan berjaya menyiapkan Fasa 1 pembinaan lebuh raya dipertingkatkan sepanjang Shahral-E-Faisal dari Persilangan Quaidabad ke Jambatan Jinnah di Karachi. Kumpulan menjangkakan untuk memulakan Fasa 2 kerja-kerja pembinaan selepas mendapatkan penutupan kewangan pada tahun kewangan semasa.

Di bahagian domestik, Syarikat akan mengambil bahagian dalam konsesi bagi lebuh raya baru sepanjang 48 km menghubungkan Kajang ke Seremban untuk tempoh 33 tahun. Syarikat akan melabur dalam 50% daripada ekuiti dalam syarikat konsesi, Lebuhraya Kajang-Seremban Sdn Bhd, dan kerja-kerja pembinaan dijangka untuk dimulakan pada tahun kewangan akan datang.

Maju ke hadapan, Bahagian telah melalui pengembangan ketara dan portfolio yang lebih luas berikutkan pengambilalihan



Lebuhraya Pantai Baru

RBH. Pengambilalihan ini membawa tambahan dua laluan bertol yang menguntungkan, iaitu Lebuh Raya Besraya dan Lebih Raya Pantai Baru, kedua-duanya terletak di Kuala Lumpur.



Pelabuhan Kuantan

Pelaburan strategik Kumpulan dalam KEB juga memberikannya peluang mengambil bahagian dalam konsesi bagi Lebuhraya Pantai Barat di Malaysia.

Pengambilalihan RBH juga bertindak untuk menambah dua konsesi pelabuhan di Kuantan dan Kemaman ke dalam himpunan aset-aset konsesi Kumpulan, dan dijangka akan menyumbang secara positif kepada untung rugi Bahagian bagi tahun-tahun akan datang. Kumpulan akan secara terpilih membida bagi projek-projek infrastruktur tempatan dan luar negara dan yakin mendapatkan kejayaan berterusan dalam tahun akan datang. Bahagian meneruskan strategik membina portfolio dengan pelaburan infrastruktur yang baik di tempatan dan pasaran yang semakin kembang, Kumpulan akan terus mempelbagai pelaburan bukan teras dan bukan strategik. Selanjutnya operasi sinergi di jangka memperolehi kerationalasi aset daripada integrasi RBH.

LAIN-LAIN PEMBINAAN

Kami meneruskan fokus melupuskan aset bukan teras dan hasil rendah. Sehingga ini, Syarikat telah melupus faedahnya di Avilion Hotel, Sydney dan mendapat hasil bersih sebanyak A\$20.74 juta. Kami seterusnya melupuskan kebanyakkan pelaburan jangka masa pendek di Syarikat tersenarai di Malaysia yang beruntung manakala pelaburan di Guangdong Provincial Expressway Development Company telah dilupus dengan sepenuhnya selepas memperolehi hasil pungutan sebanyaknya RM189.00 juta dan keuntungan sebanyak RM109.00 juta.

KESIMPULAN

Usaha-usaha proaktif oleh Kumpulan untuk menambahkan pulangan pemegang-pemegang saham melalui pengurusan modal, penggabungan dan pengambilalihan, dan pengembangan ke dalam pasaran yang membangun dengan lebih pantas dijangkakan akan memacu pertumbuhan kami. Perasionalan hutang dan aset akan menjadi tumpuan kami, dan dengan strategi pengantarabangsaan yang amat kukuh, kami berharap untuk terus menghasilkan pulangan yang lebih baik bagi pemegang-pemegang saham kami serta pemegang-pemegang pelbagai kepentingan.

Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan
Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan



Penyata Urus Tadbir Korporat

PENGASAS-PENGASAS KUMPULAN IJM MENYEDARI BAHAWA STANDARD TINGGI URUS TADBIR KORPORAT ADALAH AMAT PENTING UNTUK MELINDUNGI KEPENTINGAN SEMUA PEMEGANG PELBAGAI KEPENTINGAN DAN UNTUK MEMPERTINGKATKAN NILAI PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM.

OLEH YANG DEMIKIAN, SEMUA SYARIKAT DALAM KUMPULAN TELAH MENGADAKAN RANGKA KERJA ASAS AMALAN URUS TADBIR KORPORAT YANG BAIK DALAM ORGANISASI DAN OPERASINYA LAMA SEBELUM PENGGUBALAN KOD URUS TADBIR KORPORAT MALAYSIA ("KOD").

LEMBAGA PENGARAH ("LEMBAGA") MENYOKONG SEPENUHNYA DAN ADALAH KOMITED UNTUK MEMASTIKAN AGAR STANDARD TERTINGGI URUS TADBIR KORPORAT DIAMALKAN DALAM KUMPULAN. LEMBAGA TERUS MENGGALAKKAN PROFESIONALISME, INTEGRITI DAN URUS TADBIR YANG BAIK SEBAGAI BUDAYA DAN CARA KORPORAT.

I. LEMBAGA PENGARAH

1. Komposisi Lembaga

Daripada 12 ahli Lembaga, sembilan (9) adalah Pengarah Bukan Eksekutif. Antara Pengarah Bukan Eksekutif, lima (5) merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Pengerusi adalah salah satu daripada Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan yang akan menjawab segala pertanyaan mengenai Kumpulan selain daripada Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan ("CEO & MD").

Peranan Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas dan Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan ("CEO & MD") adalah berbeza dan berasingan. Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas meluangkan masa untuk memberi penjelasan mengenai isu-isu yang ditimbulkan oleh pemegang-pemegang saham dan pelabur-pelabur untuk memastikan ketelusan dan keberkesanan proses urus tadbir Lembaga. Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas juga kerap mengadakan dialog dengan CEO & MD mengenai semua perkara operasi dan bertindak sebagai fasilitator dalam mesyuarat Lembaga. CEO & MD mempunyai tanggungjawab keseluruhan bagi pengurusan harian perniagaan dan pelaksanaan dasar dan keputusan Lembaga. CEO & MD juga bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan matlamat strategik, operasi berkesan dalam Kumpulan, dan untuk menerangkan, menjelaskan dan memaklumkan kepada Lembaga mengenai perkara-perkara berhubung dengan Kumpulan. Pembahagian tanggungjawab di antara Pengerusi dan CEO & MD memastikan kebertanggungjawaban diberi keutamaan yang tinggi.

Profil setiap Pengarah dibentangkan pada muka surat 16 hingga 23.

PENYATA URUS TADBIR KORPORAT (samb.)**2. Tugas-tugas dan Tanggungjawab Lembaga**

Lembaga yang berkesan mengetuai, memberi arahan strategik dan mengurus Kumpulan. Para Pengarah adalah para profesional dalam bidang kejuruteraan, kewangan, perakaunan, ekonomi atau pentadbir awam kanan yang berpengalaman. Bersama-sama, mereka membawa rangkaian kekompetenan, kebolehan, kemahiran teknikal dan pengalaman perniagaan yang relevan untuk memastikan agar Kumpulan terus menjadi peneraju yang berdaya saing dalam industri pembinaan dengan reputasi yang kukuh bagi kekompetenan teknikal dan profesional.

Para Pengarah Bukan Eksekutif memberi pertimbangan bebas ke atas isu-isu strategi, prestasi perniagaan, sumber dan standard tatalaku. Para Pengarah Bukan Eksekutif Bebas pula memberi pandangan yang bebas dan membina untuk memastikan strategi yang dikemukakan oleh pengurusan dikaji dan ditimbangkan sepenuhnya demi kepentingan Kumpulan dan juga pemegang-pemegang pelbagai kepentingan.

Lembaga bertanggungjawab terutamanya bagi rancangan strategik menyeluruh Kumpulan untuk prestasi perniagaan, rancangan penggantian, pengurusan risiko, program perhubungan pelabur, kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan. Manakala Lembaga bertanggungjawab untuk membentuk rangka kerja dan polisi dalam mana Kumpulan harus beroperasi, pihak pengurusan bertanggungjawab bagi pelaksanaan polisi yang dinyatakan dan pencapaian objektif korporat Kumpulan yang dinyatakan. Pembatasan ini memperkuuhkan peranan penyeliaan Lembaga.

Dari masa ke masa Syarikat mungkin menggunakan khidmat Pengarah Eksekutif yang telah bersara untuk peranan yang tertentu dalam operasi Syarikat bagi tempoh-tempoh spesifik. Pengarah-pengarah ini akan dibayar imbuhan untuk perkhidmatan mereka.

3. Mesyuarat Lembaga

Lembaga mengadakan sekurang-kurangnya empat (4) mesyuarat berjadual tetap setiap tahun, dengan mesyuarat tambahan diadakan bila dan apabila perlu. Semasa tahun kewangan, lima (5) mesyuarat Lembaga telah diadakan.

Rekod kehadiran setiap Pengarah adalah seperti berikut:

| | Bilangan Mesyuarat Dihadiri | Peratusan |
|---|-----------------------------|-----------|
| Pengarah Eksekutif | | |
| Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan | 5 daripada 5 | 100% |
| Dato' Goh Chye Koon | 5 daripada 5 | 100% |
| Soo Heng Chin | 5 daripada 5 | 100% |
| Pengarah Bukan Eksekutif Bebas | | |
| Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob | 5 daripada 5 | 100% |
| Tan Sri Dato'(Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor | 5 daripada 5 | 100% |
| Datuk Oh Chong Peng | 5 daripada 5 | 100% |
| Datuk Yahya bin Ya'acob | 5 daripada 5 | 100% |
| Pengarah Bukan Eksekutif | | |
| Dato' (Dr) Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad | 5 daripada 5 | 100% |
| A K Feizal Ali (<i>Dilantik pada 5 Januari 2007</i>) | 1 daripada 1 | 100% |
| Dato' Dato' Goh Chye Keat (<i>Meletakkan jawatan pada 16 Ogos 2006</i>) | 2 daripada 2 | 100% |
| Dato' Ismail bin Shahudin (<i>Meletakkan jawatan pada 16 Oktober 2006</i>) | 1 daripada 2 | 50% |
| Pengarah Silih Ganti | | |
| Teh Kean Ming, Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon <i>(Meletak jawatan sebagai Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Keat dan dilantik pada 16 Ogos 2006 sebagai Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon)</i> | 4 daripada 5 | 80% |
| Tan Gim Foo, Pengarah Silih Ganti kepada Soo Heng Chin | 5 daripada 5 | 100% |

Selain daripada menghadiri mesyuarat Lembaga, para Pengarah juga mengambil bahagian dalam beberapa mesyuarat memutuskan tender dan taklimat pelaburan di mana ahli-ahli mempertimbangkan penyertaan Kumpulan dalam bida dan/atau pelaburan projek besar. Mesyuarat dan perundingan tidak rasmi sering kali dan secara bebas diadakan untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman. Para Pengarah juga menghadiri dialog pengurusan kanan tahunan di mana strategi operasi, kemajuan prestasi dan isu-isu lain dibincangkan secara ekstensif, dibincangkan secara eksklusif dan dimaklumkan kepada pengurus-pengurus kanan Kumpulan.

4. Bekalan Maklumat

Sebagai peraturan am, laporan Lembaga diedarkan kepada semua Pengarah lebih awal daripada mesyuarat-mesyuarat yang dijadualkan untuk memberi mereka peluang bagi mendapat penjelasan atau mencari maklumat tambahan mengenai prestasi kewangan entiti dan unit perniagaan, dan lain-lain isu yang mungkin memerlukan perbincangan dan keputusan.

Antara lain, laporan menyediakan maklumat mengenai isu-isu besar operasi, kewangan dan korporat, kegiatan dan prestasi, prestasi bahagian dan alasan-alasan bagi pelencengan ketara daripada peruntukan dan perubahan besar dalam struktur Kumpulan dan urus niaga sekuriti (termasuk ringkasan urus niaga sekuriti para Pengarah, Pegawai Utama dan pemegang-pemegang saham utama).

Selain daripada mesyuarat Lembaga suku tahunan, taklimat diadakan untuk Lembaga mengenai pelbagai isu seperti perubahan kepada perundangan, kaedah dan peraturan syarikat dan sekuriti dari masa ke masa untuk memaklumkan mereka mengenai perkembangan terkini dalam bidang-bidang ini.

Para Pengarah juga dimaklumkan mengenai sebarang pengumuman korporat yang dikeluarkan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities"). Mereka juga dimaklumkan mengenai sekatan yang akan berkuat kuasa pada bila-bila masa dalam berurusan dengan sekuriti Syarikat sekurang-kurangnya satu bulan sebelum pengeluaran pengumuman keputusan kewangan suku tahunan.

Selain daripada itu, terdapat jadual perkara-perkara yang diketepikan secara khusus untuk pertimbangan Lembaga, seperti kelulusan rancangan korporat dan bajet tahunan, pembelian dan pelupusan usaha niaga dan harta bernilai besar, dan perubahan kepada struktur pengurusan dan kawalan dalam Kumpulan, termasuk polisi penting, had kuasa yang ditugaskan dan penyertaan dalam keputusan pemberian tender untuk projek pembinaan melebihi had yang diwujudkan.

Semua Pengarah mempunyai akses kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat sepenuh masa yang dilantik oleh Lembaga, dan mereka telah diberikan Manual Penyenaraian Bursa Securities, Kod, Penyata mengenai Kawalan Dalaman: Garis panduan bagi para Pengarah Syarikat Tersenarai Awam dan Kod Etika bagi para Pengarah dan Setiausaha, kemas kini mengenai perundangan syarikat dan sekuriti dan lain-lain kaedah dan peraturan dan perundangan berkenaan.

5. Jawatankuasa Yang Ditubuhkan oleh Lembaga

Lembaga telah menugaskan fungsi tertentu kepada Jawatankuasa-jawatankuasa yang ia tubuhkan untuk membantu dalam pelaksanaan tanggungjawabnya. Jawatankuasa beroperasi di bawah bidang tugas yang dinyatakan dengan jelas. Pengerusi Jawatankuasa melaporkan kepada Lembaga mengenai keputusan mesyuarat Jawatankuasa dan laporan-laporan tersebut dimasukkan dalam kertas-kertas Lembaga.

A. Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa Eksekutif telah ditubuhkan pada 31 Mac 1995 dan keahliannya mengandungi Pengarah-pengarah Eksekutif Lembaga. Jawatankuasa Eksekutif bermesyuarat secara bulanan untuk mengkaji prestasi bahagian operasi Kumpulan. Turut menghadiri adalah Pengarah Kewangan dan Ketua Bahagian, Setiausaha Syarikat dan Ketua-ketua jabatan berkaitan.

Bidang tugas Jawatankuasa Eksekutif termasuklah yang berikut:-

- membuat keputusan mengenai semua urus niaga dan perkara berkaitan dengan perniagaan teras Kumpulan atau pelaburan sedia ada dalam kuasa terbatas diberi melalui had-had yang ditentukan oleh Lembaga; dan
- membuat keputusan mengenai semua perkara berkaitan dengan kemudahan perbankan sebagaimana mungkin diperlukan dalam melaksanakan operasi Kumpulan.

Dalam tahun kewangan, 11 Jawatankuasa Eksekutif telah diadakan. Rekod kehadiran setiap ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:

| Pengarah Eksekutif | Bilangan Mesyuarat Dihadiri | Peratusan |
|--------------------------------|-----------------------------|-----------|
| Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan | 11 daripada 11 | 100% |
| Dato' Goh Chye Koon | 9 daripada 11 | 82% |
| Soo Heng Chin | 10 daripada 11 | 91% |

PENYATA URUS TADBIR KORPORAT (samb.)

B. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada 31 Januari 1994 dan dipengerusikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor. Lain-lain ahli Jawatankuasa Audit adalah Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob, Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng dan Y. Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob. Bidang tugas dan ringkasan kegiatan Jawatankuasa Audit dinyatakan pada muka surat 79 to 81.

C. Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan telah ditubuhkan pada 2 Disember 1998 dan telah dinamakan semula Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan pada 16 Mei 2001. Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan dianggotai oleh empat (4) ahli; tiga (3) daripada mereka adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, iaitu Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor (Pengerusi), Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob dan Y. Bhg. Datuk Yahya Bin Ya'acob, dan seorang lagi adalah Pengarah Bukan Eksekutif iaitu Y. Bhg. Datuk Lee Teck Yuen.

Bidang tugas Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan termasuklah yang berikut:-

- (i) mewujudkan dan mengkaji terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan & imbuhan Pengarah Eksekutif dan eksekutif kanan Kumpulan;
- (ii) mengkaji dan meluluskan kenaikan gaji dan bonus tahunan Pengarah-pengarah Eksekutif dan eksekutif kanan Kumpulan;

- (iii) mengkaji, mengesyorkan dan menimbaangkan calon-calon kepada Lembaga Syarikat, anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan, termasuk jawatankuasa Lembaga;
- (iv) mengkaji dan menentukan campuran kemahiran, pengalaman dan kualiti-kualiti lain, termasuk kekompetenan teras Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif, atas dasar tahunan; dan
- (v) menilai keberkesanan Lembaga secara keseluruhan, jawatankuasa Lembaga dan sumbangan setiap Pengarah atas dasar tahunan.

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan akan bermesyuarat sebagaimana diperlukan. Tiga (3) mesyuarat telah diadakan dalam tahun kewangan. Semua pengesyoran Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan adalah tertakluk kepada ratifikasi Lembaga.

D. Jawatankuasa Saham

Jawatankuasa Saham telah ditubuhkan pada 3 September 1986 dan bertanggungjawab bagi mengatur dan meluluskan urus niaga dan pendaftaran sekuriti. Jawatankuasa Saham terdiri daripada Y. Bhg. Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan (Pengerusi), Y. Bhg. Dato' Goh Chye Koon dan En Soo Heng Chin.

E. Jawatankuasa Skim Opsyen Saham Kakitangan (ESOS)

Jawatankuasa ESOS baru telah ditubuhkan pada 30 Oktober 2003 dan bertanggungjawab bagi pelaksanaan dan pentadbiran ESOS baru Syarikat. Jawatankuasa ESOS terdiri daripada Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor (Pengerusi), Y. Bhg. Dato' Goh Chye Koon dan En Soo Heng Chin.



**AHLI-AHLI JAWATANKUASA
PELANTIKAN & IMBUHAN**

Duduk : Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad Bin Mohd Noor
Berdiri (kiti ke kanan) : Datuk Lee Teck Yuen
 Tan Sri Dato' (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob
 Datuk Yahya bin Ya'acob

6. Pelantikan ke Lembaga

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan bertanggungjawab untuk membuat pengesорan kepada Lembaga, termasuk anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu. Dalam membuat pengesorannya-pengesoran ini, Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan menimbangkan campuran kemahiran dan pengalaman yang diperlukan, yang dibawa oleh para Pengarah harus bawa kepada Lembaga. Para Pengarah dimaklumkan dan menyedari bahawa mereka boleh meminta nasihat bebas, di mana perlu, dalam melaksanakan tugas-tugas mereka dan atas perbelanjaan Kumpulan.

7. Pelantikan Semula

Tataurus Pertubuhan memperuntukkan agar semua Pengarah menawarkan diri mereka bagi pemilihan semula sekurang-kurangnya setiap tiga (3) tahun dalam mematuhi syarat-syarat penyenaraian Bursa Securities. Tataurus Pertubuhan Syarikat juga memperuntukkan bahawa satu pertiga daripada Lembaga hendaklah bersara daripada jawatan dan menjadi layak untuk pemilihan semula pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan.

Para Pengarah berumur lebih daripada 70 tahun dikehendaki untuk menawarkan diri mereka bagi pelantikan semula setiap tahun selaras dengan Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965 ("Akta").

8. Latihan Para Pengarah

Semua Pengarah telah menghadiri Program Pentaulahan Mandatori Para Pengarah yang diaturkan oleh Bursa Securities dan menyedari keperluan Program Pendidikan Berterusan yang ditetapkan oleh Bursa Securities. Para Pengarah juga selanjutnya dilatih dari masa ke masa, khususnya mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan baru berkenaan dan perubahan risiko-risiko komersil. Kursus induksi yang ringkas diberikan kepada para Pengarah yang baru dilantik.

Dalam tahun, tiga (3) seminar telah diaturkan bagi para Pengarah dan pengurusan kanan seperti berikut:-

- 1) Mempertingkatkan Prestasi, Kepimpinan & Urus Tadbir Lembaga Pengarah;
- 2) Bajet 2007 & Taklimat Cukai kepada Lembaga Pengarah & Pengurus-pengurus Kanan; dan
- 3) Memahami Insurans Liabiliti para Pengarah & Pegawai-pegawai.

Syarikat akan atas dasar berterusan, menilai dan menentukan keperluan latihan bagi para Pengarahnya.

Di mana mungkin dan apabila peluang timbul, mesyuarat Lembaga boleh diadakan di lokasi dalam perniagaan-perniagaan yang dikendalikan oleh Kumpulan untuk membolehkan para Pengarah mendapat perspektif yang lebih baik bagi perniagaan dan mempertingkat pemahaman operasi Kumpulan.



Kursus latihan sering di adakan untuk Pengarah-pengarah dan kakitangan

II. IMBUHAN

Polisi imbuhan Syarikat adalah berdasarkan falsafah bahawa Kumpulan tidak berhasrat untuk menjadi peneraju pasaran dari segi gaji pokok tetapi akan memberi pertimbangan besar ke atas bonus berdasarkan prestasi. Ini termaktub dalam polisi imbuhan bagi para Pengarah Eksekutif.

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan mengkaji secara tahunan polisi imbuhan bagi Pengarah Eksekutif untuk memastikan bahawa mereka telah diberi ganjaran sewajarnya bagi sumbangan mereka kepada pertumbuhan dan keberuntungan Kumpulan.

Prestasi para Pengarah diukur melalui sumbangan dan komitmen Pengarah kepada kedua-dua Lembaga dan Kumpulan. Imbuhan Pengarah Eksekutif akan bergantung kepada pencapaian matlamat (termasuk sasaran organisasi yang telah ditentukan jumlahnya dan pencapaian peribadi) ditetapkan pada permulaan setiap tahun.

Dalam hal Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif, tahap imbuhan menggambarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab dipikul oleh Pengarah Bukan Eksekutif tertentu.

Penentuan imbuhan bagi Pengarah-pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif adalah tanggungjawab Lembaga. Syarikat membayar balik perbelanjaan munasabah yang ditanggung oleh Pengarah-pengarah ini sepanjang tugas mereka sebagai Pengarah.

1. Yuran

Yuran Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan. Yuran dibayar berdasarkan kehadiran mesyuarat dan tahap tanggungjawab Pengarah dalam Lembaga dan Jawatankuasanya.

2. Gaji Pokok

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan melaksanakan kajian tahunan ke atas gaji pokok bagi semua eksekutif kanan mengambil kira prestasi individu dan syarikat, dan amalan dalam industri. Kumpulan mengambil bahagian dalam soal-selidik khusus industri oleh firma profesional bebas untuk mendapatkan data semasa dalam menanda aras Kumpulan.

PENYATA URUS TADBIR KORPORAT (samb.)**3. Skim Bonus dan Insentif**

Kumpulan melaksanakan skim bonus & insentif bagi semua kakitangan, termasuk Pengarah-pengarah Eksekutif. Kriteria bagi skim adalah bergantung kepada prestasi kewangan Kumpulan berdasarkan formula yang sedia wujud dan prestasi setiap individu kakitangan. Bonus dan insentif yang perlu dibayar kepada Pengarah-pengarah Eksekutif dikaji oleh Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan dan diluluskan oleh Lembaga.

4. Faedah Bukan Dalam Bentuk Wang

Faedah-faedah lazim lain seperti penjagaan perubatan peribadi dan kereta, disediakan selaras dengan garis panduan yang dibentangkan dalam Skim & Syarat-Syarat Perkhidmatan IJM.

5. Pengaturan Pencen

Caruman dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, sebuah rancangan caruman ditetapkan mandatori negara, untuk semua kakitangan dan Pengarah-pengarah Eksekutif yang menetap di Malaysia. Walau bagaimanapun, Kumpulan telah pada 31 Disember 2006 memansuhkan Skim Persaraan IJM ("Skim"), satu pelan penetapan gaji akhir yang dibiayai oleh Kumpulan, memandangkan kepentingan Kumpulan dan risiko pelaburan dana persaraan di mana Syarikat mungkin perlu menyumbang dari masa ke masa.

6. Opsyen dan Waran Saham Pengarah

Kumpulan juga menawarkan kakitangan dengan opsyen saham di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangannya. Dalam tahun kewangan 2006, Kumpulan telah menerbitkan 10,000,000 waran kepada kakitangan pengurusan yang berhak pada RM0.05 setiap waran.

Pergerakan opsyen dan waran saham para Pengarah dalam tahun kewangan dibentangkan pada muka surat 105 hingga 107.

7. Imbuhan Para Pengarah

Butir-butir imbuhan para Pengarah dalam tahun adalah seperti berikut:

A. Agregat imbuhan para Pengarah dikategorikan dalam komponen yang sesuai:

| | Gaji RM'000 | Yuran RM'000 | Bonus, Insentif & Lain-lain RM'000 | Faedah Persaraan RM'000 | KWSP RM'000 | Bukan Dalam Bentuk Wang RM'000 | Jumlah RM'000 |
|--------------------------|----------------|-----------------|---|-------------------------------|----------------|---|------------------|
| Pengarah Eksekutif | 1,946 | 15 | 1,889 | 73 | 658 | 104 | 4,685 |
| Pengarah Bukan Eksekutif | – | 270 | 69 | – | – | 54 | 394 |

B. Imbuhan agregat setiap Pengarah:

| | |
|--|---------------|
| Pengarah Eksekutif | RM'000 |
| Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan | 1,883 |
| Dato' Goh Chye Koon | 1,253 |
| Soo Heng Chin | 497 |
| Pengarah Bukan Eksekutif | |
| Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob | 97 |
| Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor | 65 |
| Datuk Oh Chong Peng | 75 |
| Datuk Yahya bin Ya'acob | 49 |
| Dato' Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad | 15 |
| A K Feizal Ali (<i>Dilantik pada 5 Januari 2007</i>) | – |
| Dato' Goh Chye Keat (<i>Meletak jawatan pada 16 Ogos 2006</i>) | 74 |
| Dato' Ismail bin Shahudin (<i>Meletak jawatan pada 16 Oktober 2006</i>) | – |
| Abd Hamid bin Othman (<i>Meletak jawatan pada 13 September 2005</i>) | 12 |
| Dato' Abdullah bin Mohd Yusof (<i>Meletak jawatan pada 5 Julai 2005</i>) | 6* |
| Pengarah Silih Ganti | |
| Tan Gim Foo (Silih Ganti kepada Soo Heng Chin) | 482# |
| Teh Kean Ming (Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon) | 621# |

* Yuran dan eluan telah dibayar kepada Zelan Berhad.

Imbuhan agregat diterima dalam tahun kewangan.



Dato' Krishnan Tan ditemubual dalam sidang media

III. PERHUBUNGAN PELABUR DAN KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM

1. Dialog Antara Syarikat dengan para Pelabur

Syarikat memberi perhatian utama dalam memastikan taraf tertinggi ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam penzahiran maklumat yang penting kepada pemegang-pemegang sahamnya serta pelabur-pelabur berpotensi mahu pun orang awam.

Beberapa pengumuman dan penzahiran telah dibuat kepada Bursa Securities sepanjang tahun, termasuk pengumuman yang tepat pada masa keputusan kewangan atas dasar suku tahunan, memberikan pemegang-pemegang saham dan pelabur-pelabur awam yang melabur gambaran keseluruhan prestasi dan operasi Kumpulan.

Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, pembentangan dibuat oleh CEO & MD untuk menjelaskan strategi, prestasi dan perkembangan utama Kumpulan kepada pemegang-pemegang

saham. Sebarang maklumat yang mungkin dianggap sebagai material tidak akan diberi kepada mana-mana satu pemegang saham atau kumpulan pemegang saham atas dasar pilihan kecuali setakat perwakilan mereka dalam Lembaga.

Kumpulan mengadakan dialog dengan penganalisis kewangan dari masa ke masa sebagai cara perhubungan pelabur yang berkesan. Sekurang-kurangnya dua (2) Taklimat Ringkas Penganalisis berjadual diadakan setiap tahun, biasanya berkebetulan dengan pengumuman keputusan suku tahunan kedua dan akhir Kumpulan untuk menjelaskan keputusan yang dicapai dan strategi masa hadapan. Sidang Akhbar biasanya diadakan selepas Mesyuarat Agung Tahunan dan/atau Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat. Syarikat juga mengambil bahagian dalam beberapa forum pelabur institusi tempatan dan di luar Malaysia dalam tahun kewangan.

Ringkasan kegiatan pelabur Kumpulan dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:-

Bilangan mesyuarat

| | |
|---|----|
| Mesyuarat biasa dengan para pelabur/pengurus dana /penganalisis, dsb | |
| 1. Taklimat Ringkas Syarikat | 2 |
| 2. Sidang Akhbar | 2 |
| 3. Mesyuarat dengan para pelabur/pengurus dana /penganalisis yang melawat | 48 |
| Penglibatan dalam Persembahan Kunjungan Tempatan/Pameran/Persidangan Pelabur | |
| 1. Persidangan | 3 |
| Persidangan Pelabur Luar Negeri | |
| 1. Hong Kong | 3 |
| 2. India | 1 |
| 3. London | 1 |
| 4. Singapura | 3 |

Laporan Tahunan mengandungi ulasan prestasi mengenai perniagaan, aspek kewangan dan operasi Kumpulan, penerangan ringkas perkhidmatan dan produk Kumpulan dan penyata kewangan Kumpulan.

2. Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan adalah forum utama bagi dialog dengan pemegang-pemegang saham. Notis mesyuarat dan laporan tahunan dihantar kepada pemegang-pemegang saham sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh mesyuarat selaras dengan Tataurusun Pertubuhan Syarikat.

Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga menggalakkan pemegang-pemegang saham untuk mengambil bahagian dalam sesi soal jawab. Pengerusi dan, di mana sesuainya, CEO & MD menjawab soalan pemegang-pemegang saham dalam mesyuarat. Apabila sesuai, Pengerusi akan menyediakan jawapan bertulis kepada mana-mana soalan penting yang tidak dapat dijawab dengan serta-merta dalam mesyuarat tersebut.

Dalam hal pemilihan semula para Pengarah, notis mesyuarat akan menyatakan Pengarah mana yang dicalonkan bagi pemilihan atau pemilihan semula.

PENYATA URUS TADBIR KORPORAT (samb.)

Setiap perkara urusan khas dimasukkan dalam notis mesyuarat diiringi dengan penjelasan untuk resolusi yang dicadangkan. Resolusi berasingan akan dicadangkan bagi isu-isu berasingan dalam mesyuarat, dan Pengerusi akan mengisyiharkan bilangan undian proksi yang diterima dari kedua-dua penyokong dan penentang resolusi sebelum pengundian setiap resolusi.

3. Keterbukaan dan Ketelusuran

Kumpulan telah menukuhan sebuah laman web yang sangat komprehensif dan semasa di <http://www.ijm.com> untuk meningkatkan lagi perhubungan pelabur dan komunikasi pemegang-pemegang saham, termasuk akses mereka kepada maklumat mengenai Syarikat dan Kumpulan. Antara lain, laman web menyediakan maklumat mengenai pergerakan harian sekuriti-sekuriti Syarikat, pengumuman korporat yang dikeluarkan kepada Bursa Securities, kenyataan-kenyataan lain daripada Kumpulan, laporan tahunan, minit-minit mesyuarat agung, pengagihan dividen, dividen-dividen tidak dituntut, urus niaga sekuriti para Pengarah, Pegawai-pegawai Prinsipal dan pemegang-pemegang saham utama, dan profil Kumpulan.

Untuk melayan pemegang-pemegang kepentingan Kumpulan dengan lebih baik melalui penubuhan ruang laman web Perhubungan Pelabur yang diwujudkan, halaman maklum balas bertindak untuk menyediakan jalan Kumpulan untuk meningkat maju melalui e-mel: ijmir@ijm.com. Selain daripada itu, pemegang-pemegang kepentingan yang berhasrat untuk menghubungi Kumpulan boleh berbuat demikian melalui halaman 'Hubungi Kami' ('Contact Us') dengan butir-butir bahagian untuk dihubungi masing-masing yang disediakan.

IV. AKAUNTABILITI DAN AUDIT

1. Pelaporan Kewangan

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan dan pengumuman suku tahunan kepada pemegang-pemegang saham, Lembaga berhasrat untuk membentangkan penilaian seimbang dan boleh difahami mengenai kedudukan dan prospek Kumpulan. Ini juga terpakai kepada lain-lain laporan awam yang sensitif dari segi harga dan laporan-laporan kepada pengawal atur.

2. Penyata Tanggungjawab Para Pengarah

Para Pengarah diperlukan oleh Akta untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan selaras dengan piawaian perakaunan diluluskan terpakai untuk memberi gambaran sebenar dan adil tentang keadaan hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan dan mengenai keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah perlu:

- i. menggunakan polisi perakaunan sewajarnya yang diamalkan secara konsisten;
- ii. membuat penghakiman dan anggaran yang munasabah dan berhemah;
- iii. memastikan bahawa semua piawaian perakaunan terpakai telah diikuti; dan
- iv. menyediakan penyata kewangan atas dasar usaha berterusan memandangkan para Pengarah mempunyai jangkaan munasabah, setelah membuat pertanyaan, bahawa Kumpulan dan Syarikat mempunyai sumber yang mencukupi untuk terus beroperasi pada masa hadapan yang boleh diramal.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab untuk memastikan agar Syarikat menyimpan reked perakaunan yang menzhirkan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat yang agak tepat secara munasabah dan yang membolehkan mereka untuk memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi Akta.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab menyeluruh dalam mengambil langkah-langkah tertentu sebagaimana secara munasabah terbuka kepada mereka untuk melindungi aset Kumpulan dan Syarikat, dan untuk menghalang penipuan dan ketidakakuratan yang lain. Kumpulan juga telah melaksanakan Polisi & Prosedur bagi Penipuan Pelaporan, Pembaziran dan/atau Penyalahgunaan yang melibatkan Sumber Syarikat, di bawah mana, sekiranya kakitangan mengesyaki bahawa penipuan, pembaziran, atau penyalahgunaan telah berlaku, kakitangan digalakkan membuat aduan dan diberi saluran langsung untuk menghubungi Jabatan Audit Dalaman Kumpulan, CEO & MD atau Setiausaha Syarikat.

3. Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman Kumpulan dinyatakan pada muka surat 82 dan 83.

4. Perhubungan dengan Juruaudit

Peranan Jawatankuasa Audit berhubungan dengan juruaudit luar dinyatakan pada muka surat 79 hingga 81.

5. Yuran Bukan Audit

Yuran Bukan Audit yang dibayar / akan dibayar kepada Juruaudit luar dan syarikat bergabung oleh Syarikat bagi FY 2007 sebanyak RM1.66 juta.

Ditandangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi mereka bertarikh 13 Julai 2007.

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman
bin Wan Yaacob
Pengerusi



AHLI-AHLI JAWATANKUASA AUDIT

Duduk:
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad Bin Mohd Noor

Berdiri (kiri ke kanan):
Tan Sri Dato' (Dr) Wan Abdul Rahman Bin Wan Yaacob
Datuk Oh Chong Peng
Datuk Yahya Bin Ya'acob

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

KEAHlian DAN MESUARAT

Jawatankuasa Audit bermesyuarat sebanyak empat (4) kali dalam tempoh berakhir 31 Mac 2007 dan kehadiran setiap ahli Jawatankuasa Audit adalah seperti berikut:

| | Bil. mesyuarat diadakan dalam tahun | Bil. mesyuarat dihadiri |
|--|--|----------------------------|
| Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor Pengerusi Jawatankuasa Audit (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan) | 4 | 4 |
| Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob Ahli (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas) | 4 | 4 |
| Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng Ahli (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas) | 4 | 4 |
| Y. Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob Ahli (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas) | 4 | 4 |

DALAM TEMPOH KEWANGAN, JAWATANKUASA AUDIT TELAH MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB, SEPERTI YANG TERCATAT DI BAWAH BIDANG-BIDANG TUGAS JAWATANKUASA AUDIT PADA MUKA SURAT 81. SELAIN DARIPADA TANGGUNGJAWABINI, KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA YANG DILAKSANAKAN OLEH JAWATANKUASA AUDIT DALAM TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2007 ADALAH SEPERTI BERIKUT:

- mengkaji pengumuman keputusan kewangan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan;
- mengkaji strategi dan rancangan audit bersama juruaudit luar;
- mengkaji penemuan juruaudit luar berhubung dengan isu-isu audit dan perakaunan yang timbul daripada audit, dan kemaskini perkembangan-perkembangan baru mengenai piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia;
- mengkaji urusniaga pihak-pihak berkaitan yang timbul dalam Syarikat atau Kumpulan;
- mengkaji dan meluluskan rancangan audit tahunan yang dicadangkan oleh Juruaudit Dalaman;
- mengkaji laporan audit yang dikemukakan oleh Juruaudit Dalaman mengenai penemuan dan pengesyuran berhubungan dengan sistem dan kelemahan kawalan;
- mengkaji laporan dan penemuan Jawatankuasa Pengurusan Risiko; dan

- Membincangkan perkara-perkara yang timbul daripada audit oleh juruaudit luar ke atas Kumpulan tanpa kehadiran Pengurusan.

Sejajar dengan Amalan Terbaik Kod Urustadbir Korporat Malaysia dan syarat-syarat Piawaian bagi Amalan Profesional Pengauditan Dalaman yang dikeluarkan oleh Institut Juruaudit Dalaman, Jawatankuasa Audit telah melantik firma perunding bebas untuk melaksanakan Kajian Prestasi Strategik Jabatan Audit Dalaman Kumpulan dalam tahun.

Fungsi Audit Dalaman

Fungsi audit dalaman Kumpulan dilaksanakan oleh Jabatan Audit Dalaman, yang melaporkan kepada Jawatankuasa Audit mengenai setiap aktiviti berdasarkan Rancangan Audit Dalaman tahunan yang telah diluluskan. Mengambil kira purata wajaran kepada saiz operasi dan risiko-risiko yang terlibat, Rancangan Audit Dalaman tahunan direka untuk meliputi projek-projek dan entiti di semua peringkat operasi dalam Kumpulan. Dalam tahun, audit-audit yang dilaksanakan bukan hanya menumpukan pada bahagian pembinaan dan harta tanah Malaysia tetapi juga termasuk operasi luar negara khususnya di India, Timur Tengah dan Vietnam. Jabatan terus memberikan khidmat audit dalaman kepada IJM Plantations Berhad dan Industrial Concrete Products Berhad, dan dalam usaha untuk memberi perkhidmatan nilai ditambah, ia juga memainkan peranan aktif dalam keupayaan penasihat dalam penyemakan dan peningkatan kawalan dalaman sedia ada dalam Kumpulan.

Jabatan Audit Dalaman menerima pakai pendekatan pengauditan berasaskan risiko mengambil kira amalan terbaik global dan piawaian industri. Peranan utama Jabatan Audit Dalaman adalah untuk menyediakan laporan bebas dan objektif mengenai keberkesanannya sistem kawalan dalaman dalam Kumpulan untuk Jawatankuasa Audit.

Jawatankuasa Audit kemudiannya membincangkan laporan-laporan audit dalaman dan pengesyoran yang telah diambil tindakan sewajarnya oleh pengurusan.

KEAHLIAN

Jawatankuasa Audit akan dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan Pengarah-pengarah dan hendaklah dianggotai tidak kurang daripada tiga ahli. Majoriti daripada jawatankuasa audit hendaklah merupakan Pengarah-pengarah bebas. Ahli-ahli jawatankuasa audit akan memilih seorang pengurus daripada kalangan mereka yang merupakan pengarah bebas. Pengarah silih ganti tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

Sekurang-kurangnya salah seorang daripada ahli Jawatankuasa Audit:

- mesti merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia; atau
- sekiranya beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau mesti mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja dan:
 - beliau mesti lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
 - beliau hendaklah merupakan ahli salah satu persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967.
- (a) mesti mempunyai ijazah sarjana muda/sarjana / kedoktoran dalam perakaunan atau kewangan dan sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman selepas kelayakan dalam perakaunan atau kewangan; atau
 - hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya tujuh tahun pengalaman sebagai Ketua Pegawai Kewangan sesebuah perbadanan atau mempunyai fungsi yang bertanggungjawab terutamanya bagi pengurusan hal ehwal kewangan sesebuah perbadanan.

Lembaga Pengarah hendaklah mengkaji tugas-tugas dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap ahlinya sekurang-kurangnya satu kali setiap tiga tahun untuk menentukan sama ada ahli-ahli jawatankuasa audit telah menjalankan tugas-tugas mereka selaras dengan bidang-bidang tugasnya.

MESYUARAT DAN MINIT

Mesyuarat hendaklah diadakan tidak kurang daripada 4 kali setahun, dan akan biasanya dihadiri oleh Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Eksekutif Audit, dan sekiranya diperlukan, juruaudit luar. Ahli-ahli Lembaga lain juga boleh menghadiri mesyuarat atas jemputan Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun dengan juruaudit luar tanpa kehadiran ahli pegawai eksekutif Kumpulan. Kedua-dua juruaudit dalaman dan luar, boleh meminta supaya mesyuarat diadakan jika perlu.

Korum terdiri daripada dua ahli yang hadir dan majoritinya mestilah pengarah bebas.

Setiausaha Syarikat bertindak sebagai setiausaha kepada Jawatankuasa Audit. Minit-minit setiap mesyuarat diedarkan kepada setiap ahli Lembaga dan Pengurus Jawatankuasa melaporkan isu-isu utama yang dibincangkan dalam setiap mesyuarat kepada Lembaga.

AUTORITI

Jawatankuasa Audit diberi kuasa berikut sebagaimana diperuntukkan oleh Lembaga :-

- kuasa untuk menyiasat sebarang kegiatan dalam bidang-bidang tugasnya;
- akses penuh, bebas dan tidak terbatas kepada sebarang maklumat yang berkaitan dengan Kumpulan;
- saluran komunikasi secara langsung dengan juruaudit luar dan dalaman serta semua kakitangan Kumpulan; dan
- kuasa untuk mendapat nasihat profesional bebas luar jika perlu.

TUGAS-TUGAS

Berikut adalah tugas-tugas dan tanggungjawab utama secara kolektif Jawatankuasa:

- 1) Untuk mengkaji laporan suku tahunan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan sebelum dikemukakan kepada Lembaga, dengan menumpukan kepada hal-hal yang berikut:
 - (i) andaian usaha berterusan;
 - (ii) apa-apa perubahan dalam polisi dan amalan perakaunan;
 - (iii) isu-isu penting yang tertimbul daripada audit;
 - (iv) pematuhan dengan piawaian perakaunan, syarat-syarat berperaturan dan perundangan yang lain; dan
 - (v) isu-isu penting yang memerlukan penilaian.
- 2) Untuk menimbang pencalonan dan pelantikan juruaudit luar, dan juga yuran audit mereka.
- 3) Untuk menimbang mana-mana surat peletakan jawatan daripada juruaudit luar, dan mana-mana persoalan peletakan jawatan atau pemecatan.
- 4) Untuk berbincang dengan juruaudit luar, sebelum pelaksanaan audit, rancangan audit mereka yang menjelaskan sifat audit dan untuk memastikan penyelarasan audit jika melibatkan lebih daripada satu firma audit.
- 5) Untuk mengkaji dengan juruaudit luar, surat pengurusan mereka dan jawapan pengurusan.
- 6) Untuk mengkaji bantuan yang diberikan oleh kakitangan Syarikat kepada juruaudit luar.
- 7) Untuk mengkaji yang berikut berhubung dengan audit dalaman:
 - (i) kecukupan skop audit dan sumber fungsi audit dalaman serta mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan fungsinya;
 - (ii) rancangan dan program audit dalaman;
 - (iii) penemuan-penemuan utama penyiasatan audit dalaman dan jawapan pengurusan, dan memastikan tindakan wajar diambil ke atas pengesyoran-pengesyoran fungsi audit dalaman;
 - (iv) penilaian prestasi kakitangan fungsi audit dalaman;
 - (v) perlantikan atau penamatan ahli-ahli kakitangan kanan audit dalaman; dan
 - (vi) peletakan jawatan ahli-ahli kakitangan audit dalaman dan memberi ahli kakitangan yang meletak jawatan peluang untuk mengemukakan alasan beliau meletak jawatan.
- 8) Untuk memantau mana-mana urusniaga pihak berkaitan dan keadaan di mana percanggahan kepentingan mungkin timbul dalam Syarikat atau Kumpulan termasuk sebarang urusniaga, prosedur atau tindakan yang menimbulkan persoalan integriti pengurusan. Mereka juga dikehendaki untuk memastikan bahawa para Pengarah melaporkan urusniaga tersebut secara tahunan kepada para pemegang saham melalui laporan tahunan.
- 9) Untuk mengkaji laporan-laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko berhubung dengan kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan.
- 10) Untuk membincang masalah dan persoalan timbul daripada audit luar interim dan akhir, dan perkara-perkara juruaudit luar mungkin ingin bincangkan (tanpa kehadiran pengurusan, di mana perlu).
- 11) Untuk mengkaji semua maklumat kewangan prospektif yang diberikan kepada pengawal atur dan/atau orang-orang awam.
- 12) Untuk melapor dengan segera kepada Bursa Securities mengenai sebarang perkara yang dilaporkannya kepada Lembaga Pengarah, yang tidak diselesaikan secara memuaskan, mengakibatkan pelanggaran Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Securities.
- 13) Untuk menimbang perkara-perkara lain sebagaimana mungkin diarahkan oleh Lembaga dari masa ke semasa.



Penyata Kawalan Dalaman

LEMBAGA PENGARAH MENYEDARI KEPENTINGAN KAWALAN DALAMAN YANG KUKUH DAN AMALAN PENGURUSAN RISIKO UNTUK URUS TADBIR KORPORAT YANG BAIK. LEMBAGA MENGESAHKAN TANGGUNGJAWAB KESELURUHAN BAGI SISTEM KAWALAN DALAMAN DAN PENGURUSAN RISIKO KUMPULAN IJM, DAN BAGI MENGKAJI KECUKUPAN DAN INTEGRITI SISTEM TERSEBUT. WALAU BAGAIMANAPUN IA HARUS DIPERHATIKAN, BAHWA SISTEM TERSEBUT DIREKA UNTUK MENGURUS DAN BUKAN MENGHAPUSKAN RISIKO KEGAGALAN UNTUK MENCAPAI OBJEKTIF PERNIAGAAN. SELAIN DARIPADA ITU, HARUS DIPERHATIKAN BAHWA SISTEM-SISTEM SEDEMIKIAN HANYA BOLEH MEMBERI JAMINAN MUNASABAH, DAN BUKAN MUTLAK, TERHADAP SALAH NYATAAN MATERIAL ATAU KERUGIAN. KUMPULAN TELAH MENYEDIAKAN PROSES PENGURUSAN RISIKO YANG BERTERUSAN BAGI PENGENALAN PASTI, PENDOKUMENAN, PENILAIAN, PENGAWASAN DAN PENGURUSAN RISIKO-RISIKO PENTING YANG MELIBATKAN PENCAPAIAN OBJEKTIF-OBJEKTIF PERNIAGAANNYA.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Lembaga telah menubuhkan struktur organisasi dengan kebertanggungjawaban dan kuasa ditugaskan yang nyata. Ia telah melanjutkan tanggungjawab Jawatankuasa Audit untuk merangkumi kerja pengawasan semua kawalan dalaman bagi pihaknya, dengan bantuan Jabatan Audit Dalaman (rujuk Laporan Jawatankuasa Audit).

Kumpulan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), yang dipengerusikan oleh Pengarah Kewangan Kumpulan dan termasuk wakil-wakil daripada semua bahagian. Setiap fungsi pengurusan risiko bahagian perniagaan diketuai oleh ketua bahagian masing-masing. RMC diberi tugas untuk mewujud dan menyelenggara sistem pengurusan risiko yang berkesan dalam Kumpulan. Kajiannya meliputi perkara-perkara seperti tindakan kepada risiko-risiko penting yang dikenal pasti, perubahan-perubahan kepada sistem kawalan dalaman dan output daripada proses-proses pengawasan. Ia melaporkan secara kerap kepada Jawatankuasa Audit, yang meluangkan masa berasingan bagi perbincangan mengenai subjek ini.



Sistem pengurusan risiko Kumpulan telah ditubuhkan dengan bantuan pakar luar. Taksiran dan penilaian risiko dilaksanakan sebagai bahagian penting kitaran rancangan strategik tahunan. Setelah mengenal pasti risiko-risiko kepada pencapaian objektif strategik, kewangan, operasi dan lain-lain objektif perniagaan mereka, setiap unit perniagaan atau kefungsian dikehendaki mendokumenkan tindakan pengurangan beban pengurusan bagi setiap risiko penting. Bidang-bidang baru diperkenalkan untuk penilaian apabila profil risiko perniagaan berubah.

Di bawah sistem ini, setiap unit perniagaan atau kefungsian, tidak termasuk syarikat bersekutu atau usahasama, menyediakan secara tahunan "lakaran risiko" yang meringkas risiko-risiko, kawalan dan proses-proses bagi menguruskannya serta cara-cara bagi menjamin pengurusan bahawa proses-proses tersebut adalah berkesan. Ibu pejabat Kumpulan juga menimbangkan risiko-risiko kepada objektif strategik Kumpulan, yang tidak ditangani oleh unit-unit perniagaan atau kefungsian. Lakaran risiko dan cadangan perubahan kepada kawalan-kawalan dan proses-proses dilaporkan kepada RMC yang meringkaskannya untuk pertimbangan oleh Jawatankuasa Audit.

Kumpulan sedang membentuk rancangan yang dipertingkatkan untuk memastikan keberterusan fungsi perniagaan kritikal sekiranya berlaku krisis. Latihan-latihan pengurusan kejadian kebakaran seperti latihan keselamatan kebakaran asas dan bermitaan besar-besaran kerap dijalankan di premis kami bagi memastikan kakitangan kami sentiasa bersiap setia dan biasa dengan tindak balas kecemasan dan rancangan pengurusan krisis kami.

ELEMEN-ELEMEN PENTING LAIN KAWALAN DALAMAN

Elemen-elemen penting lain bagi sistem kawalan dalaman Kumpulan termasuk:

- perwakilan tanggungjawab yang dinyatakan dengan jelas kepada jawatankuasa Lembaga dan kepada unit-unit pengendalian termasuk tahap kuasa bagi semua aspek perniagaan yang dinyatakan dalam campuran kuasa;
- polisi dan prosedur kendalian standard yang didokumenkan dengan jelas yang adalah tertakluk kepada semakan dan peningkatan secara tetap;
- maklumat tetap dan komprehensif yang disediakan kepada pengurusan, meliputi prestasi kewangan dan petunjuk perniagaan penting, seperti penggunaan kakitangan dan prestasi aliran tunai;
- proses bajet yang terperinci di mana unit-unit kendalian menyediakan bajet-bajet bagi tahun akan datang yang diluluskan di kedua-dua peringkat unit bahagian dan oleh Lembaga Pengarah penuh;
- pengawasan keputusan bulanan berbanding bajet, dengan variasi utama dibuat susulan dan tindakan-tindakan pengurusan diambil, di mana perlu; dan
- lawatan ke unit-unit kendalian oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan.

Dalam tahun, semua Bahagian dalam Kumpulan telah melaksanakan kajian tahunan mereka ke atas profilprofil risiko mereka dan selaras dengan itu perubahan-perubahan tertentu kepada pengurusan risiko dan proses kawalan dalaman telah dibuat. Perubahan-perubahan telah dikaji oleh RMC dan telah kemudiannya dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit. Beberapa kelemahan kecil kawalan dalaman telah dikenal pasti dalam tempoh, kesemua yang mana telah, atau sedang, ditangani. Tidak ada satu pun daripada kelemahan telah mengakibatkan sebarang kerugian, kontigensi, atau ketakpastian material yang akan memerlukan pendedahan dalam laporan tahunan Kumpulan.

Kumpulan akan terus mengawasi semua risiko utama yang melibatkan Kumpulan di bawah Jawatankuasa Pengurusan Risikonya (RMC) dan mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko-risiko ini serta menyediakan rangka kerja bagi melindungi kedudukan berdaya saing kami di seluruh dunia.

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman
bin Wan Yaacob
Pengerusi

DENGAN BERPEGANG TEGUH KEPADA MOTONYA 'KECEMERLANGAN MELALUI KUALITI', KUMPULAN ADALAH KOMITED UNTUK MENYERAH PRODUK-PRODUK DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN BERKUALITI, DAN TERUS MENCARI STANDARD YANG LEBIH UNGGUL UNTUK MEMASTIKAN KUMPULAN KEKAL BERDAYA SAING DALAM PERNIAGAAN. KUMPULAN MENERIMA PAKAI DAN MELAKSANA SISTEM KUALITI SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA BUDAYA KERJA DALAM ORGANISASI.



Anugerah kualiti pembinaan IJM mewujudkan budaya persaingan serta meningkatkan mutu projek-projek Kumpulan

POLISI KUALITI PRODUK

Sejajar dengan penjenamaan Mercu Kecemerlangannya, Kumpulan telah menerima pakai polisi-polisi berikut:

- Semua projek dan perkhidmatan dijalankan akan dilaksanakan dalam cara yang melebihi jangkaan pelanggan dan mematuhi keperluan berkanun dan berperaturan berkenaan;
- standard kualiti produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan akhir akan dipertingkatkan melalui kajian berterusan dan pemajuan proses pembinaan serta sistem jaminan kualiti; dan
- Kekompetenhan pekerja kami yang berkelayakan dan dedikasi di semua peringkat akan dipupuk dan dipertingkatkan untuk memberi khidmat kepada pelanggan kami dengan lebih baik.



Produk berkualiti tinggi terus menjadi fokus Kumpulan



Perkembangan ketara melalui kaji-selidik

STANDARD PENILAIAN SISTEM KUALITI IJM (IQSAS)

Kumpulan telah mewujudkan Sistem Pengurusan Kualiti yang diperakui ISO 9002:1994 pada tahun 1996. Sejak itu, Kumpulan telah berjaya memperbaharui pensijilan tahunan.

Selain daripada itu, Kumpulan telah mewujudkan standard dikenali sebagai Standard Penilaian Sistem Kualiti IJM (IQSAS) untuk meningkatkan lagi standard kualiti projek-projek siapnya. IQSAS adalah sistem penilaian dikawalan sendiri kaedah prosedur dan pengujian dalam mana standard ditetapkan untuk pelbagai aspek kualiti pembinaan pembangunan dan kerja-kerja sivil.

ANUGERAH KUALITI IJM UNTUK PEMBINAAN

Untuk mewujudkan daya saing dan komitmen di kalangan tapak projek untuk menyediakan kerja berkualiti, setiap tahun Kumpulan memberi Anugerah Kualiti kepada projek yang mematuhi kriteria tersenarai. Anugerah mempunyai dua kategori iaitu bangunan dan kerja-kerja sivil.

PENINGKATAN KUALITI BERTERUSAN

Kumpulan menyedari keperluan untuk sentiasa mengekalkan standard kualitinya. Dengan operasinya kini berkembang ke negara-negara seperti India, Pakistan dan Timur Tengah, menangani isu kualiti dan menganuti tenaga kerjanya dengan budaya kualiti menjadi lebih mencabar. Sistem pengurusan kualiti di operasi Indianya telah menjalani penilaian bertujuan untuk menyelaraskan IQSAS dalam semua projeknya di situ.



Peningkatan kualiti terus diberi keutamaan, sebagaimana dibuktikan oleh langkah berterusan berikut:

- peningkatan Manual Kualiti dan Manual Prosedur Kumpulan;
- konsep berkongsi pengetahuan melalui iPortal Jabatan Sistem Kualiti;
- penggabungan Polisi dan Prosedur Kualiti dalam Buku Panduan Pengurusan Projek;
- penilaian kerja bangunan IQSAS / kerja sivil dijalankan untuk semua projek;
- Pembangunan dan latihan kakitangan tetap; dan
- Penekanan ke atas latihan kerja untuk kerja-kerja mahir

Tidak berpuas hati dengan yang sedia ada, Kumpulan terus mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan IQSAS dan amalan kualitinya. Kitara kualitinya terus dicatat dengan menilai keputusan dan pengesyoran daripada:

- Jawatankuasa Pengurusan Kualiti
- audit kualiti dalaman
- audit kualiti luar
- kajian tahunan



PERSIJILAN ISO

Kumpulan berhasrat untuk mencapai pematuhan ISO 9000 dalam semua operasi perniagaannya. Hingga kini, sebanyak sebelas syarikat di bawah naungannya sudah mencapai pensijilan sejak tahun 1996. Ini terdiri daripada:-

1. IJM Corporation Berhad
2. IJM Construction Sdn Bhd
3. Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd
4. IJM Building System Sdn Bhd
5. Strong Mixed Concrete Sdn Bhd
6. IJM Properties Sdn Bhd
7. IJM (India) Infrastructure Ltd
8. Industrial Concrete Products Berhad
9. Expedient Resources Sdn Bhd
10. Durabon Sdn Bhd
11. Jurutama Sdn Bhd

KUMPULAN TERUS MENITIKBERATKAN KEPENTINGAN DALAM AMALAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN ALAM SEKITARNYA ("KKAS") DENGAN OBJEKTIF UNTUK MENCAPAI PEMBANGUNAN MAPAN JANGKA PANJANG, PERSEKITARAN KERJA YANG SIHAT DAN MENCEGAH KEMALANGAN SERTA PENYAKIT PEKERJAAN. MOTONYA "KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR ADALAH TANGGUNGJAWAB SEMUA" TELAH LAMA MENJADI PRINSIP PANDUAN BAGI MEMBUDAYAKAN AMALAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PADA TAHP TINGGI DAN UNTUK MEWUJUDKAN KESEDARAN ALAM SEKITAR DALAM BUDAYA KERJANYA.

KOMITMEN KUMPULAN KE ARAH AMALAN KKAS YANG CEMERLANG TELAH DIPERAKUI OLEH PENSIJILAN BAGI MS 1722: BAHAGIAN 1: 2005, STANDARD MALAYSIA MENGENAI SISTEM PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN SERTA ISO 14001:2004 STANDARD MENGENAI SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR PADA TAHUN 2006.

KESIHATAN & KESELAMATAN

IJM Corporation Berhad dan IJM Construction Sdn Bhd adalah dua buah syarikat Malaysia pertama dalam industri pembinaan yang diberi pensijilan Siri Penilaian Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan ("OHSAS") 18001:1999 antarabangsa pada November 2000 atas amalan kesihatan dan keselamatannya yang baik. Syarikat-syarikat tersebut telah berjaya mengekalkan pensijilan ini sejak dari itu.



Anugerah keselamatan disampaikan pada Majlis Makan Malam Kumpulan.

Kumpulan telah menyediakan satu sistem keselamatan berstruktur dan komprehensif untuk:

- mengkaji kesesuaian polisi keselamatan, objektif dan sasaran bagi peningkatan berterusan;
- mengkaji prestasi keselamatan dan keputusan audit sistem keselamatan; dan
- mengesyorkan tindakan pembetulan dan pencegahan.

Untuk mencapai objektif "kemalangan sifar" dan jaminan keselamatan awam Kumpulan di semua lokasi operasinya, satu polisi telah dirumus bertujuan untuk:

- mematuhi semua keperluan perundangan berkaitan dengan KKAS dan lain-lain keperluan KKAS,
- membiasakan semua kakitangan dan pemegang pelbagai kepentingan dengan latihan, maklumat dan kemudahan,
- meningkatkan kesedaran dan kebertanggungjawaban di semua peringkat organisasi, dan
- sentiasa mengawasi dan mengkaji objektif-objektifnya yang telah ditentukan.

Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan

Beberapa jawatankuasa dan amalan telah diwujudkan untuk mempertingkatkan aspek kesihatan dan keselamatan dalam persekitaran kerja. Ia termasuk:

1. Jawatankuasa Pengurusan Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar ("JPKKAS")

Jawatankuasa ini bermesyuarat secara berkala untuk mengkaji operasi sistem pengurusan kesihatan dan keselamatan.

2. Jawatankuasa Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar ("JKKAS")

Untuk membantu pembangunan peraturan kesihatan dan keselamatan, menjalankan pemeriksaan dan mengkaji polisi kesihatan dan keselamatan di tempat kerja.



Kegunaan perancah dan jaring keselamatan di pembangunan PJ8

3. Sistem Penilaian Kesihatan dan Keselamatan IJM ("SPKKI")

Satu sistem yang dibangunkan berdasarkan standard OHSAS 18001 untuk mewujudkan standard bagi pelbagai aspek keselamatan kerja pembinaan yang dijalankan.

4. Pengenalpastian Bahaya, Penilaian Risiko dan Kawalan Risiko ("PBPRKR")

Satu proses penilaian risiko yang dilaksanakan sebelum permulaan kegiatan pembinaan.

5. Rancangan Kesihatan dan Keselamatan Projek


Satu rancangan yang direka untuk memastikan agar, sebelum pelaksanaan kerja-kerja pembinaan, semua operasi yang dijalankan mematuhi sepenuhnya Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994.

6. Petunjuk Prestasi

Ini merupakan satu sistem pengawasan reaktif yang dilaksanakan melalui penyusunan dan analisis beberapa petunjuk prestasi penting.

(a) Kehilangan Masa Akibat Kecederaan ("LTI")

Dalam usaha kami bagi peningkatan berterusan dalam amalan kesihatan dan keselamatan, Kumpulan telah menyemak semula sasarannya bagi kadar kekerapan dan kadar bencana kerja, yang kedua-duanya difaktorkan mengikut LTI di bawah 0.3 dan 3.0. Bagi FY 2007, 48 daripada projek berterusan Kumpulan telah mencapai sasaran jam-manusia mereka masing-masing tanpa Kehilangan Masa Akibat Kecederaan



Kadar Kekerapan (Malaysia) April 2006 - Mac 2007


(LTI), dengan projek-projek seperti Bayswater, Alam Warisan 2 & 3, Kondominium Mewah KLCC dan Menara Commerce melebihi 1-juta jam manusia.

(b) Laporan Ketidakpatuhan ("NCR")

Selain daripada pemeriksaan tahunan, beberapa tapak projek di bawah anak-anak syarikat IJM Construction Sdn Bhd, Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd, Jurutama Sdn Bhd dan Torcso Sdn Bhd adalah tertakluk kepada audit pengawasan ketat oleh SIRIM. Keseluruhananya, standard tinggi telah dikekalkan sebagaimana dibuktikan melalui satu sahaja laporan ketidakpatuhan kecil yang dikeluarkan berbanding dengan empat laporan pada tahun sebelumnya.



Kursus keselamatan kerap dijalankan



Kadar Keterukan (Malaysia) April 2006 - Mac 2007

Latihan dan Kesedaran Berterusan

Pada tahun ini, pelbagai program latihan dan kesedaran telah diadakan untuk menggalakkan budaya keselamatan dan kesihatan yang proaktif. Ini termasuk Pengenalan kepada Siri Penilaian Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (OHSAS) 18001, Audit Dalaman KKAS, Latihan Kebakaran, Penyiasatan Kemalangan, Latihan Pertolongan Cemas & CPR, Arahan Kerja Selamat, Keselamatan Loji dan Jentera, Pengurusan Trafik dan Keselamatan Jalan Raya, dan Bahaya Hingar.

ALAM SEKITAR

Kestabilan perniagaan adalah mengenai bagaimana untuk memastikan kejayaan ekonomi jangka panjang sambil memulihara alam sekitar. Kumpulan sentiasa memantau bidang-bidang kebimbangan alam sekitar dengan mengambil beberapa langkah awal untuk mencegah kerosakan tidak boleh pulih kepada alam sekitar.

Sistem pengurusan alam sekitar yang direka dengan bijak adalah pra syarat bagi kawalan alam sekitar yang cekap. Menyedari fakta ini, semua aspek pemantauan alam sekitar dirancang dan diguna pakai secara berhati-hati dalam semua kegiatan Kumpulan.

Program Pemantauan Alam Sekitar

Program pemantauan analitis telah dirancang dan dijalankan, untuk memastikan agar semua prestasi alam sekitar tapak pembinaan IJM mematuhi Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974. Program ini merangkumi pemantauan:

- (a) Kualiti Udara
- (b) Kualiti Air
- (c) Tahap Kebisingan

Pengurusan Sisa

Kami telah menyediakan satu pengurusan sisa pepejal yang berkesan selaras dengan Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Sisa Berjadual) 2005. Tapak-tapak pembinaan dan pembangunan harta tanah kami perlu menguruskan sisa pembinaan, sisa domestik dan sisa berjadual secara kerap dan berkesan.

Bahagian Perladangan kami telah menetapkan matlamat "sisa sifar" bagi kilang-kilang minyak sawitnya. Efluen kilang minyak sawit (POME) diguna pakai pada tanah terutamanya sebagai pengairan selepas melalui proses rawatan biasa untuk mengurangkan beban pencemaran. Loji biokompos di Sabang menukar serat mayang daripada tandan buah kosong (EFB) dan POME kepada kompos organik separuh terurai bagi kegunaan di ladang Sugut. Abu tandan yang terhasil daripada pembakaran EFB di kilang minyak sawit Desa Talisai dikitar semula balik ke ladang-ladang dan membantu menggantikan baja-baja potasy tak organik.

Kawalan Banjir

Kegiatan pembinaan dan pembangunan harta tanah kami dijalankan dengan kerja-kerja tanah terkawal untuk mencegah kejadian banjir di sekitar kawasan rendah. Selain daripada itu, kolam-kolam tadahan dibina untuk mengawal aliran air hujan bagi mengelak berlakunya banjir.

Di bahagian perladangan kami, takungan-takungan air diwujudkan di kawasan terpilih di ladang-ladang kami untuk mengurangkan banjir. Takungan-takungan ini juga bertindak sebagai sumber air pengairan bagi kawasan sekeliling sepanjang tempoh kering.

Kawalan Hakisan & Pemendapan

Langkah-langkah seperti pembangunan berfasa, penanaman rumput di cerun-cerun bukit, pemulihian tumbuh-tumbuhan, hidro-pemberian, perangkap keladak dan penstabilan cerun dilaksanakan di tapak pembinaan dan tapak pembangunan harta kami untuk mencegah hakisan dan pemendapan tanah.

Operasi pengkuarian kami juga menggunakan pakai penanaman rumput untuk memotong tebing bukit bagi mencegah runtuhan tanah dan lain-lain kesan buruk kepada alam sekitar. Langkah-langkah pencegahan lain termasuk pelandskapan taman dan pemasangan sistem kolam ikan dan air terjun untuk mewujudkan persekitaran estetik.

Dalam perladangan kami, tanaman penutup bumi kekacang termasuk Mucuna bracteata ditanam sebaik sahaja selepas pembersihan tanah dalam semua pembangunan ladang baru dan penanaman semula kami untuk meminimumkan kehilangan tanah. Tanaman penutup bumi memberikan banyak faedah lain termasuk pertukaran nitrogen atmosfera ke dalam bentuk yang boleh diguna oleh pokok-pokok, tambahan bahan organik kepada tanah, peningkatan dalam kedua-dua ciri fizikal dan kimia tanah serta membantu untuk menurunkan suhu tanah dan memulihara kelembapan tanah.



Perangkap keladak dan penstabilan cerun merupakan antara beberapa langkah Kumpulan dalam mengekalkan keselimbangan alam sekitar



Tanaman penutup bumi lagum ditanam sebaik sahaja pembersihan tanah untuk mengurangkan kehilangan tanah.

Kawalan Kualiti Udara

Pembakaran terbuka dilarang di semua tapak pembinaan dan pembangunan harta tanah. Perenjisan air secara kerap juga dijalankan, manakala sistem perenjis dipasang pada penghancur, penghantar dan sepanjang laluan kuari kami untuk mengurangkan pencemaran habuk. Selain daripada itu, Kumpulan menerima pakai penggunaan loji dan peralatan mesra alam dalam operasinya, di mana ia boleh dilaksanakan.

Ladang-ladang kami menerima pakai polisi pembakaran sifar bagi semua projek penanaman semulanya. Polisi ini ditulis dalam kontrak pembersihan tanah di mana perkhidmatan kontraktor pihak ketiga diguna pakai. Dalam pembangunan ladang baru, pembakaran sifar merupakan polisi diutamakan. Walaubagaimanapun, di mana situasi mewajarkannya, pembakaran terkawal dilaksanakan dengan kelulusan terlebih dahulu daripada pihak berkuasa berkaitan.

Pengasingan karbon memainkan peranan penting dalam mengurangkan gas karbon dioksida dalam atmosfera. Pokok-pokok kelapa sawit dalam Kumpulan IJMP telah mengasingkan lebih setengah juta tan metrik karbon tahun lepas, dengan itu menyumbang kepada penyingiran gas rumah hijau daripada atmosfera.

Kawalan Tahap Kebisingan

Kaedah penanaman cerucuk yang betul diguna pakai dalam kerja-kerja asas di tapak-tapak pembinaan kami untuk mengurangkan pencemaran bunyi. Dalam perniagaan pengilangan kami, bahagian ini mengguna pakai langkah-langkah pengurangan kebisingan seperti penggunaan jaringan bergetah dalam operasi penyaringannya dan menebat bahan-bahan perlindungan kebisingan dalam bilik kawalan di kuari-kuari kami. Perunding bebas juga terlibat untuk mengkaji tahap kebisingan yang dibenarkan manakala kakitangan perlu memakai peralatan perlindungan kebisingan, di mana perlu.



Penanaman semula hutan dan tadahan air di ladang-ladang kami

Kawalan Kualiti Air

Kami membina sistem penyaliran pelepasan air yang sesuai di semua lokasi kegiatan kami. Kolam-kolam pemendapan, perangkap keladak dan bunker dibina untuk memerangkap keladak bagi mencegah sisa daripada dilepaskan ke dalam sungai ketika hujan lebat.

Pengurusan Perosak Bersepadu

Kegiatan yang melibatkan pengumpulan, pembiakan dan pengandaan serangga pemangsa telah dijalankan dalam insektarium di Pusat Kualiti, Latihan dan Penyelidikan ("QTRC") bagi pelepasan di ladang-ladang. Selain daripada mempelbagaikan tumbuh-tumbuhan semula jadi yang telah diawet, pokok-pokok yang bermanfaat secara khusus bertindak sebagai sumber makanan alternatif yang berkesan bagi pemangsa serangga akan dibiak dan ditanam di seluruh ladang. Tahun lepas, tumpuan khas telah diberi untuk membriak spesies Antigonon di seluruh ladang Kumpulan IJMP. Bagi mengawal kumbang badak, Oryctes rhinoceros, kedua-dua feromon dan racun perosak biologi seperti Metarrhizium telah digunakan. Penggunaan bangsal burung hantu bagi kawalan biologi tikus di Sandakan sedang diterokai bersama ahli-ahli industri kelapa sawit lain yang berminat.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

DI IJM, KAMI MENGAMALKAN PRINSIP WARGA KORPORAT BAIK DAN TANGGUNGJAWAB UNTUK PERTUMBUHAN DAN PEMBANGUNAN BOLEH MAPAN. DENGAN KOMITMEN TABAH KE ARAH AMALAN TERBAIK DALAM SEMUA OPERASI KAMI, KAMI BERUSAHA UNTUK MEMASTIKAN BAHAWA KEPENTINGAN PEMEGANG PELBAGAI KEPENTINGAN UTAMA, DARIPADA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM, PELABUR, PELANGGAN DAN PEKERJA SEHINGGALAH MASYARAKAT UMUM, DIJAGAI. INI DICAPAI MELALUI USAHA UNTUK MENYEPADUKAN SEMUA RANCANGAN DAN KEGIATAN PERNIAGAAN KAMI DENGAN NILAI TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT ("CSR").



Berilitzam ke arah prinsip warga korporat dan tanggungjawab yang cemerlang

ETIKA PERNIAGAAN

Kumpulan adalah komited kepada tata laku perniagaan beretika dan mengamalkan polisi perniagaan yang munasabah, mudah dan memberi manfaat. Komitmen ke arah etika perniagaan cemerlang ini telah memberi manfaat kepada pemegang pelbagai kepentingan dalam banyak cara. Ia termasuk penyerahan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan tepat pada masanya, mencapai operasi tanpa kemalangan, penghapusan bahaya kesihatan pekerjaan, dan pemuliharaan serta pemeliharaan alam sekitar. Kumpulan juga menyediakan struktur berkesan dan cekap, proses perniagaan cekal, serta strategi pengantarabangsaan untuk memaksimumkan pulangan kepada pemegang pelbagai kepentingan.

Dalam semua polisinya, Kumpulan tidak mendiskriminasi terhadap bangsa, jantina, usia atau minoriti. Polisi-polisi ini bertindak sebagai prinsip-prinsip panduan untuk menyemai budaya kerja yang menitik beratkan betapa pentingnya profesionalisme, integriti dan urus tadbir yang baik.

Polisi dan prosedur Kumpulan mengenai beberapa amalan terbaik disiarkan secara meluas melalui laman web dan Portal Maklumat Kumpulan. Penyata polisi juga dipaparkan secara meluas di pelbagai lokasi dalam organisasi. Untuk meningkatkan lagi amalan urus tadbir baik, Kumpulan telah mewujudkan prosedur pemberi maklumat di mana kakitangan boleh melaporkan kes penipuan atau penyimpangan daripada kebiasaan dalam Kumpulan kepada Jabatan Audit Dalaman, Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan atau Setiausaha Syarikat. Maklum balas pekerja juga digalakkan melalui forum intranet interaktif, kotak cadangan dan baru-baru ini, Kajian Penglibatan Kakitangan yang terbukti sangat berkesan dalam membantu penyeputuan IJM-Road Builder.

Maklumat lanjut mengenai amalan pengurusan terbaik dan etika perniagaan Kumpulan disediakan dalam lain-lain seksyen laporan ini.

JEJAK-JEJAK KAMI DI SERATA DUNIA



- ARGENTINA
- AUSTRALIA
- BAHRAIN
- BANGLADESH
- CHILE
- CHINA
- HONG KONG
- INDIA
- ITALI
- MALAYSIA
- MAURITIUS
- MYANMAR
- NAMIBIA
- PAKISTAN
- SINGAPURA
- UNITED ARAB EMIRATES
- UNITED KINGDOM
- AMERIKA SYARIKAT
- VIETNAM



Kakitangan IJM mewakili bahagian membuat persembahan di pentas semasa Majlis Makan Malam dan Tarlan 2006 dan memberikan hiburan dan keriuhan

UTAMAKAN KESELAMATAN

Keselamatan pekerja dan komuniti kami adalah paling kritikal dalam semua aspek operasi kami. Usaha bersepada terus dibuat untuk mewujudkan kesedaran ke atas tanggungjawab kolektif di kalangan kakitangannya untuk mencegah kecederaan dan bahaya kesihatan pekerjaan dan jaminan keselamatan awam apabila menjalankan kegiatan perniagaannya. Oleh yang demikian, Kumpulan telah melaksanakan sistem keselamatan menyeluruh dengan objektif "kemalangan sifar" dan keselamatan awam.

Terdapat liputan menyeluruh amalan kesihatan dan keselamatan Kumpulan dalam *Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar*.

KEPUASAN PELANGGAN

Objektif Kumpulan adalah untuk menyerahkan produk-produk dan perkhidmatan berkualiti hebat telah mendapat pengiktirafan daripada pelanggan-pelanggan, pengendorsan oleh Kerajaan serta pencapaian oleh kumpulan syarikat kami yang diperakui ISO yang kini adalah 11 buah syarikat. Ini telah memberi kami kelebihan daya saingan yang unik apabila kami berusaha untuk bersaing dalam arena antarabangsa.

Amalan kualiti Kumpulan diliputi secara ekstensif dalam *Laporan Kualiti*.

PERHUBUNGAN PELABUR

Sejakar dengan amalan urus tadbir baik, IJM terus memberi penekanan pada kebertanggungjawaban dan ketulusan dalam pendedahan maklumat kepada pelbagai kepentingan kami. Kumpulan mempunyai program Perhubungan Pelabur (IR) mantap yang menyediakan pelbagai pemegang kepentingan dengan maklumat bernilai mengenai operasi dan prestasi perniagaan Kumpulan kami. Pelawat-pelawat laman web Kumpulan juga digalakkan untuk mengemukakan maklum balas mereka untuk membolehkan Kumpulan mempertingkatkan lagi perkhidmatannya.

Butir-butir lanjut mengenai Perhubungan Pelabur Kumpulan boleh didapati dalam *Penyata Urus Tadbir Korporat*.

KEPRIHATINAN KEPADA PEKERJA KAMI

Kami menghargai pekerja kami sebagai aset penting organisasi dan terus menyediakan pelantar untuk mereka menjadi cemerlang. Sebagai balasan, ini memastikan pekerja kami dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang perlu untuk sentiasa membawa kami menerajui perniagaan kami. Sementara kami berusaha untuk membentuk lebih banyak kemewahan untuk pemegang-pemegang saham kami, kami juga berusaha untuk mengimbangi komitmen kami kepada pekerja kami. Dengan mengingati ini, kami telah mengaturkan beberapa kegiatan sepanjang tahun, daripada latihan hingga perjumpaan sosial serta kegiatan rekreasi.



Pertandingan rekreasi dan sukan membina budaya kukuh semangat berpasukan sambil membantu untuk mewujudkan tenaga kerja yang lebih sihat dan positif

Latihan & Pembangunan

Sebagai organisasi berdasarkan pembelajaran, kami sangat percaya dalam latihan dan pembangunan berterusan. Pelbagai program diaturkan sepanjang tahun untuk menaik taraf kekompetenan teras pekerja kami manakala mewujudkan kumpulan bakat untuk perancangan penggantian.

Beberapa program yang diatur oleh Kumpulan termasuk Teknikal (Kejuruteraan Geoteknikal, Ukur Bahan, Penyiasatan Kemalangan, Kualiti) Pengurusan (Rancangan Kesinambungan Perniagaan, Laporan Ketahanan Korporat: Pendekatan Praktikal, Pengurusan Strategik dan Risiko Operasi), Komunikasi (IJM Toastmasters Club, Perhubungan Melalui Tulisan), Pentadbiran (Perkhidmatan Pelanggan & Teknik Telefon; Latihan Penjaga Stor, Orientasi dan Suai Kenal kakitangan baru; Amalan Pengurusan Terbaik Perladangan) dan lain-lain kemahiran ringan.

Menghargai Kesetiaan

Kumpulan menghargai kesetiaan kakitangan yang telah mencapai tempoh perkhidmatan 20 tahun. Anugerah Tempoh Perkhidmatan Lama diberi dalam Majlis Makan Malam dan Tarian Kumpulan dan anugerah persaraan khas juga diberi kepada kakitangan yang akan bersara yang telah memberi perkhidmatan kepada syarikat untuk sekurang-kurangnya 15 tahun.

Bukan Setakat Kerja

Kelab Sukan IJM (KSIJM) telah ditubuhkan oleh Kumpulan untuk mengatur pelbagai kegiatan sosial, sukan dan kebajikan pekerja kami.

Perjumpaan Sosial

Kami komited untuk menggalakkan interaksi kakitangan dalam keluarga IJM. Melalui komitmen ini, usaha dibuat untuk mengukuhkan jalinan persahabatan dan keakraban disamping memupuk perasaan saling kasih-mengasih di kalangan kakitangan.

Majlis Makan Malam & Tarian, Hari Keluarga IJM, Majlis Tahun Baru Besar 2007, percutian singkat dan "Movie Manias" KSIJM adalah beberapa daripada acara yang diaturkan untuk kakitangan kami dan keluarga mereka.

Kehidupan Sihat

Kami percaya kesihatan minda bermula dengan badan yang sihat. KSIJM telah secara aktif menggalakkan gaya hidup sihat melalui pelbagai aktiviti.

Kompleks Sukan IJM-COBRA terus menjadi tempat pilihan di mana kakitangan boleh menikmati kegiatan sukan dan kesihatan badan seperti badminton, skuasy, pilate dan senaman jazz. Pertandingan sukan dalaman, seperti futsal, boling, damak dan karom, juga diatur untuk menggalakkan hidup sihat dan interaksi kakitangan.

Seminar kesihatan dan sesi ujian penyaringan kesihatan dijalankan dengan kerap untuk mendidik pekerja kami mengenai kepentingnya.

PERKHIDMATAN KOMUNITI

Sebagai warga korporat yang prihatin dari segi sosial, usaha dermawan Kumpulan berterusan dalam bidang sosial, kebajikan, pendidikan dan pembangunan sukan.

Biasiswa

Setiap tahun Kumpulan memberi Anugerah Biasiswa IJM kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dari segi akademik dan yang memerlukan bantuan kewangan. Biasiswa diberi untuk pelajar-pelajar cemerlang terpilih dalam bidang perakaunan, kejuruteraan (sivil, mekanikal & elektrik), perumahan, bangunan & perancangan dan ukur bahan. Setiap pelajar akan menerima geran bernilai RM10,000 setiap semester akademik. Ini seterusnya menyediakan kami dengan aliran kekal profesional berkaliber tinggi untuk mengekalkan dan merangsang pertumbuhan jangka panjang kami.

Pekerjaan Graduan

Kumpulan memperkenalkan program Pekerjaan Graduan sulungnya yang mengambil 3 graduan Afrika Selatan dari Wilayah Limpopo. Tempoh dua tahun mereka merangkumi program latihan dan pembangunan bertujuan melengkapkan mereka dengan pengetahuan, kemahiran, dan pendedahan sekembali mereka ke Afrika Selatan.



Kursus peningkatan diri sering diaturkan untuk kakitangan



Mempertingkatkan tahap berkomunikasi warga kerja kami



Program mementor kakitangan di tempat kerja



Program-program komuniti seperti penubuhan kemudahan nurseri dan tadika di kawasan luar bandar, kempen derma darah dan penajaan acara sukan

Kemudahan Tabika dan Tadika untuk kanak-kanak Pekerja Ladang

Komitmen IJMP kepada keperluan pendidikan komuniti perlادangan ditunjukkan melalui penubuhan dan sokongan berterusan kepada tadika dan tabika yang telah ditubuhkan yang memenuhi keperluan keluarga yang tinggal dalam kawasan luar bandar berdekatan.

Menyahut Seruan Komuniti

Kumpulan terus mengatur kempen derma darah dengan kerap dengan kerjasama Hospital Universiti, Selangor dalam tahun 2006. Seramai 83 kakitangan meluangkan masa untuk menyahut seruan ini pada bulan Disember, kami mengaturkan kutipan besar-besaran makanan, minuman dan pakaian untuk membantu mangsa banjir di Johor. Selain daripada itu, derma besar dibuat kepada pelbagai organisasi yang menyediakan bantuan langsung kepada mereka yang terlibat oleh banjir.

Pembangunan Sukan di Peringkat Akar Umbi

Kumpulan memainkan peranan dalam membangunkan tahap sukan negara melalui penajaan acara sukan seperti HSBC-COBRA INVITATIONAL RUGBY 10's ke 37 dan Angel Cup Malaysia 2006 - kejohanan gimnastik ikut irama antarabangsa setiap dua tahun. Kejohanan Angel Cup Malaysia 2006 setakat ini adalah pertandingan gimnastik ikut irama yang terbesar pernah dianjurkan oleh Malaysia.

Sumbangan tahunan disalurkan ke arah pembangunan sukan belia di Malaysia melalui SportExcel, sebuah yayasan untuk kecemerlangan sukan Malaysia. Untuk menggalakkan sukan selanjutnya di peringkat akar umbi, Kumpulan telah menumpukan pada pembangunan ragbi di peringkat sekolah. Dua program berkesan dibiayai oleh Kumpulan dengan objektif untuk mewujudkan kumpulan jurulatih ragbi berkelayakan di sekolah-sekolah di Malaysia. Hingga kini, lebih daripada 270 guru telah dilatih untuk tujuan ini. Ukuran kejayaan program ini digambarkan melalui banyak klinik bimbingan yang dijalankan yang dihadiri oleh lebih daripada 1,800 pelajar. Academy for Rugby Excellence ditubuhkan dalam program usaha sama dengan persatuan ragbi negeri dan jabatan pendidikan. Program yang sama dengan kerja sama dengan COBRA sedang dilaksanakan di Malaysia Barat, terutamanya dalam pembangunan guru-guru sebagai jurulatih.

MENGEKALKAN KEHIJAUAN

Oleh kerana sentiasa mengambil berat tentang alam sekitar dengan peningkatan kebimbangan pemanasan global, IJM sentiasa bekerja untuk mengurangkan kesan karbonnya dalam semua kegiatan perniagaannya. Ini termasuk bekerja ke arah mematuhi semua perundangan alam sekitar serta mengekalkan EMS ISO 14001:2004 IJM, yang dicapai pada tahun 2006. Sistem Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar juga dibangunkan untuk mengatasi isu hijau yang muncul serta bekerja ke arah pelindungan alam sekitar selanjutnya. Latihan, audit Sistem KKAS dan kajian pengurusan berkala juga dijalankan untuk memastikan pematuhan sepanjang tahun kewangan.

Untuk laporan penuh mengenai amalan alam sekitar terbaik Kumpulan, sila rujuk kepada Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar pada muka surat 87 hingga 92.

PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN, DAN INOVASI

IJM menyedari bahawa ia beroperasi dalam persekitaran perniagaan berdaya saing. Oleh itu IJM telah memberi tumpuannya kepada kualiti, dan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan inovatif, yang dikeluarkan pada kos lebih rendah dan lebih pantas untuk menghadapi cabaran persaingan sengit.

Budaya perniagaan kami untuk menghasilkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan berkualiti akan terus menjadi asas kami untuk pertumbuhan. Kami akan terus memperuntukkan sumber dalam cara sinergi untuk menghapuskan kependuaan, untuk menandakan aras proses kami terhadap standard antarabangsa tertinggi dan mengamalkan teknologi terkini untuk berada di hadapan. Pelaburan dikhurasukan dalam penyelidikan dan pembangunan, dan pendekatan inovatif pembangunan akan menjadi kunci kepada pertumbuhan mapan dalam perniagaan. Kami akan maju ke hadapan dengan tumpuan untuk membentuk dan memastikan masa hadapan dengan mengamalkan seni kejuruteraan semula dan ciptaan malar, dan menghasilkan produk berkualiti paling tinggi melalui pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan.



Penggunaan alat-alat keselamatan



Tumbuhan yang bermanfaat



Penjaminan Kualiti



Tasik Oxbow 117 - Projek untuk melindungi hidupan liar

Penyelidikan & Pembangunan

Anak syarikat Kumpulan Industrial Concrete Products Berhad, menjalankan R&D secara menyeluruh di kilangnya di Klang, Selangor untuk mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju yang menguasai dalam pengeluaran Cerucuk Konkrit Putaran Prategang (PSC). Pusat-pusatnya dilengkapi dengan bincu pemampatan 200 tan yang membolehkan analisis ujian muatan paksi cerucuk PSC dijalankan. Beberapa pencapaian terkemuka termasuk mencatatkan nama dalam Malaysian Book of Records untuk mereka dan membangun cerucuk konkrit pasang siap terpanjang di peringkat tempatan. Baru-baru ini, kami berjaya memecah satu lagi rekod apabila kami menyiapkan cerucuk terpanjang dalam sejarah kami iaitu cerucuk diameter besar 1000mm kali 52 meter panjangnya! Bagi tahun 2005/2006, sebanyak RM106,663 telah dibelanjakan ke atas kegiatan R&D. R&D akan terus dijalankan untuk melonjak sempadan prestasi untuk bahan-bahan seperti konkrit dan bahan epoksi bersama dengan kemungkinan menggunakan habuk kuari sebagai bahan alternatif dalam meningkatkan kekuatan konkrit untuk pengeluaran cerucuk.

Bahagian Perladangan, melalui IJM Plantations Berhad pula komited untuk menjalankan program R&D yang akan selanjutnya meningkatkan produktiviti kadar hasil dan keberkesanan kos dengan pemuliharaan alam sekitar untuk memastikan perniagaan mapan apabila ia berusaha untuk mengekalkan kelebihan perniagaannya di masa hadapan. Pusat Kualiti, Latihan dan Penyelidikan (QTRC) yang terletak di ladang Sijas, Sabah terus memainkan peranan sokongan dalam mempelopori kegiatan R&D Bahagian Perladangan. Daya dorongan R&D utama termasuk pembiakan kelapa sawit, pemilihan dan pengeluaran komersial bahan tanaman kelapa sawit. Penyelidikan berterusan QTRC juga disasarkan pada penggunaan kawalan biologi untuk mengurangkan penggunaan racun makhluk perosak kimia.

Produk Inovatif

Anak syarikat IJM Construction Sdn Bhd mengkhusus dalam teknologi pemulihan saluran paip tanpa parit ("Tidakada-Korek") dengan pengorekan minimum yang menggunakan sistem saluran inovatif yang mesra alam sekitar dan berkesan dari segi kos. Ini juga mengurangkan kos memandangkan ia memerlukan penyelenggaraan rendah. Juga, prestasi paip kami telah terbukti melebihi jangka hayat konvensional selama 30 tahun.

Melalui usaha sama dijalankan oleh IJM Building Systems Sdn Bhd, pengeluaran syarikat panel komposit simen bertetulang gentian kelapa sawit ringan pertama diakreditasi oleh Anugerah Malaysian Book of Records Award sebagai produk-produk sedemikian di Malaysia.



PENYATA KEWANGAN

| | |
|--|-----|
| Laporan dan Penyata Para Pengarah | 102 |
| Penyata Pendapatan | 109 |
| Kunci Kira-kira | 110 |
| Penyata Perubahan dalam Ekuiti | 112 |
| Penyata Aliran Tunai Disatukan | 115 |
| Penyata Aliran Tunai Syarikat | 116 |
| Ringkasan Polisi-polisi Perakaunan Penting | 117 |
| Nota kepada Penyata Kewangan | 132 |
| Perakuan Berkanun | 210 |
| Laporan Juruaudit kepada Ahli-ahli | 211 |

LAPORAN DAN PENYATA PARA PENGARAH

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

- Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan mereka yang kedua puluh tiga bersama dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007.

2. KEGIATAN UTAMA

Syarikat pada dasarnya terlibat dalam kegiatan pembinaan dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan adalah dalam pembinaan, pembangunan harta, pengilangan dan pengkuarian, operasi lebuhraya bertol, perladangan dan pemegangan pelaburan.

Tidak ada perubahan ketara dalam kegiatan utama ini dalam tahun kewangan.

3. KEPUTUSAN-KEPUTUSAN KEWANGAN

| | Kumpulan RM'000 | Syarikat RM'000 |
|---------------------------------------|--------------------|--------------------|
| Keuntungan bersih bagi tahun kewangan | 240,109 | 93,741 |
| Boleh dikaitkan kepada: | | |
| Pemegang-pemegang ekuiti Syarikat | 194,336 | 93,741 |
| Kepentingan minoriti | 45,773 | - |
| | 240,109 | 93,741 |

4. DIVIDEN

Dividen dibayar atau diisyiharkan sejak akhir tahun kewangan yang lepas adalah seperti berikut:

RM'000

- Berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2006:

Dividen interim kedua sebanyak 10% tolak cukai pendapatan pada 28%,
dibayar pada 18 Ogos 2006

35,668

- Berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007:

Dividen interim pertama sebanyak 5% tolak cukai pendapatan pada 27%,
dibayar pada 9 Februari 2007

27,590

Dividen khas sebanyak 5% dikecualikan cukai, dibayar pada 9 Februari 2007

20,142

47,732

Pada 30 Mei 2007, para Pengarah telah mengisyiharkan dividen interim kedua berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007 sebanyak 5% tolak cukai pada 27% untuk dibayar pada 17 Ogos 2007 kepada setiap ahli yang berhak untuk menerima dividen pada jam 5.00 petang pada 31 Julai 2007.

Para Pengarah tidak mengesyorkan bayaran apa-apa dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007.

5. RIZAB DAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN

Semua pemindahan material kepada atau daripada rizab atau peruntukan-peruntukan dalam tahun kewangan dinyatakan dalam penyata kewangan.

6. MODAL SAHAM

Dalam tahun kewangan, modal saham dibenarkan Syarikat telah ditambah daripada RM1,000,000,000 kepada RM3,000,000,000 melalui ciptaan RM2,000,000,000 saham biasa bernilai RM1 sesaham.

Dalam tahun kewangan, modal saham biasa yang diterbitkan dan berbayar Syarikat telah ditambah daripada RM479,931,566 kepada RM570,327,355 melalui:

- Terbitan 60,300,139 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham timbul daripada pelaksanaan Waran 2005/2010 pada harga langganan RM4.80 setiap saham selaras dengan Surat Iktan Pol bertarikh 22 Jun 2005; dan

6. MODAL SAHAM (samb.)

- (b) Terbitan 30,095,650 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham timbul daripada pelaksanaan opsyen di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan pada harga terbitan berikut:

| Bilangan saham diterbitkan Unit | Harga pelaksanaan ESOS RM/saham |
|------------------------------------|------------------------------------|
| 3,747,300 | 3.93 |
| 6,061,800 | 3.96 |
| 300,000 | 4.15 |
| 100,000 | 4.18 |
| 1,609,200 | 4.20 |
| 2,158,950 | 4.23 |
| 7,854,700 | 4.33 |
| 6,978,700 | 4.36 |
| 245,000 | 4.37 |
| 820,000 | 4.41 |
| 220,000 | 4.44 |
| <hr/> | <hr/> |
| | 30,095,650 |

Saham biasa baru yang diterbitkan bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan saham-saham biasa sedia ada Syarikat.

7. SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN ("ESOS")

Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 17 Oktober 2003, para Pengarah telah diberi kebenaran untuk meneruskan dengan penubuhan dan pentadbiran ESOS dikenali sebagai Skim Opsyen Saham Kakitangan IJM Corporation Berhad.

Ciri-ciri utama ESOS adalah seperti berikut:

- (a) ESOS telah dilaksanakan pada 11 November 2003, dan akan terus berkuatkuasa untuk tempoh selama (5) tahun dan tamat pada 10 November 2008.
- (b) Kakitangan yang layak adalah mengikut budi bicara mutlak Jawatankuasa ESOS tertakluk kepada kakitangan dan Pengarah Eksekutif (memegang jawatan sepenuh masa dalam keupayaan eksekutif) telah disahkan dalam jawatan atau pelantikan IJM Corporation Berhad dan anak-anak syarikatnya (kecuali bagi mana-mana anak syarikat yang adalah lengai) pada atau sehingga Tarikh Tawaran dan telah mencapai umur lapan belas (18) tahun. Pengarah Eksekutif hanya layak sekiranya beliau berada dalam senarai gaji dan terlibat dalam pengurusan harian IJM dan penyertaan beliau dalam Skim diluluskan secara khususnya oleh pemegang-pemegang saham Syarikat dalam mesyuarat agung.
- (c) Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa pada 19 Mei 2004, Undang-undang Kecil ESOS telah dipinda untuk meluluskan pemberian opsyen kepada para Pengarah Bukan Eksekutif. Pada tarikh tersebut, para Pengarah telah dibenarkan untuk menawarkan dan memberikan opsyen kepada para Pengarah Bukan Eksekutif berikut:
 - (i) Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob
 - (ii) Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor
 - (iii) Datuk Oh Chong Peng
 - (iv) Datuk Yahya bin Ya'acob
 - (v) Dato' Goh Chye Keat (*meletak jawatan pada 16 Ogos 2006*)
 - (vi) Dato' Ismail bin Shahudin (*meletak jawatan pada 16 Oktober 2006*)
- (d) Jumlah bilangan saham baru Syarikat yang disediakan di bawah ESOS tidak boleh melebihi sepuluh peratus (10%) (atau sebarang peratusan maksimum yang dibenarkan oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan) daripada jumlah modal saham Syarikat yang diterbitkan dan berbayar terdiri daripada saham-saham biasa Syarikat pada satu-satu masa.
- (e) Harga Opsyen adalah purata wajaran harga pasaran saham Syarikat sebagaimana ditunjukkan dalam Senarai Rasmi Harian Bursa Malaysia Securities Berhad bagi lima (5) hari pasaran sebaik sahaja sebelum Tarikh Tawaran dengan peruntukan bagi diskaun tidak lebih daripada sepuluh peratus (10%) daripadanya mengikut budi bicara Jawatankuasa ESOS atau nilai tara saham Syarikat, yang mana lebih tinggi.

LAPORAN DAN PENYATA PARA PENGARAH (samb.)

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

7. SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN ("ESOS") (samb.)

- (f) Harga pelaksanaan ESOS telah diselaraskan masing-masing pada 30 April 2005 dan 1 Ogos 2006 selaras dengan Undang-undang Kecil 14 daripada Undang-undang Kecil ESOS, yang menyatakan bahawa harga opsyen boleh diselaraskan jika sekiranya berlaku pengagihan modal yang mungkin melibatkan perisyiharan atau peruntukan dividen melainkan agregat dividen kasar diisyitharkan berhubung dengan tempoh / tahun kewangan adalah kurang daripada sepuluh peratus (10%) daripada nilai nominal saham-saham Syarikat. Harga opsyen yang diselaraskan masing-masing pada 30 April 2005 dan 1 Ogos 2006 adalah seperti berikut:

| Tarikh Tawaran | Harga Tawaran Pada Tarikh Tawaran | Diselaraskan pada 30 April 2005 | Diselaraskan pada 1 Ogos 2006 |
|-----------------|-----------------------------------|---------------------------------|-------------------------------|
| 8 Januari 2004 | RM3.99 | RM3.96 | RM3.93 |
| 7 April 2004 | RM4.47 | RM4.44 | RM4.41 |
| 30 April 2004 | RM4.39 | RM4.36 | RM4.33 |
| 20 Mei 2004 | RM4.21 | RM4.18 | RM4.15 |
| 30 Ogos 2005 | RM4.40 | tidak berkenaan | RM4.37 |
| 26 Oktober 2005 | RM4.23 | tidak berkenaan | RM4.20 |

- (g) Butir-butir mengenai opsyen yang diberikan tetapi tidak dilaksanakan dikemukakan dalam Nota 14(c) kepada penyata kewangan.

8. WARAN 2005/2010

Waran 2005/2010 dibentuk melalui Surat Ikatan Pol bertarikh 22 Jun 2005.

Pada 23 Ogos 2005, Syarikat memperuntukkan:-

- (a) 93,171,576 Waran baru 2005/2010 pada harga terbitan RM0.05 setiap Waran berasaskan satu Waran bagi setiap lima saham biasa sedia ada bernilai RM1.00 sesaham dipegang dalam Syarikat pada 11 Julai 2005; dan
- (b) 10,000,000 Waran baru 2005/2010 pada harga terbitan RM0.05 setiap Waran kepada kakitangan pengurusan Syarikat dan anak-anak syarikatnya yang layak.

Setiap Waran 2005/2010 memberi hak kepada pemegang berdaftar untuk melanggan satu (1) saham biasa baru dalam Syarikat pada bila-bila masa pada atau selepas 23 Ogos 2005 hingga 22 Ogos 2010, pada harga pelaksanaan RM4.80 setiap saham atau harga diselaraskan tertentu selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam Surat Ikatan Pol. Mana-mana Waran 2005/2010 tidak dilaksanakan pada tarikh matang akan luput dan terhenti menjadi sah untuk apa-apa tujuan.

Saham-saham biasa yang diterbitkan daripada pelaksanaan Waran 2005/2010 akan bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan saham-saham biasa sedia ada Syarikat yang diterbitkan kecuali bahawa saham-saham tersebut tidak akan berhak kepada sebarang dividen, pengagihan atau hak, tarikh keberhakan yang mana adalah sebelum tarikh peruntukan saham-saham baru timbul daripada pelaksanaan Waran 2005/2010.

9. PARA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan dan penyata yang lepas adalah:

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob, Pengaruh Bukan Eksekutif Bebas

Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan, Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan

Dato' Goh Chye Koon, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan

Soo Heng Chin, Pengurus Besar Kanan & Pengarah Eksekutif

Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor, Pengaruh Bukan Eksekutif Bebas Kanan

Datuk Oh Chong Peng, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Datuk Yahya bin Ya'acob, Pengaruh Bukan Eksekutif Bebas

Dato' (Dr) Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad, Pengaruh Bukan Eksekutif

Ayyaril Karikulath Feizal Ali, Pengaruh Bukan Eksekutif (dilantik pada 5 Januari 2007)

Tan Sri Abdul Halim bin Ali, Pengaruh Bukan Eksekutif Bebas (dilantik pada 25 April 2007)

Datuk Lee Teck Yuen, Pengaruh Bukan Eksekutif (dilantik pada 30 Mei 2007)

Dato' David Frederick Wilson, Pengaruh Bukan Eksekutif (dilantik pada 30 Mei 2007)

Tan Gim Foo, Pengaruh Silih Ganti kepada Soo Heng Chin

Hasni Bin Harun, Pengaruh Silih Ganti kepada Ayyaril Karikulath Feizal Ali (dilantik pada 9 Mei 2007)

Teh Kean Ming (meletak jawatan sebagai Pengaruh Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Keat pada 16 Ogos 2006, dilantik sebagai Pengaruh Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon pada 16 Ogos 2006)

Dato' Goh Chye Keat, Pengaruh Bukan Eksekutif (meletak jawatan pada 16 Ogos 2006)

Dato' Ismail bin Shahudin, Pengaruh Bukan Eksekutif (meletak jawatan pada 16 Oktober 2006)

9. PARA PENGARAH (samb.)

Selaras dengan Daftar Pemegangan Saham para Pengarah, butir-butir kepentingan para Pengarah dalam saham, opsyen ke atas saham biasa dan Waran Syarikat dan perbadanan berkaitannya dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

IJM Corporation Berhad

| | Bilangan Saham Biasa bernilai RM1 sesaham | | | |
|--|---|----------------|----------------------|------------------------|
| | Baki pada 1.4.2006 | Diperolehi | Dilupuskan | Baki pada 31.3.2007 |
| Nama Pengarah | | | | |
| Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob Kepentingan langsung | 33,400 | 100,000 | 83,400 | 50,000 |
| Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan Kepentingan langsung Kepentingan tidak langsung | 2,397,698 578,698 | 1,900,000 – | 3,107,698 578,698 | 1,190,000 – |
| Dato' Goh Chye Koon Kepentingan langsung | 923,712 | 1,010,000 | 1,563,000 | 370,712 |
| Soo Heng Chin Kepentingan langsung | 102,000 | 912,500 | 615,100 | 399,400 |
| Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor Kepentingan langsung | 10,333 | 100,000 | 10,000 | 100,333 |
| Datuk Yahya bin Ya'acob Kepentingan langsung | – | 100,000 | 50,000 | 50,000 |
| Tan Gim Foo Kepentingan langsung | 33,000 | 467,000 | 500,000 | – |
| Teh Kean Ming Kepentingan langsung Kepentingan tidak langsung | 85,000 26,000 | 540,000 – | 575,000 26,000 | 50,000 – |

**Industrial Concrete Products Berhad
(anak syarikat)**

| | Bilangan Saham Biasa bernilai RM0.50 sesaham | | | |
|--|--|------------------|------------|----------------------------------|
| | Baki pada 1.4.2006 | Diperolehi | Dilupuskan | Baki pada 31.3.2007 |
| Nama Pengarah | | | | |
| Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob Kepentingan langsung | 10,000 | – | 10,000 | – |
| Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan Kepentingan langsung Kepentingan tidak langsung | 552,000 901,200 | 180,000 – | – – | 732,000 901,200 |
| Dato' Goh Chye Koon Kepentingan langsung | 240,000 | – | 20,000 | 220,000 |
| Teh Kean Ming Kepentingan langsung Kepentingan tidak langsung | – – | 50,000 30,000 | – – | 50,000 30,000 |

LAPORAN DAN PENYATA PARA PENGARAH

(samb.)

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

9. PARA PENGARAH (samb.)

IJM Plantations Berhad (anak syarikat)

| | Bilangan Saham Biasa bermula RM0.50 sesaham | | | |
|--|---|------------|------------|----------------------------|
| | Baki pada 1.4.2006 | Diperolehi | Dilupuskan | Baki pada 31.3.2007 |
| Nama Pengarah | | | | |
| Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob Kepentingan langsung | 110,000 | – | – | 110,000 |
| Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan Kepentingan langsung Kepentingan tidak langsung | 505,879 277,879 | – – | – – | 505,879 277,879 |
| Dato' Goh Chye Koon Kepentingan langsung | 153,484 | – | – | 153,484 |
| Soo Heng Chin Kepentingan langsung | 22,000 | – | – | 22,000 |
| Teh Kean Ming Kepentingan langsung Kepentingan tidak langsung | 30,000 30,000 | – – | – – | 30,000 30,000 |

IJM Corporation Berhad

| | Bilangan Opsyen Ke Atas Saham Biasa bermula RM1 sesaham | | | |
|---|---|-----------|--------------|------------------------|
| | Baki pada 1.4.2006 | Diberikan | Dilaksanakan | Baki pada 31.3.2007 |
| Nama Pengarah | | | | |
| Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob | 100,000 | – | 100,000 | – |
| Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan | 1,600,000 | – | 1,600,000 | – |
| Dato' Goh Chye Koon | 1,550,000 | – | 510,000 | 1,040,000 |
| Soo Heng Chin | 1,132,500 | – | 912,500 | 220,000 |
| Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor | 100,000 | – | 100,000 | – |
| Datuk Oh Chong Peng | 100,000 | – | – | 100,000 |
| Datuk Yahya bin Ya'acob | 100,000 | – | 100,000 | – |
| Tan Gim Foo | 437,000 | – | 437,000 | – |
| Teh Kean Ming | 610,000 | – | 540,000 | 70,000 |

IJM Plantations Berhad (anak syarikat)

| | Bilangan Opsyen Ke Atas Saham Biasa bermula RM0.50 sesaham | | | |
|----------------------|---|-----------|--------------|------------------------|
| | Baki pada 1.4.2006 | Diberikan | Dilaksanakan | Baki pada 31.3.2007 |
| Nama Pengarah | | | | |
| Datuk Oh Chong Peng | 100,000 | – | – | 100,000 |

9. PARA PENGARAH (samb.)

IJM Corporation Berhad

| | Bilangan Waran | | | | Baki pada 31.3.2007 |
|---|----------------------------|------------|------------|--------------|------------------------|
| | Baki pada 1.4.2006 | Diperolehi | Dilupuskan | Dilaksanakan | |
| Nama Pengarah | | | | | |
| Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob Kepentingan langsung | 4,800 | – | 4,800 | – | – |
| Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan Kepentingan langsung | 701,900 | 200,000 | 100,000 | 300,000 | 501,900 |
| Dato' Goh Chye Koon Kepentingan langsung | 480,000 | 813,000 | 420,000 | 500,000 | 373,000 |
| Soo Heng Chin Kepentingan langsung | 336,000 | – | – | – | 336,000 |
| Tan Gim Foo Kepentingan langsung | 230,000 | 70,000 | 260,000 | 30,000 | 10,000 |
| Teh Kean Ming Kepentingan langsung | 417,000 | – | 280,000 | – | 137,000 |
| | Kepentingan tidak langsung | 177,900 | – | 162,900 | 15,000 |

Kecuali sebagaimana dinyatakan di atas, para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan tidak mempunyai sebarang kepentingan langsung atau tidak langsung dalam saham, opsyen ke atas saham biasa atau Waran Syarikat dan perbadanan berkaitannya dalam tahun kewangan.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tidak ada Pengarah telah menerima atau menjadi berhak untuk menerima faedah (selain daripada yuran dan lain-lain emolumen yang ditunjukkan dalam penyata kewangan) dengan alasan kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau oleh perbadanan berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang mana Pengarah adalah seorang ahli, atau dengan syarikat dalam mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan utama.

Kecuali sebagaimana dinyatakan di atas, sama ada dalam tahun kewangan manapun pada akhir tahun kewangan Syarikat atau mana-mana anak syarikatnya tidak menjadi pihak kepada mana-mana pengaturan yang objeknya adalah untuk membolehkan para Pengarah mendapat faedah melalui pembelian saham-saham dalam, atau debentur, Syarikat atau mana-mana badan korporat selain daripada ESOS dan Waran Syarikat (Lihat Nota 7 kepada penyata kewangan).

10. LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah: -

- (a) untuk memastikan tindakan yang diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan penyediaan peruntukan bagi hutang ragu dan berpuas hati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan bahawa peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa mana-mana aset semasa, selain daripada hutang, yang besar kemungkinan tidak akan dapat direalisasi nilainya dalam perjalanan biasa perniagaan telah dikurangkan nilai kepada anggaran nilai boleh direalisasinya.

Pada tarikh laporan dan penyata ini, para Pengarah tidak mengetahui mengenai apa-apa keadaan:-

- (a) yang akan menjadikan jumlah dihapus kira bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi sehingga mana-mana tahap yang material atau nilai yang boleh dikaitkan kepada aset semasa Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau
- (b) yang telah timbul yang menjadikan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak wajar; atau
- (c) tidak sebaliknya diuruskan dalam laporan dan penyata ini atau dalam penyata kewangan yang akan menjadikan mana-mana jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

LAPORAN DAN PENYATA PARA PENGARAH (samb.)

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

10. LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (samb.)

Dalam tempoh antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan dan penyata ini:-

- (a) selain daripada sebagaimana dinyatakan dalam Nota 54 kepada penyata kewangan, tidak ada perkara, urusniaga atau peristiwa lain yang bersifat material dan luar biasa telah timbul yang, pada pendapat para Pengarah, akan secara ketara menjelaskan keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan semasa; atau
- (b) tidak ada gadaian telah timbul ke atas aset mana-mana syarikat dalam Kumpulan yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain tidak juga mempunyai apa-apa liabiliti kontingen yang timbul dalam mana-mana syarikat dalam Kumpulan.

Tidak ada liabiliti kontingen atau lain-lain liabiliti mana-mana syarikat dalam Kumpulan telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Syarikat dan anak-anak syarikatnya untuk memenuhi obligasi mereka apabila obligasi ini timbul.

Pada Pendapat para Pengarah:-

- (a) selain daripada sebagaimana dikemukakan dalam penyata kewangan, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan tidak terjejas secara ketara oleh mana-mana perkara, urusniaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa; dan
- (b) penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dinyatakan pada muka surat 109 hingga 209 disediakan untuk memberi gambaran sebenar dan adil mengenai hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2007 dan mengenai keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian-piawaian Perakaunan MASB Diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain daripada Entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965.

11. JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus berkhidmat. Para Pengarah mengendorskan pengesyoran Jawatankuasa Audit untuk melantik semula PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga selaras dengan resolusi para Pengarah.

TAN SRI DATO' IR. (DR) WAN ABDUL RAHMAN
BIN WAN YAACOB
Pengarah

DATO' TAN BOON SENG @ KRISHNAN
Pengarah

Petaling Jaya
30 Mei 2007

PENYATA PENDAPATAN

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

| | Nota | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|-------|----------------|---------------------------------------|----------------|---------------------------------------|
| | | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 (Dinyatakan semula) | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 (Dinyatakan semula) |
| Hasil kendalian | 4,13 | 2,311,234 | 1,910,489 | 186,613 | 109,798 |
| Kos jualan | | (1,837,853) | (1,468,818) | (90,215) | (55,470) |
| Keuntungan kasar | | 473,381 | 441,671 | 96,398 | 54,328 |
| Lain-lain pendapatan kendalian | | 76,720 | 60,157 | 86,104 | 46,563 |
| Perbelanjaan tender, jualan dan pengedaran | | (55,749) | (40,703) | — | — |
| Perbelanjaan pentadbiran | | (74,022) | (74,079) | (11,954) | (10,471) |
| Lain-lain perbelanjaan kendalian | | (35,712) | (64,903) | (26,400) | (20,504) |
| Keuntungan kendalian sebelum kos kewangan | 5 | 384,618 | 322,143 | 144,148 | 69,916 |
| Kos kewangan | 9 | (72,289) | (54,066) | (21,334) | (16,461) |
| Keuntungan kendalian selepas kos kewangan | | 312,329 | 268,077 | 122,814 | 53,455 |
| Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu | | 13,085 | 7,062 | — | — |
| Bahagian keputusan entiti kawalan bersama | | (6,485) | 6,360 | — | — |
| Keuntungan sebelum cukai | 13 | 318,929 | 281,499 | 122,814 | 53,455 |
| Perbelanjaan cukai pendapatan | 10,13 | (78,820) | (80,167) | (29,073) | (13,897) |
| Keuntungan bersih bagi tahun kewangan | 13 | 240,109 | 201,332 | 93,741 | 39,558 |
| Boleh dikaitkan kepada: | | | | | |
| Pemegang-pemegang ekuiti Syarikat | | 194,336 | 160,433 | 93,741 | 39,558 |
| Kepentingan minoriti | | 45,773 | 40,899 | — | — |
| Keuntungan bersih bagi tahun kewangan | 13 | 240,109 | 201,332 | 93,741 | 39,558 |
| Perolehan setiap saham boleh dikaitkan kepada pemegang ekuiti biasa Syarikat: | | | | | |
| Asas | 11(a) | 38.0 Sen | 34.0 Sen | | |
| Dicairkan sepenuhnya | 11(b) | 37.0 Sen | 33.7 Sen | | |
| Dividen setiap saham | 12 | | | 15.0 Sen | 15.0 Sen |

KUNCI KIRA-KIRA

pada 31 Mac 2007

| Nota | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|----------------|--|----------------|--|
| | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 (Dinyatakan semula) | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 (Dinyatakan semula) |
| Modal dan rizab boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat | | | | |
| Modal saham | 14 | 570,327 | 479,931 | 479,931 |
| Premium saham | | 748,846 | 420,401 | 420,401 |
| Rizab penilaian semula | | 27,056 | 25,515 | — |
| Rizab terjemahan pertukaran | | 12,886 | 14,298 | 579 |
| Rizab modal | 15 | 50,975 | 53,991 | 4,399 |
| Keuntungan tertahan | 16 | 1,192,832 | 1,071,916 | 461,109 |
| | | 2,602,922 | 2,066,052 | 1,365,887 |
| Kepentingan minoriti | | 559,459 | 463,652 | — |
| Jumlah ekuiti | | 3,162,381 | 2,529,704 | 1,365,887 |
| Liabiliti bukan semasa | | | | |
| Bon | 17 | 168,464 | 202,636 | — |
| Nota berjangka sederhana | 18 | 150,000 | 150,000 | 150,000 |
| Pinjaman berjangka | 19 | 654,085 | 489,987 | — |
| Pemiutang sewa beli dan pajakan | 20 | 9,697 | 3,335 | — |
| Liabiliti cukai tertunda | 21 | 90,947 | 84,486 | — |
| Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang | 22 | 52,666 | 70,333 | — |
| Manfaat persaraan | 23 | — | 5,150 | 831 |
| | | 1,125,859 | 1,005,927 | 150,831 |
| Pendapatan tertunda | 24 | 58,371 | 63,822 | — |
| | | 4,346,611 | 3,599,453 | 1,516,718 |
| Aset bukan semasa | | | | |
| Harta, loji dan peralatan | 25 | 916,031 | 759,677 | 10,177 |
| Harta pelaburan | 26 | 38,664 | 32,999 | — |
| Aset konsesi | 27 | 474,385 | 218,476 | — |
| Anak-anak syarikat | 28 | — | — | 682,895 |
| Syarikat-syarikat bersekutu | 29 | 383,063 | 453,529 | 84,866 |
| Entiti kawalan bersama | 30 | 60,422 | 43,838 | — |
| Pelaburan jangka panjang | 31 | 100,722 | 131,728 | 58,382 |
| Penghutang jangka panjang | 32 | 102,554 | 86,163 | — |
| Aset tidak ketara | 33 | 66,669 | 59,193 | — |
| Aset cukai tertunda | 21 | 18,862 | 18,590 | 2,368 |
| Tanah dipegang bagi pembangunan harta | 34 | 319,037 | 246,481 | 281 |
| Perbelanjaan pembangunan ladang | 35 | 408,500 | 399,308 | — |
| | | 2,888,909 | 2,449,982 | 705,751 |
| | | | | 840,172 |

| Nota | Kumpulan | | Syarikat | |
|--|----------------|--|----------------|--|
| | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 (Dinyatakan semula) | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 (Dinyatakan semula) |
| Aset semasa | | | | |
| Kos pembangunan harta | 34 | 685,488 | 459,325 | – |
| Inventori | 36 | 233,365 | 173,572 | 5,628 |
| Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang | 37 | 1,758,886 | 1,167,369 | 1,645,777 |
| Pelaburan jangka pendek | 38 | 71,228 | 84,088 | 3,897 |
| Deposit dengan bank berlesen | 39 | 174,073 | 179,733 | 28,186 |
| Tunai dan baki bank | 40 | 226,860 | 95,527 | 40,691 |
| | | 3,149,900 | 2,159,614 | 1,724,179 |
| Tolak: | | | | |
| Liabiliti semasa | | | | |
| Pembiutang perdagangan dan lain-lain pembiutang | 41 | 1,238,891 | 787,633 | 343,948 |
| Pinjaman bank menanggung faedah | 42 | 439,341 | 221,268 | 138,367 |
| Liabiliti cukai semasa | | 13,966 | 1,242 | 5,030 |
| | | 1,692,198 | 1,010,143 | 487,345 |
| Aset semasa bersih | | 1,457,702 | 1,149,471 | 1,236,834 |
| | | 4,346,611 | 3,599,453 | 1,942,585 |
| | | | | 1,516,718 |

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

| Nota | Modal saham RM'000 | Boleh dikaitkan kepada pemegang-pekerti Syarikat | | | | | Kepentingan minoriti RM'000 | Jumlah ekuiti RM'000 |
|---|--------------------|--|-------------------------------|------------------------------------|--------------------|----------------------------|-----------------------------|----------------------|
| | | Premium saham RM'000 | Rizab penilaian semula RM'000 | Rizab terjemahan pertukaran RM'000 | Rizab modal RM'000 | Keuntungan tertahan RM'000 | | |
| Kumpulan | | | | | | | | |
| Pada 1 April 2006 | | | | | | | | |
| - Sebagaimana dilaporkan sebelum ini | 479,931 | 420,401 | 25,515 | 14,298 | 53,991 | 1,071,916 | 2,066,052 | 169,288 |
| - Kesan menyatuukan IJM Plantations sebagai anak syarikat | 47(k) | - | - | - | - | - | - | 2,235,340 |
| - Sebagaimana dinyatakan semua | 479,931 | 420,401 | 25,515 | 14,298 | 53,991 | 1,071,916 | 2,066,052 | 463,652 |
| - Kesan penerimaan pakai FRS 3 | 47(n) | - | - | - | - | 9,791 | 9,791 | 2,529,704 |
| | 479,931 | 420,401 | 25,515 | 14,298 | 53,991 | 1,081,707 | 2,075,843 | 463,652 |
| | | | | | | | | 2,539,495 |
| Perbezaan pertukaran daripada terjemahan pelaburan bersih dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersama dan cawangan asing | - | - | - | 10,001 | - | - | 10,001 | (461) |
| Bahagian realisasi atas rizab penilaian semula anak syarikat | - | - | (189) | - | - | 189 | - | - |
| Kesan perubahan dalam kadar cukai atas penilaian semula | - | - | 1,730 | - | - | - | 1,730 | - |
| Pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf secara langsung dalam ekuiti | - | - | 1,541 | 10,001 | - | 189 | 11,731 | (461) |
| Realisasi daripada rizab terjemahan pertukaran atas penyelesaian pinjaman dikelaskan sebagai pelaburan bersih dalam anak syarikat asing | 28(b) | - | - | (11,413) | - | - | (11,413) | 11,270 |
| Keuntungan bersih bagi tahun kewangan | - | - | - | - | - | 194,336 | 194,336 | 45,773 |
| Jumlah pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf bagi tahun | - | - | 1,541 | (1,412) | - | 194,525 | 194,654 | 45,312 |
| | | | | | | | | 239,966 |
| Dividen: | | | | | | | | |
| - Tahun berakhir 31 Mac 2006 | 12 | - | - | - | - | (35,668) | (35,668) | - |
| - Tahun berakhir 31 Mac 2007 | - | - | - | - | - | (47,732) | (47,732) | - |
| Dividen dibayar oleh anak-anak syarikat kepada pemegang-pekerjaan saham minoriti | - | - | - | - | - | - | (16,036) | (16,036) |
| Terbitan saham: | | | | | | | | |
| - Pelaksanaan ESOS | 14 | 30,096 | 96,292 | - | - | - | 126,388 | - |
| - Pelaksanaan Waran 2005/2010 | 14 | 60,300 | 232,153 | - | (3,016) | - | 289,437 | - |
| Terbitan saham oleh anak syarikat kepada pemegang-pekerjaan saham minoriti | - | - | - | - | - | - | - | 289,437 |
| Pada 31 Mac 2007 | 570,327 | 748,846 | 27,056 | 12,886 | 50,975 | 1,192,832 | 2,602,922 | 559,459 |
| | | | | | | | | 3,162,381 |

| Boleh dikaitkan kepada pemegang ekuiti Syarikat | | | | | | | Kepentingan minoriti RM'000 | Jumlah ekuiti RM'000 |
|---|----------------------|-------------------------------|------------------------------------|--------------------|----------------------------|---------------|-----------------------------|----------------------|
| Modal saham RM'000 | Premium saham RM'000 | Rizab penilaian semula RM'000 | Rizab terjemahan pertukaran RM'000 | Rizab modal RM'000 | Keuntungan tertahan RM'000 | Jumlah RM'000 | | |
| 458,654 | 349,796 | 26,357 | 22,301 | 49,592 | 931,879 | 1,838,579 | 135,033 | 1,973,612 |
| - | - | - | - | - | - | - | 265,346 | 265,346 |
| 458,654 | 349,796 | 26,357 | 22,301 | 49,592 | 931,879 | 1,838,579 | 400,379 | 2,238,958 |
| | | | | | | | | |
| - | - | - | (8,003) | - | - | (8,003) | (114) | (8,117) |
| - | - | (842) | - | - | (3,173) | (4,015) | 4,671 | 656 |
| - | - | (842) | (8,003) | - | (3,173) | (12,018) | 4,557 | (7,461) |
| - | - | - | - | - | 160,433 | 160,433 | 40,899 | 201,332 |
| - | - | (842) | (8,003) | - | 157,260 | 148,415 | 45,456 | 193,871 |
| - | - | - | - | - | (17,223) | (17,223) | - | (17,223) |
| - | - | - | - | - | - | - | (8,763) | (8,763) |
| - | - | - | - | - | 5,159 (439) | - | 5,159 (439) | - |
| 14,853 | 45,875 | - | - | - | - | - | 60,728 | - |
| 6,424 | 24,730 | - | - | (321) | - | 30,833 | - | 30,833 |
| - | - | - | - | - | - | - | 19,873 | 19,873 |
| - | - | - | - | - | - | - | 213 | 213 |
| - | - | - | - | - | - | - | 6,494 | 6,494 |
| 479,931 | 420,401 | 25,515 | 14,298 | 53,991 | 1,071,916 | 2,066,052 | 463,652 | 2,529,704 |

Perbezaaan pertukaran timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan cawangan asing Kecairan timbul daripada perubahan dalam komposisi Kumpulan Perbelanjaan diliyakrif secara langsung dalam ekuiti Keuntungan bersih bagi tahun kewangan Jumlah pendapatan dan perbelanjaan diliyakrif bagi tahun

Dividen bagi tahun berakhir 31 Mac 2006

Dividen dibayar oleh anak-anak syarikat kepada pemegang-pemegang saham minoriti

Rizab waran timbul daripada terbitan Waran 2005/2010

Perbelanjaan terbitan Waran

(terbitan saham):

- Pelaksanaan ESOS
- Pelaksanaan Waran 2005/2010

Pelupusan sebahagian saham dalam anak syarikat Pengambilalihan anak-anak syarikat

Terbitan saham oleh anak syarikat kepada pemegang-pemegang saham minoriti

Pada 31 Mac 2006

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

(samb.)

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

| Syarikat | Nota | Tidak boleh diagih | | | Boleh diagih | | Jumlah |
|--|-------|--------------------|----------------------|------------------------------------|--------------------|----------------------------|------------------|
| | | Modal saham RM'000 | Premium saham RM'000 | Rizab terjemahan pertukaran RM'000 | Rizab modal RM'000 | Keuntungan tertahan RM'000 | |
| Pada 1 April 2006 | | | | | | | |
| - Sebagaimana dilaporkan sebelum ini | 47(k) | 479,931 | 420,401 | 11,460 | 4,399 | 449,696 | 1,365,887 |
| - Kesan penerimaan pakai FRS 121 | | - | - | (11,413) | - | 11,413 | - |
| - Sebagaimana dinyatakan semula | | 479,931 | 420,401 | 47 | 4,399 | 461,109 | 1,365,887 |
| Perbezaan pertukaran timbul daripada terjemahan cawangan asing | | | | 532 | | | 532 |
| Pendapatan diiktiraf secara langsung dalam ekuiti | | | | 532 | | | 532 |
| Keuntungan bersih bagi tahun kewangan | | | | - | | 93,741 | 93,741 |
| Jumlah pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf bagi tahun | | | | 532 | | 93,741 | 94,273 |
| Dividen: | | | | | | | |
| - Tahun berakhir 31 Mac 2006 | 12 | - | - | - | - | (35,668) | (35,668) |
| - Tahun berakhir 31 Mac 2007 | 12 | - | - | - | - | (47,732) | (47,732) |
| Terbitan saham: | | | | | | | |
| - Pelaksanaan ESOS | 14 | 30,096 | 96,292 | - | - | - | 126,388 |
| - Pelaksanaan Waran 2005/2010 | 14 | 60,300 | 232,153 | - | (3,016) | - | 289,437 |
| Pada 31 Mac 2007 | | 570,327 | 748,846 | 579 | 1,383 | 471,450 | 1,792,585 |
| Pada 1 April 2005 | | | | | | | |
| - Sebagaimana dilaporkan sebelum ini | 47(k) | 458,654 | 349,796 | 20,702 | - | 418,565 | 1,247,717 |
| - Kesan penerimaan pakai FRS 121 | | - | - | (20,209) | - | 20,209 | - |
| - Sebagaimana dinyatakan semula | | 458,654 | 349,796 | 493 | - | 438,774 | 1,247,717 |
| Perbezaan pertukaran timbul daripada terjemahan cawangan asing | | | | (446) | | | (446) |
| Perbelanjaan diiktiraf secara langsung dalam ekuiti | | | | (446) | | | (446) |
| Keuntungan bersih bagi tahun kewangan | | | | - | | 39,558 | 39,558 |
| Jumlah pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf bagi tahun | | | | (446) | | 39,558 | 39,112 |
| Dividen: | | | | | | | |
| - Tahun berakhir 31 Mac 2006 | 12 | - | - | - | - | (17,223) | (17,223) |
| Rizab Waran timbul daripada terbitan Waran 2005/2010 | | - | - | - | 5,159 | - | 5,159 |
| Perbelanjaan terbitan Waran | | - | - | - | (439) | - | (439) |
| Terbitan saham: | | | | | | | |
| - Pelaksanaan ESOS | 14 | 14,853 | 45,875 | - | - | - | 60,728 |
| - Pelaksanaan Waran 2005/2010 | 14 | 6,424 | 24,730 | - | (321) | - | 30,833 |
| Pada 31 Mac 2006 | | 479,931 | 420,401 | 47 | 4,399 | 461,109 | 1,365,887 |

PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

| Nota | Kumpulan 2007 RM'000 | 2006 RM'000 (Dinyatakan semula) |
|------|----------------------------|--|
|------|----------------------------|--|

Kegiatan kendalian

| | | |
|--|---------------|-------------|
| Penerimaan daripada pelanggan | 1,947,549 | 1,949,740 |
| Bayaran kepada kontraktor, pembekal dan kakitangan | (1,817,123) | (1,649,692) |
| Faedah diterima | 18,915 | 22,688 |
| Faedah dibayar | (62,704) | (44,768) |
| Cukai pendapatan dibayar | (59,144) | (73,748) |
| Aliran tunai bersih daripada kegiatan kendalian | 27,493 | 204,220 |

Kegiatan pelaburan

| | | | |
|--|----|------------------|-----------|
| Pengambilalihan anak-anak syarikat | 45 | - | (5,734) |
| Pengambilalihan saham daripada pemegang-pemegang saham minoriti dalam anak-anak syarikat | | (3,877) | |
| Pelupusan saham dalam anak syarikat | | 21,055 | |
| Pelaburan dalam entiti kawalan bersama | | (25,500) | (14,000) |
| Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu | | - | (2,136) |
| Pengambilalihan pelaburan | | (31,299) | (14) |
| Pembelian tanah pembangunan dipegang untuk pembangunan harta | | (125,875) | (172,725) |
| Pelupusan tanah pembangunan dipegang untuk pembangunan harta | | - | 10,989 |
| Pembelian harta, loji dan peralatan | | (220,552) | (174,747) |
| Kos ditanggung ke atas aset konsesi | | (268,556) | (58,736) |
| Tambahan kepada perbelanjaan pembangunan ladang | | (7,263) | - |
| Perbelanjaan tertunda ditanggung | | (975) | - |
| Pelupusan harta, loji dan peralatan | | 7,383 | 13,669 |
| Pelupusan syarikat bersekutu | | - | 35 |
| Pelupusan pelaburan | | 93,800 | 7,636 |
| Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu | | 19,359 | 590 |
| Dividen diterima daripada lain-lain pelaburan | | 1,044 | 1,659 |
| Pendahuluan kepada syarikat-syarikat bersekutu | | (11,848) | (2,285) |
| Bayaran balik pendahuluan daripada syarikat-syarikat bersekutu | | 73,454 | 13,671 |
| Pendahuluan kepada entiti kawalan bersama | | (165,479) | (25,560) |
| Bayaran balik pendahuluan daripada entiti kawalan bersama | | 19,795 | - |
| Aliran tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan | | (642,512) | (390,510) |

Kegiatan pembiayaan

| | | | |
|---|----------------|----------|--|
| Terbitan saham oleh Syarikat:: | | | |
| - Pelaksanaan ESOS | 126,388 | 60,728 | |
| - Pelaksanaan Waran 2005/2010 | 289,437 | 30,833 | |
| Terbitan saham oleh anak-anak syarikat kepada pemegang-pemegang saham minoriti dalam anak-anak syarikat | 66,531 | 6,494 | |
| Terbitan Waran 2005/2010 oleh Syarikat | - | 5,159 | |
| Bayaran balik Bon | (25,000) | (20,000) | |
| Perolehan daripada pinjaman bank | 396,036 | 385,058 | |
| Bayaran balik pinjaman bank | (95,694) | (62,185) | |
| Pendahuluan daripada Kerajaan Negeri | 14,000 | 7,000 | |
| Bayaran balik kepada pemutang sewa beli dan pajakan | (14,195) | (4,068) | |
| Bayaran kepentingan MTN | (8,250) | (8,253) | |
| Bayaran faedah Bon | (8,000) | (8,000) | |
| Dividen dibayar oleh anak-anak syarikat kepada pemegang-pemegang saham minoriti | (16,036) | (15,187) | |
| Dividen dibayar oleh Syarikat | (83,400) | (50,275) | |
| Penebusan/(penempatan) bersih deposit diserah hak kepada pemegang-pemegang amanah | 12,455 | (16,543) | |
| Aliran tunai bersih daripada kegiatan pembiayaan | 654,272 | 310,761 | |

Peningkatan bersih dalam tunai dan setara tunai dalam tahun kewangan

| | | |
|--|---------|---------|
| Tunai dan setara tunai pada permulaan tahun kewangan | 39,253 | 124,471 |
| Perbezaan pertukaran asing atas baki mula | 212,764 | 87,821 |
| | (224) | 472 |

Tunai dan setara tunai pada akhir tahun kewangan

48 **251,793** 212,764

PENYATA ALIRAN TUNAI SYARIKAT

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

| | Nota | Syarikat 2007 RM'000 | 2006 RM'000 |
|---|------|----------------------------|----------------|
| Kegiatan kendalian | | | |
| Penerimaan daripada pelanggan | | 91,316 | 116,816 |
| Bayaran kepada kontraktor, pembekal dan kakitangan | | (101,932) | (67,623) |
| Faedah diterima | | 4,482 | 3,435 |
| Faedah dibayar | | (3,190) | (2,750) |
| Cukai pendapatan dibayar | | (12,132) | (11,382) |
| Aliran tunai bersih (digunakan dalam)/daripada kegiatan kendalian | | (21,456) | 38,496 |
| Kegiatan pelaburan | | | |
| Pembelian harta, loji dan peralatan | | (1,998) | (2,543) |
| Pelupusan harta, loji dan peralatan | | 243 | 671 |
| Pelupusan saham dalam anak-anak syarikat | | – | 21,003 |
| Pelupusan pelaburan | | 76,936 | 75 |
| Dividen diterima daripada anak-anak syarikat | | 29,351 | 39,046 |
| Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu | | 19,359 | 185 |
| Dividen diterima daripada lain-lain pelaburan | | 907 | 1,560 |
| Pendahuluan kepada anak-anak syarikat | | (472,857) | (115,955) |
| Pendahuluan kepada syarikat-syarikat bersekutu | | (18,095) | – |
| Bayaran balik pendahuluan daripada syarikat-syarikat bersekutu | | – | 3,675 |
| Pendahuluan kepada entiti kawalan bersama | | – | (2,406) |
| Bayaran balik pendahuluan daripada entiti kawalan bersama | | 2,080 | – |
| Aliran tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan | | (364,074) | (54,689) |
| Kegiatan pembiayaan | | | |
| Terbitan saham oleh Syarikat: | | | |
| - Pelaksanaan ESOS | | 126,388 | 60,728 |
| - Pelaksanaan Waran 2005/2010 | | 289,437 | 30,833 |
| Terbitan Waran 2005/2010 oleh Syarikat | | – | 5,159 |
| Perolehan daripada pinjaman bank | | 41,102 | 35,000 |
| Bayaran balik pinjaman bank | | (35,000) | (12,142) |
| Bayaran faedah MTN | | – | (8,253) |
| Bayaran faedah Bon | | (8,250) | – |
| Dividen dibayar oleh Syarikat | | (83,400) | (50,275) |
| Aliran tunai bersih daripada kegiatan pembiayaan | | 330,277 | 61,050 |
| (Pengurangan)/peningkatan bersih dalam tunai dan setara tunai untuk tahun kewangan | | (55,253) | 44,857 |
| Tunai dan setara tunai pada permulaan tahun kewangan | | 50,711 | 5,854 |
| Tunai dan setara tunai pada akhir tahun kewangan | 48 | (4,542) | 50,711 |

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

Polisi-polisi perakaunan berikut telah dipakai secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan dalam berurusan dengan perkara-perkara yang dianggap material berhubung dengan penyata kewangan, melainkan dinyatakan sebaliknya.

1. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan, Piawaian-piawaian Perakaunan Yang Diluluskan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") di Malaysia bagi Entiti Selain daripada Entiti Persendirian.

Penyata kewangan disediakan di bawah konvensyen kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan polisi-polisi perakaunan penting ini.

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi Piawaian-piawaian Perakaunan MASB Yang Diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain daripada Entiti Persendirian yang memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan penting tertentu yang melibatkan jumlah aset dan liabiliti dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti kontingen pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan dalam tempoh dilaporkan. Ia juga memerlukan para Pengarah untuk melaksanakan penghakiman mereka dalam proses menggunakan polisi-polisi perakaunan Syarikat. Walaupun anggaran dan penghakiman ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah mengenai peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran tersebut.

Bidang-bidang yang melibatkan tahap penghakiman atau kekompleksan tertinggi, atau bidang-bidang di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan, dinyatakan dalam Nota 2 kepada penyata kewangan.

(a) Piawaian-piawaian, pindaan-pindaan kepada piawaian-piawaian yang diterbitkan dan Tafsiran-tafsiran Jawatankuasa Terbitan ("IC") kepada piawaian-piawaian sedia ada yang berkuat kuasa

Piawaian-piawaian perakaunan baru, pindaan-pindaan kepada piawaian-piawaian yang diterbitkan dan Tafsiran-tafsiran Jawatankuasa Terbitan ("IC") kepada piawaian-piawaian sedia ada berkuat kuasa bagi tahun kewangan Kumpulan dan Syarikat bermula pada atau selepas 1 April 2006 adalah seperti berikut:-

- FRS 1 Penerimaan Pakai Pertama Kali Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan
- FRS 2 Bayaran berdasarkan saham
- FRS 3 Kombinasi Perniagaan
- FRS 5 Aset Bukan Semasa Dipegang bagi Jualan dan Pembentangan Operasi Tidak Diteruskan
- FRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan
- FRS 102 Inventori
- FRS 108 Polisi-polisi Perakaunan, Perubahan-perubahan dalam Anggaran-anggaran Perakaunan dan Kesilapan
- FRS 110 Peristiwa-peristiwa Selepas Tarikh Kunci Kira-kira
- FRS 116 Harta, Loji dan Peralatan
- FRS 121 Kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing
- FRS 127 Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan
- FRS 128 Pelaburan dalam Syarikat-syarikat Bersekutu
- FRS 131 Kepentingan dalam entiti kawalan bersama
- FRS 132 Instrumen-instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan
- FRS 133 Perolehan Setiap Saham
- FRS 136 Kerosotan Aset
- FRS 138 Aset Tidak Ketara
- FRS 140 Harta Pelaburan
- Pindaan kepada FRS 119 2004 Manfaat Kakitangan - Laba dan Kerugian Aktuari, Rancangan Kumpulan dan Pendedahan
- IC 107 Pengenalan Euro
- IC 110 Bantuan Kerajaan - Tidak Ada Kaitan Khusus kepada Kegiatan Kendalian
- IC 112 Penyatuan - Entiti Tujuan Khas
- IC 113 Entiti Kawalan Bersama - Caruman Bukan Monetari Melalui Usaha Niaga
- IC 115 Pajakan Kendalian - Insentif
- IC 121 Cukai Pendapatan - Perolehan Aset Tidak Boleh Disusutnilaikan Dinilai Semula
- IC 125 Cukai Pendapatan - Perubahan dalam Status Cukai Entiti atau Pemegang-pemegang Sahamnya
- IC 127 Menilai Isi Pengaturan Urus Niaga Melibatkan Bentuk Undang-undang Pajakan
- IC 129 Pendedahan - Pengaturan Konsesi Perkhidmatan
- IC 131 Hasil- Urus Niaga Barter Melibatkan Perkhidmatan Pengiklanan
- IC 132 Aset Tidak Ketara - Kos Laman Web

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

1. ASAS PENYEDIAAN (samb.)

- (a) Piawaian-piawaian, pindaan-pindaan kepada piawaian-piawaian yang diterbitkan dan Tafsiran-tafsiran Jawatankuasa Terbitan ("IC") kepada piawaian-piawaian sedia ada yang berkuat kuasa (samb.)

Semua perubahan dalam polisi-polisi perakaunan telah dibuat selaras dengan peruntukan-peruntukan transisi dalam piawaian-piawaian, pindaan-pindaan masing-masing kepada piawaian-piawaian diterbitkan dan Tafsiran-tafsiran IC. Semua standard, pindaan dan Tafsiran IC diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat memerlukan penggunaan secara retrospektif selain daripada:

- FRS 2 - penggunaan retrospektif bagi semua instrumen ekuiti diberikan selepas 31 Disember 2004 dan tidak terletak hak pada 1 Januari 2006;
- FRS 3 - Penggunaan prospektif bagi kombinasi perniagaan untuk yang mana tarikh perjanjian adalah pada atau selepas 1 Januari 2006;
- FRS 5 - penggunaan prospektif kepada aset bukan semasa (atau kumpulan pelupusan) yang memenuhi kriteria yang akan dikelaskan sebagai dipegang bagi jualan dan kepada operasi yang memenuhi kriteria yang akan dikelaskan sebagai tidak diteruskan pada atau selepas 1 April 2006;
- FRS 121 - perakaunan prospektif bagi muhibah dan pelarasan nilai saksama sebagai sebahagian daripada operasi asing;
- FRS 136 and 138 - terpakai kepada muhibah dan aset tidak ketara yang diperolehi dalam kombinasi perniagaan untuk yang mana tarikh perjanjian adalah pada atau selepas 1 Januari 2006 dan semua aset lain secara prospektif dari 1 April 2006.

Ringkasan kesan piawaian-piawaian perakaunan baru, pindaan-pindaan kepada piawaian-piawaian disiarkan dan tafsiran-tafsiran kepada piawaian-piawaian sedia ada dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dinyatakan dalam Nota 47 kepada penyata kewangan.

(b) Piawaian yang telah diterima pakai sebelum ini oleh Kumpulan dan Syarikat

- FRS 124 "Pendedahan Pihak Berkaitan" - piawaian ini melibatkan pengenalan pasti pihak-pihak berkaitan dan beberapa pendedahan pihak berkaitan yang lain.

Pendedahan pihak berkaitan dikemukakan dalam Nota 50 kepada penyata kewangan.

(c) Piawaian-piawaian, pindaan-pindaan kepada piawaian-piawaian diterbitkan dan Tafsiran-tafsiran IC kepada piawaian-piawaian sedia ada yang masih lagi belum berkuat kuasa dan tidak diterima pakai sebelum ini

Piawaian-piawaian, pindaan-pindaan baru kepada piawaian-piawaian dan tafsiran-tafsiran IC diterbitkan yang adalah mandatori bagi tahun kewangan Kumpulan bermula pada atau selepas 1 April 2007 atau tempoh-tempoh terkemudian, dan Kumpulan tidak terima pakai sebelum ini, adalah seperti berikut:

- FRS 117 "Pajakan" (berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Oktober 2006). Piawaian ini memerlukan klasifikasi tanah pegangan pajak sebagai bayaran pajakan prabayar. Kumpulan akan menggunakan piawaian ini dari tahun-tahun kewangan bermula pada 1 April 2007.
- FRS 139 "Instrumen-instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran" (tarikh berkuat kuasa masih belum ditentukan oleh MASB). Piawaian baru ini mewujudkan prinsip-prinsip bagi mengiktiraf dan mengukur aset kewangan, liabiliti kewangan beberapa kontrak untuk membeli dan menjual perkara bukan kewangan. Perakaunan lindungan nilai dibenarkan hanya di bawah keadaan-keadaan yang ketat. Kumpulan akan menggunakan piawaian ini apabila ia menjadi berkuat kuasa.

Sebagaimana dibenarkan di bawah peruntukan-peruntukan transisi FRS 117 dan FRS 139, Kumpulan dan Syarikat dikecualikan daripada mendedahkan kesan yang mungkin ke atas penggunaan piawaian-piawaian baru ini ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dalam tahun semasa penggunaan awal.

- Pindaan kepada FRS 121 "Kesan-kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing - Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing". Pindaan ini memerlukan perbezaan pertukaran ke atas perkara monetari yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih dalam operasi asing untuk diiktiraf dalam ekuiti dan bukannya dalam keuntungan atau kerugian tanpa mengambil kira mata wang dalam mana perkara-perkara ini didenominasikan.
- IC 1 "Perubahan dalam Penyahgunaan, Pemulian dan Liabiliti Serupa Sedia Ada" (berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2007). Tafsiran ini berurusan dengan perubahan-perubahan dalam pemasaran yang dianggarkan atau jumlah aliran keluar sumber-sumber yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, atau perubahan dalam kadar diskau. Kumpulan akan menggunakan Tafsiran IC ini mulai tahun-tahun kewangan bermula pada 1 April 2008.
- IC 8 "Skop FRS 2" (berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2007). Tafsiran ini menerangkan bahawa FRS 2 "Bayaran berdasarkan Saham" terpakai walaupun dalam ketidaaan barang dan perkhidmatan boleh dikenal pasti secara khusus. Kumpulan akan menggunakan Tafsiran IC ini mulai tahun-tahun kewangan bermula pada 1 April 2008.

Pindaan di atas kepada piawaian-piawaian dan tafsiran-tafsiran IC diterbitkan kepada piawaian-piawaian sedia ada tidak dijangka mempunyai kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dalam tahun penggunaan awalnya.

1. ASAS PENYEDIAAN (samb.)

- (d) Piawaian, pindaan kepada piawaian-piawaian dan Tafsiran-tafsiran IC diterbitkan kepada piawaian-piawaian sedia ada yang masih lagi belum berkuat kuasa dan tidak berkenaan bagi operasi Kumpulan
- FRS 6 "Pencarian Gali dan Penilaian Sumber-sumber Mineral" (berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2007). FRS 6 tidak berkenaan kepada operasi Kumpulan memandangkan Kumpulan tidak menjalankan kegiatan pencarian gali dan penilaian semula sumber-sumber mineral.
 - Pindaan kepada FRS 119₂₀₀₄ "Manfaat Kakitangan" - Laba dan Kerugian Aktuari, Pelan Kumpulan dan Pendedahan (berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2007). Pindaan kepada FRS 119₂₀₀₄ adalah tidak berkenaan kepada Kumpulan memandangkan Kumpulan dan anak syarikat-syarikat telah menamatkan pelan manfaat dinyatakan pada 1 Januari 2007 dan 31 Mac 2007 masing-masing.
 - IC 2 "Bahagian Ahli-ahli dalam Entiti Koperasi dan Instrumen-Instrumen Serupa" (berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2007).
 - IC 5 "Hak kepada Kepentingan timbul daripada Dana Penyahgunaan, Pemulihan dan Pemeliharaan Alam Sekitar" (berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2007).
 - IC 6 "Liabiliti timbul daripada Penyertaan dalam Pasaran Khusus- Peralatan Elektrik dan Elektronik Buangan" (berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2007).
 - IC 7 "Menggunakan Pendedahan Pernyataan Semula di bawah FRS 129₂₀₀₄ Pelaporan Kewangan dalam Ekonomi Hiperinflasi" (berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2007).

2. ENTITI EKONOMI DALAM KUMPULAN

(a) Anak-anak syarikat

Anak-anak syarikat adalah syarikat, perkongsian atau lain-lain entiti (termasuk entiti tujuan khas) di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan kendalian untuk mendapatkan faedah daripada kegiatannya, pada amnya mengiringi pemegangan saham lebih daripada separuh hak mengundi.

Kewujudan dan kesan potensi hak mengundi yang pada masa ini boleh dilaksanakan atau boleh ditukar dipertimbangkan apabila menilai sama ada Kumpulan mengawal entiti yang lain. Dalam menilai sama ada hak-hak mengundi menyumbang kepada kawalan, Kumpulan meneliti semua fakta dan keadaan (termasuk terma-terma pelaksanaan potensi hak mengundi dan mana-mana pengaturan kontrak yang lain sama ada dipertimbangkan secara individu atau dalam kombinasi) yang melibatkan potensi hak mengundi.

Anak-anak syarikat disatukan dengan menggunakan kaedah pembelian perakaunan. Di bawah kaedah pembelian perakaunan, anak-anak syarikat disatukan sepenuhnya dari tarikh bila mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan tidak lagi disatukan dari tarikh kawalan tersebut berhenti. Kos pengambilalihan diukur sebagai nilai saksama aset-aset diberikan, instrumen-instrumen ekuiti diterbitkan dan liabiliti yang ditanggung atau diandaikan pada tarikh pertukaran, campur kos secara langsung boleh dikaitkan kepada pengambilalihan. Aset-aset dikenal pasti diambil alih dan liabiliti dan liabiliti kontigen yang dipikul dalam kombinasi perniagaan diukur pada awalnya pada nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira tahap mana-mana kepentingan minoriti. Lebihan daripada kos pengambilalihan ke atas nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset bersih boleh dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan ditunjukkan sebagai muhibah - Lihat polisi perakaunan 3. Sekiranya kos pengambilalihan kurang daripada nilai saksama aset bersih anak syarikat diambil alih, perbezaan diiktiraf secara langsung dalam penyata pendapatan.

Di mana lebih daripada satu urus niaga pertukaran terlibat, sebarang pelarasan kepada nilai saksama aset, liabiliti dan liabiliti kontigen anak syarikat yang dikenal pasti berkaitan dengan kepentingan Kumpulan dipegang sebelum ini diakaunkan sebagai penilaian semula.

Kepentingan minoriti mewakili bahagian keuntungan atau kerugian dan aset bersih anak syarikat boleh dikaitkan kepada kepentingan ekuiti yang tidak dimiliki, secara langsung atau tidak langsung melalui anak-anak syarikat, oleh Syarikat. Ia diukur pada bahagian minoriti daripada nilai saksama aset dan liabiliti boleh dikenal pasti anak-anak syarikat pada tarikh pengambilalihan dan bahagian minoriti dalam ekuiti anak-anak syarikat sejak tarikh tersebut.

Semua urus niaga antara syarikat, baki dan laba tidak direalis atas urus niaga antara syarikat-syarikat kumpulan dihapus kira. Kerugian tidak direalis juga dihapus kira tetapi dianggap sebagai petunjuk kerosotan aset dipindahkan. Di mana perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan anak-anak syarikat untuk memastikan konsistensi polisi-polisi perakaunan dengan polisi-polisi Kumpulan.

Laba atau kerugian atas pelupusan anak syarikat, yang adalah perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan bahagian Kumpulan daripada aset-aset bersihnya pada tarikh pelupusan, termasuk jumlah terkumpul mana-mana perbezaan pertukaran yang berkait dengan anak syarikat, diiktiraf dalam penyata pendapatan disatukan.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

2. ENTITI EKONOMI DALAM KUMPULAN (samb.)

(a) Anak-anak syarikat (samb.)

Dalam tahun kewangan, Kumpulan telah menukar polisi perakaunannya untuk menyatukan entiti dalam mana Kumpulan melaksanakan kawalan de facto dari tarikh bila mana Kumpulan memperoleh kawalan de facto ke atas entiti. Kawalan de facto timbul apabila entiti memiliki kurang daripada setengah saham-saham undian dalam entiti yang lain, tetapi dianggap mempunyai kawalan memandangkan baki pemegangan saham yang disebarluaskan dan pemegang-pemegang saham lain tidak mengatur kepentingan mereka mengikut cara yang sedemikian di mana mereka boleh melaksanakan lebih banyak undi daripada entiti.

Akibat daripada penukaran dalam polisi perakaunan untuk menyatukan entiti dalam mana Kumpulan melaksanakan kawalan de facto, IJM Plantations Berhad, yang sebelum ini telah diakaukan sebagai sebuah syarikat bersekutu Kumpulan, disatukan sebagai sebuah anak syarikat selaras dengan kewujudan kawalan de facto yang berkuat kuasa dari 30 Jun 2003. Dalam menilai kewujudan kawalan de facto, para Pengarah mempertimbangkan pemegangan saham yang tersebar dalam IJM Plantations Berhad dan memutuskan bahawa Kumpulan melaksanakan kawalan de facto ke atas IJM Plantations Berhad berkuat kuasa dari 30 Jun 2003.

Selaras dengan itu, IJM Plantations Berhad disatukan sebagai anak syarikat berkuat kuasa dari 30 Jun 2003 dan penyata perbandingan pendapatan, kunci kira-kira, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan telah dinyatakan semula (Rujuk Nota 47 kepada penyata kewangan).

(b) Urus niaga dengan kepentingan minoriti

Bagi pembelian saham ekuiti anak syarikat daripada kepentingan minoriti bagi balasan tunai dan harga pembelian diwujudkan pada nilai saksama, peningkatan kepentingan Kumpulan dalam anak syarikat dianggap sebagai pembelian kepentingan ekuiti di bawah kaedah pengambilalihan perakaunan. Aset dan liabiliti boleh dikenal pasti diambil alih diselaraskan kepada nilai saksamanya, dengan perbezaan terhasil dikaitkan kepada muhibah atau muhibah negatif. Pelupusan saham-saham ekuiti kepada kepentingan minoriti bagi balasan tunai dan nilai saksama menyebabkan laba dan kerugian bagi Kumpulan dan direkodkan dalam penyata pendapatan. Laba atau kerugian adalah perbezaan antara bahagian aset bersih Kumpulan sebelum dan sebaik sahaja selepas pelupusan dan bahagian muhibah yang sepatutnya dikenakan cukai direalisir.

Bagi pembelian atau pelupusan daripada kepentingan minoriti bagi balasan selain daripada tunai dan bukan pada nilai saksama, peningkatan atau kecairan kepentingan Kumpulan dianggap sebagai urus niaga ekuiti antara anak syarikat dan pemegang-pemegang sahamnya. Perbezaan antara bahagian aset bersih Kumpulan sebaik sahaja sebelum dan sebaik sahaja selepas perubahan dalam kepentingan dan sebarang balasan diterima atau dibayar diselaraskan kepada atau terhadap rizab Kumpulan.

Semua perubahan lain dalam pegangan dan perubahan dalam komposisi Kumpulan dianggap sebagai urusniaga ekuiti antara Kumpulan dan pemegang-pemegang saham majoriti dan minoritinya. Perbezaan antara bahagian Kumpulan daripada aset bersih sebelum dan selepas perubahan, dan sebarang balasan diterima atau dibayar diselaraskan terhadap rizab Kumpulan.

(c) Syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu adalah syarikat, perkongsian atau lain-lain entiti dalam mana Kumpulan melaksanakan pengaruh penting, tetapi ia tidak kawal, pada amnya mengiringi pemegangan saham antara 20% dan 50% daripada hak mengundi. Pengaruh penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan polisi kewangan dan kendalian syarikat-syarikat bersekutu tetapi bukan kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas polisi-polisi tersebut.

Bahagian Kumpulan daripada keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan syarikat-syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata pendapatan, dan bahagian daripada pergerakan selepas pengambilalihannya dalam rizab diiktiraf dalam rizab. Pergerakan selepas pengambilalihan terkumpul diselaraskan terhadap amaun dibawa pelaburan. Di mana bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersatu menyamai atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu, termasuk mana-mana penghutang tidak bercagar yang lain, kepentingan Kumpulan dikurangkan kepada sifar dan pengiktirafan kerugian selanjutnya tidak diteruskan kecuali sehingga tahap yang Kumpulan telah menanggung obligasi undang-undang atau konstruktif atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Laba tidak direalisir atas urus niaga antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutunya dihapus kira melainkan urus niaga memberi bukti kerosotan aset dipindahkan. Di mana perlu, dalam menggunakan kaedah ekuiti, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu untuk memastikan konsistensi polisi-polisi perakaunan dengan polisi-polisi perakaunan Kumpulan. Kecairan laba dan kerugian dalam syarikat-syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Bagi kepentingan yang bertambah dalam syarikat bersekutu, tarikh pengambilalihan adalah tarikh pembelian pada setiap peringkat dan muhibah dikira pada setiap tarikh pembelian berdasarkan nilai saksama aset dan liabiliti dikenal pasti. Tidak ada "peningkatan kepada nilai saksama ("step up to fair value") aset bersih kepentingan yang diambil alih sebelum ini dan bahagian keuntungan dan pergerakan ekuiti bagi kepentingan diambil alih sebelum ini direkodkan secara langsung melalui ekuiti.

2. ENTITI EKONOMI DALAM KUMPULAN (samb.)

(d) Entiti Kawalan Bersama

Entiti kawalan bersama adalah syarikat, perkongsian, atau lain-lain entiti ke atas mana terdapat perkongsian kawalan yang dipersetujui secara kontrak oleh Kumpulan dengan satu atau lebih pihak di mana keputusan kewangan dan kendalian strategik berkaitan dengan entiti memerlukan kebenaran serentak pihak-pihak yang berkongsi kawalan.

Kepentingan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama diakaunkan dalam penyata kewangan disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan bahagian Kumpulan daripada keputusan selepas pengambilalihan entiti kawalan bersama dalam penyata pendapatan dan bahagian pergerakan rizab selepas pengambilalihannya dalam rizab. Pergerakan selepas pengambilalihan terkumpul diselaraskan terhadap kos pelaburan dan termasuk muhibah atas pengambilalihan (bersih daripada kerugian kerosotan terkumpul).

Laba tidak direalis atas urus niaga antara Kumpulan dan entiti kawalan bersamanya dihapus kira sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama; kerugian tidak direalis juga dihapus kira melainkan urus niaga menunjukkan bukti kerosotan aset dipindahkan.

Kumpulan mengiktiraf bahagian laba atau kerugian atas jualan aset oleh Kumpulan kepada usaha niaga yang boleh dikaitkan kepada lain-lain syarikat usaha niaga. Kumpulan tidak mengiktiraf bahagian keuntungan atau kerugiannya daripada usaha niaga yang berpunca daripada pembelian aset oleh Kumpulan daripada usaha niaga sehingga ia menjual semula asetnya kepada pihak bebas. Walau bagaimanapun, kerugian atas urus niaga diiktiraf dengan serta-merta sekiranya kerugian menunjukkan bukti mengenai pengurangan dalam nilai boleh direalis bersih aset semasa atau kerugian kerosotan.

Di mana perlu, pelarasian telah dibuat kepada penyata kewangan entiti kawalan bersama untuk memastikan konsistensi polisi-polisi perakaunan dengan polisi-polisi perakaunan Kumpulan.

3. MUHIBAH

Muhibah mewakili lebihan daripada kos pengambilalihan anak-anak syarikat, entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu ke atas nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset bersih boleh dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan.

Muhibah atas pengambilalihan anak-anak syarikat dimasukkan dalam kunci kira-kira sebagai aset tidak ketara. Muhibah diuji setiap tahun bagi kerosotan dan dinyatakan pada kos tolak kerugian kerosotan terkumpul. Kerugian kerosotan atas muhibah tidak diterbalikkan. Laba dan kerugian atas pelupusan entiti termasuk amaun dibawa muhibah berkaitan dengan entiti terjual.

Muhibah diperuntukkan kepada unit penghasilan tunai bagi tujuan pengujian kerosotan. Peruntukan dibuat kepada unit penghasilan tunai tersebut atau kumpulan unit penghasilan tunai yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi kombinasi perniagaan dalam mana muhibah timbul. Kumpulan memperuntukkan muhibah kepada setiap segmen perniagaan dalam setiap negara dalam mana ia beroperasi. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan aset.

Muhibah atas pengambilalihan entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu dimasukkan masing-masing dalam pelaburan dalam entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu. Muhibah sedemikian diuji bagi kerosotan sebagai sebahagian daripada baki keseluruhan.

4. PELABURAN

Pelaburan dalam anak-anak syarikat, entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu ditunjukkan pada kos. Di mana petunjuk kerosotan wujud, amaun dibawa pelaburan dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehi semulanya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan aset.

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos, melainkan pada pendapat para Pengarah, terdapat pengurangan selain daripada yang bersifat sementara dalam nilai pelaburan sedemikian. Di mana terdapat pengurangan selain daripada yang bersifat sementara dalam nilai pelaburan, pengurangan sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana pengurangan dikenal pasti.

Pelaburan jangka pendek dalam sekuriti boleh pasar dinyatakan pada kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah, ditentukan atas dasar portfolio agregat. Kos diperolehi atas dasar purata wajaran. Nilai pasaran dikira dengan merujuk kepada harga jualan disebut pada bursa saham pada penutupan perniagaan pada tarikh kunci kira-kira. Peningkatan/pengurangan dalam nilai dibawa sekuriti boleh pasar dikreditkan/dicaj kepada penyata pendapatan. Atas pelupusan pelaburan, perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan nilai dibawanya dicaj atau dikreditkan kepada penyata pendapatan.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

5. MATA WANG ASING

(a) Mata wang kefungsian dan pembentangan

Perkara termasuk dalam penyata kewangan setiap entiti Kumpulan dikira dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi primer dalam mana entiti beroperasi ("mata wang kefungsian"). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang adalah mata wang kefungsian dan pembentangan Syarikat.

(b) Urus niaga dan baki

Urus niaga mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang kefungsian dengan menggunakan kadar pertukaran sedia ada pada tarikh urus niaga. Laba dan kerugian pertukaran asing berpunca daripada penyelesaian urus niaga sedemikian dan daripada terjemahan pada kadar pertukaran akhir tahun aset dan liabiliti monetari didenominasikan dalam mata wang asing diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(c) Syarikat-syarikat Kumpulan

Keputusan dan kedudukan kewangan semua entiti kumpulan (tidak ada satu pun yang mempunyai mata wang mengikut ekonomi hiperinflasi) yang mempunyai mata wang kefungsian berbeza daripada mata wang pembentangan diterjemahkan kepada mata wang pembentangan seperti berikut:

- Aset dan liabiliti bagi setiap kunci kira-kira dibentangkan diterjemahkan pada kadar penutupan pada tarikh kunci kira-kira;
- Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata pendapatan diterjemahkan pada purata kadar pertukaran (melainkan purata ini bukan merupakan anggaran munasabah kesan terkumpul ke atas kadar sedia ada pada tarikh urus niaga, dalam hal mana pendapatan dan perbelanjaan diterjemahkan pada kadar pada tarikh urus niaga); dan
- Semua perbezaan pertukaran terhasil diiktiraf sebagai komponen ekuiti berasingan.

Atas penyatuhan, perbezaan pertukaran timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam operasi asing dimasukkan ke ekuiti pemegang-pemegang saham. Apabila operasi asing dilupuskan atau dijual sebahagiannya, perbezaan pertukaran yang telah direkodkan dalam ekuiti diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai sebahagian daripada laba atau kerugian atas pelupusan.

Pelarasan muhibah dan nilai saksama timbul atas pengambilalihan entiti asing dianggap sebagai aset dan liabiliti entiti asing diterjemahkan pada kadar penutup pada tarikh kunci kira-kira.

6. HARTA, LOJI DAN PERALATAN DAN SUSUT NILAI

Semua harta, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau pada penilaian tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan terkumpul kecuali bagi tanah pegangan kekal dan modal kerja dalam pelaksanaan yang tidak disusutnilaikan. Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan memandangkan ia mempunyai hayat yang tidak terbatas. Susut nilai ke atas modal kerja dalam pelaksanaan bermula apabila aset sedia bagi kegunaannya yang dihasratkan.

Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung boleh dikaitkan kepada pembelian aset. Kos berikutnya termasuk amaun dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, sebagaimana sesuai, hanya apabila ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan dengan perkara akan mengalir kepada Kumpulan dan kos perkara boleh dikira dengan agak tepat. Amaun dibawa bahagian diganti tidak lagi diiktiraf. Semua pembaikian dan penyelenggaraan yang lain dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh kewangan dalam mana ia ditanggung.

Kumpulan melunaskan semua tanah pegangan pajak dalam ansuran sama rata berdasarkan tempoh pajakan. Lain-lain harta, loji dan peralatan disusutnilaikan atas dasar garisan lurus untuk menghapus kira kos aset, atau amaun dinilai semulanya, kepada nilai bakinya sepanjang anggaran hayat bergunanya. Kadar tahunan susut nilai adalah:

| | | |
|---|---------|-------|
| Tanah pegangan pajak | 0.1 ke | 2.5% |
| Bangunan | 2 ke | 20% |
| Loji, mesin dan peralatan | 5 ke | 20% |
| Peralatan, perabot dan pepasangan pejabat | 5 ke | 33.3% |
| Ubahsuaian pejabat | 10 ke | 20% |
| Kenderaan bermotor | 12.5 ke | 25% |
| Perbelanjaan pembangunan infrastruktur ladang | | 2% |

Lebihan timbul atas penilaian semula dikreditkan kepada rizab penilaian semula. Sebarang defisit timbul daripada penilaian semula dicaj terhadap rizab penilaian semula sehingga tahap lebihan sebelum ini dipegang dalam rizab penilaian semula bagi aset yang sama. Dalam semua hal lain, pengurangan dalam nilai dibawa dicaj kepada penyata pendapatan.

6. HARTA, LOJI DAN PERALATAN DAN SUSUT NILAI (samb.)

Para pengarah telah menggunakan peruntukan-peruntukan peralihan Piawaian-piawaian Perakaunan Antarabangsa ("IAS") 16 "Harta, Loji dan Peralatan", yang telah diterima pakai oleh MASB, yang membolehkan aset-aset untuk dinyatakan pada jumlah dinilai semula terakhirnya tolak susut nilai. Selaras dengan itu, penilaian ini tidak dikemaskinikan.

Nilai baki dan hayat berguna harta, loji dan peralatan disemak semula, dan diselaraskan sebagaimana sesuai, pada setiap tarikh kunci kira-kira. Kesan-sesan ke atas mana-mana semakan daripada nilai baki dan hayat berguna dimasukkan dalam penyata pendapatan bagi tahun kewangan dalam mana perubahan timbul.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk kerosotan. Di mana petunjuk kerosotan wujud, nilai dibawa aset dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehi semulanya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan aset.

Laba dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan amaun dibawa dan dimasukkan dalam penyata pendapatan. Atas pelupusan aset-aset dinilai semula, jumlah dalam rizab penilaian semula berkaitan dengan aset-aset tersebut dipindahkan kepada perolehan tertahan.

7. HARTA PELABURAN

Harta pelaburan terdiri terutamanya daripada tanah dan bangunan yang dipegang untuk kadar hasil sewa jangka panjang atau peningkatan modal atau kedua-duanya, dan tidak didiami oleh Kumpulan. Harta pelaburan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan terkumpul.

Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan memandangkan ia mempunyai hayat yang tidak terbatas.

Susut nilai ke atas bangunan dikira untuk menghapus kira kos aset atas dasar garisan lurus sepanjang anggaran hayat bergunanya. Kadar susut nilai tahunan bagi Bangunan adalah 2%.

Atas pelupusan harta pelaburan, atau apabila ia secara kekal tidak digunakan lagi dan tidak ada manfaat ekonomi dijangka daripada pelupusannya, ia tidak lagi akan diiktiraf. Perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan amaun dibawa diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh persaraan atau pelupusan.

8. ASET KONSESI

Aset konsesi dikira pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian kerosotan terkumpul. Kos mewakili kos pembinaan (termasuklah kos pembinaan semula, peluasan dan pemulihan) aset konsesi.

Di mana Kumpulan menyediakan perkhidmatan pembinaan dalam pertukaran bagi aset konsesi, hasil dan keuntungan berkaitan dengan perkhidmatan pembinaan diiktiraf selaras dengan polisi perakaunan 9(a) mengenai pengiktirafan hasil dan keuntungan bagi kontrak pembinaan di bawah.

Selepas selesai kerja-kerja pembinaan dan permulaan operasi tol jalan raya, aset konsesi dilunaskan sepanjang tempoh konsesi berdasarkan formula yang berikut:

$$\frac{\text{Volum trafik terkumpul sehingga kini}}{\text{Volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi}} \times \text{Kos aset konsesi}$$

Volum trafik keseluruhan yang diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi ditentukan melalui tinjauan trafik yang dijalankan pada setiap tahun oleh firma perunding trafik bebas.

Semua faedah dan yuran ditanggung dalam tempoh pembinaan dipermodalkan dalam kos aset konsesi yang sebaliknya dilunaskan kepada penyata pendapatan selaras dengan formula di atas. Faedah dan yuran ditanggung selepas penyiapan kerja pembinaan dicaj kepada penyata pendapatan.

9. PENGIKTIRAFAN HASIL DAN KEUNTUNGAN

Hasil terdiri daripada nilai saksama balasan diterima atau boleh diterima bagi jualan barang dan perkhidmatan dalam perjalanan biasa kegiatan Kumpulan. Hasil ditunjukkan selepas ini tolak cukai dan diskauan jualan dan selepas menghapus kira jualan dalam Kumpulan.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

9. PENGIFTIRAFAN HASIL DAN KEUNTUNGAN (samb.)

Kumpulan mengiktiraf hasil apabila jumlah hasil boleh dikira dengan agak tepat, ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan akan mengalir kepada entiti dan kriteria khusus telah dipenuhi bagi setiap kegiatan Kumpulan sebagaimana dinyatakan di bawah. Jumlah hasil tidak dianggap sebagai boleh dikira dengan agak tepat sehingga semua kontigensi berkaitan dengan jualan telah diselesaikan. Kumpulan membuat anggaran-anggarannya berdasarkan sejarah keputusan, mengambil kira jenis pelanggan, jenis urus niaga dan perkara-perkara khusus bagi setiap pengaturan.

(a) Kontrak Pembinaan

Kontrak pembinaan adalah kontrak yang secara khususnya dirundingkan bagi pembinaan aset atau kombinasi aset yang saling berkait rapat atau saling bergantung dari segi reka bentuk, teknologi dan fungsinya atau tujuan atau kegunaan utamanya.

Apabila keputusan kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan agak tepat, hasil kontrak dan kos kontrak masing-masing diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan dengan merujuk kepada peringkat siap kegiatan kontrak pada tarikh kunci kira-kira. Peringkat siap kontrak pembinaan ditentukan berdasarkan perkadaran yang kos kontrak ditanggung bagi kerja yang dilaksanakan sehingga kini tanggung berbanding anggaran jumlah kos bagi kontrak. Kos ditanggung dalam tahun kewangan berhubung dengan kegiatan masa hadapan ke atas kontrak dikecualikan daripada kos ditanggung sehingga kini apabila menentukan peringkat siap kontrak. Kos sedemikian ditunjukkan sebagai jumlah terutang daripada/(kepada) pelanggan ke atas kontrak pembinaan dalam penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang pada kunci kira-kira melainkan ia tidak berkemungkinan bahawa kos kontrak sedemikian boleh diperolehi semula daripada pelanggan-pelanggannya, dalam hal mana kos sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Apabila keputusan kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan agak tepat, hasil kontrak diiktiraf hanya sehingga tahap kos kontrak ditanggung yang berkemungkinan dapat diperolehi semula.

Di mana ianya berkemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi hasil kontrak, kerugian dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dengan serta-merta.

Hasil kontrak terdiri daripada jumlah awal hasil yang dipersetujui dalam kontrak dan variasi dalam kerja kontrak dan tuntutan yang boleh dikira dengan agak tepat. Variasi atau tuntutan hanya termasuk dalam hasil kontrak apabila ia berkemungkinan bahawa pelanggan akan meluluskan variasi atau perundingan telah mencapai peringkat lanjut hingga ia berkemungkinan bahawa pelanggan akan menerima tuntutan.

(b) Kegiatan Pembangunan Harta

Di mana keputusan kegiatan pembangunan boleh dianggar dengan agak tepat dan jualan unit harta pembangunan dilaksanakan, hasil dan kos pembangunan harta masing-masing diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan melalui rujukan kepada peringkat siap kegiatan pembangunan pada tarikh kunci kira-kira. Peringkat siap ditentukan berdasarkan perkadaran yang kos pembangunan harta ditanggung sehingga kini berbanding dengan anggaran jumlah kos bagi pembangunan harta.

Apabila keputusan kegiatan pembangunan tidak boleh dianggarkan dengan agak tepat, hasil pembangunan harta diiktiraf hanya sehingga tahap kos pembangunan harta ditanggung yang berkemungkinan boleh diperolehi dan kos pembangunan harta ke atas unit-unit pembangunan dijual diiktiraf apabila ditanggung.

Di mana ianya berkemungkinan bahawa jumlah kos pembangunan harta akan melebihi jumlah hasil pembangunan harta, kerugian dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana kerugian dikenal pasti.

(c) Jualan Barang

Jualan diiktiraf semasa penghantaran produk dan penerimaan pelanggan, dan pelaksanaan perkhidmatan selepas jualan, sekiranya ada, tolak cukai dan diskau jualan dan selepas menghapus kira jualan dalam Kumpulan.

(d) Hasil Konsensi Tol

Hasil konsesi tol daripada operasi jalan bertol diiktiraf bila dan apabila perkhidmatan dilaksanakan.

(e) Lain-lain Hasil

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran dibuktikan.

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar perkadaran masa, dengan mengambil kira jumlah pokok belum dijelas dan kadar berkesan sepanjang tempoh sehingga matang, melainkan kebolehan dikutip adalah meragukan, dalam hal mana diiktiraf atas penerimaan tunai.

10. PERMODALAN KOS KEWANGAN

Kos pinjaman ditanggung ke atas pinjaman yang dikaitkan secara langsung dengan kegiatan pembangunan harta dan kontrak pembinaan sehingga siap dipermodalkan dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos kontrak pembangunan.

Kos pinjaman ditanggung ke atas pinjaman untuk membiayai pembinaan aset konsesi dan harta, loji dan peralatan konsesi dalam tempoh yang ia dikehendaki untuk menyiapkan dan menyediakan aset untuk kegunaan dihasilkannya dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset.

Semua kos pinjaman lain dicaj kepada penyata pendapatan.

11. TANAH DİPEGANG BAGI PEMBANGUNAN HARTA DAN KOS PEMBANGUNAN HARTA

Tanah dipegang untuk pembangunan harta terdiri daripada tanah yang dipegang bagi pembangunan masa hadapan di mana tidak ada pembangunan penting telah dilaksanakan atau di mana kegiatan pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran kendalian biasa. Tanah sedemikian dikelaskan sebagai aset bukan semasa dan dinyatakan pada kos atau pada penilaian tolak kerugian kerosotan terkumpul. Tanah dipegang bagi pembangunan harta dipindahkan kepada kos pembangunan harta (di bawah aset semasa) apabila kegiatan pembangunan telah bermula dan pembangunan dijangka akan disiapkan dalam kitaran kendalian biasa.

Kos dikaitkan dengan pembelian tanah termasuk harga pembelian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan lain-lain cukai berkaitan. Di mana Kumpulan sebelum ini telah merekodkan tanah pada jumlah dinilai semula, ia terus mengelakkan jumlah ini sebagai kos pemangkuan sebagaimana dibenarkan oleh FRS201²⁰⁰⁴ ke atas Kegiatan Pembangunan Harta. Di mana petunjuk kerosotan wujud, jumlah penyimpanan aset dinilai dan dikurang nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehnya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan aset.

Kos pembangunan harta terdiri daripada kos berkaitan dengan pembelian tanah dan semua kos boleh dikaitkan secara langsung kepada kegiatan pembangunan atau yang boleh diperuntukkan atas dasar munasabah kepada kegiatan ini.

Kos pembangunan harta yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos termasuk kos tanah, semua kos bangunan langsung, dan lain-lain perbelanjaan pembangunan berkaitan, termasuk perbelanjaan faedah ditanggung dalam tempoh pembangunan aktif.

Di mana hasil diiktiraf dalam penyata pendapatan melebihi bil-bil dikeluarkan kepada pembeli-pembeli, baki ditunjukkan sebagai bil terakru di bawah penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang (dalam aset semasa). Di mana bil melebihi hasil diiktiraf dalam penyata pendapatan, baki ditunjukkan sebagai bil progres di bawah pemutang perdagangan dan lain-lain pemutang (dalam liabiliti semasa).

Di mana berkenaan, nilai saksama tanah pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan sebagai mengantikan kos.

12. INVENTORI

(a) Bangunan Siap

Unit harta pembangunan yang disiapkan dan dipegang untuk jualan dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos terdiri daripada perkadaruan kos tanah dan perbelanjaan pembangunan dan pembinaan berkaitan.

(b) Barang Siap, Produk Kuari, Bahan Mentah, Bahan Pembinaan, Semaian Pokok Sawit, Simpanan dan Alat Ganti

Inventori dinilai pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos ditentukan atas dasar purata wajaran. Kos bahan mentah, semaian pokok sawit, simpanan dan alat ganti terdiri daripada kos asal pembelian campur kos membawa masuk inventori ke lokasi semasanya dan bagi barang siap dan produk kuari, ia terdiri daripada bahan-bahan langsung, buruh langsung, caj langsung dan overhead pengeluaran.

Nilai boleh direalis bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, tolak kos penyiapan dan perbelanjaan jualan berubah terpakai.

13. JUMLAH TERHUTANG DARIPADA/(KEPADA) PELANGGAN-PELANGGAN ATAS KONTRAK PEMBINAAN

Di mana jumlah kos kontrak pembinaan ditanggung campur keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf) melebihi bil-bil progres, baki bersih ditunjukkan sebagai jumlah terhutang daripada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang. Di mana bil progres melebihi jumlah kos kontrak pembinaan ditanggung dan keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf), baki bersih ditunjukkan sebagai jumlah terhutang kepada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah pemutang perdagangan dan lain-lain pemutang.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

14. PENGHUTANG PERDAGANGAN

Penghutang perdagangan termasuklah wang tahanan yang ditahan oleh prinsipal. Hutang lapuk diketahui dihapus kira dan peruntukan dibuat apabila terdapat bukti objektif bahawa Kumpulan tidak akan dapat mengutip semua jumlah yang terhutang mengikut terma-terma asal penghutang.

15. PAJAKAN

(a) Perakaunan sebagai Pemajak

Pajakan kewangan

Pajakan harta, loji dan peralatan di mana Kumpulan mengambil alih sebahagian besar semua faedah dan risiko pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Pajakan kewangan dipermodalkan pada nilai saksama aset dipajak atau anggaran nilai semasa bayaran pajakan mendasari pada tarikh permulaan yang mana lebih rendah. Setiap bayaran pajakan diperuntukkan antara liabiliti dan caj kewangan untuk mencapai kadar seimbang ke atas jumlah pokok pajakan belum dijelas. Obligasi sewa sepadan, selepas ditolak caj kewangan, dimasukkan dalam pinjaman. Elemen faedah caj kewangan dicajkan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang seimbang ke atas baki liabiliti selebihnya bagi setiap tempoh.

Harta, loji dan peralatan dibeli di bawah kontrak pajakan kewangan disusunnilaikan ke atas hayat berguna aset. Sekiranya tidak ada kepastian yang munasabah bahawa pemilikan akan dipindahkan kepada Kumpulan, aset disusunnilakan ke atas tempoh pajakan dan hayat bergunanya yang mana lebih pendek.

Pajakan kendalian

Pajakan aset di mana sebahagian penting daripada risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan oleh pemberi pajakan dikelaskan sebagai pajakan kendalian. Pembayaran dibuat di bawah pajakan kendalian dicaj kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan.

(b) Perakaunan sebagai Pemberi Pajakan

Pajakan kewangan

Pajakan aset di mana pemajak mengambil alih sebahagian besar daripada semua faedah dan risiko pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Apabila aset dipajak di bawah pajakan kewangan, nilai semasa bayaran pajakan diiktiraf sebagai penghutang. Perbezaan antara penghutang kasar dan nilai semasa penghutang diiktiraf sebagai pendapatan pembiayaan tidak terperoleh. Pendapatan pajakan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan menggunakan kaedah pelaburan bersih untuk menunjukkan kadar berkala faedah yang seimbang ke atas baki belum dijelas.

Pajakan kendalian

Aset dipajak di bawah pajakan kendalian dimasukkan dalam harta, loji dan peralatan dalam kunci kira-kira. Ia disusunnilaikan sepanjang anggaran hayat berguna atas asas-asas yang seimbang dengan harta, loji dan peralatan serupa yang dimiliki. Pendapatan sewa (tolak mana-mana insentif diberikan kepada pemajak) diiktiraf atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajakan.

16. PEMBANGUNAN KUARI

Perbelanjaan ditanggung ke atas pembangunan permukaan kuari dipermodalkan dan dihapus kira berdasarkan volum pengeluaran sebenar ke atas anggaran rizab tersedia daripada permukaan kuari yang dibangunkan.

Di mana petunjuk kerosotan wujud, nilai dibawa ke atas aset dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta merta kepada jumlah boleh diperolehi semulanya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan aset.

17. LESEN

Perbelanjaan ke atas lesen yang diperolehi dipermodalkan dan dilunaskan dengan menggunakan kaedah garisan lurus sepanjang anggaran hayat bergunanya selama 20 tahun.

18. PINJAMAN

Pinjaman pada mulanya diiktiraf berdasarkan perolehan diterima, selepas ditolak kos urusniaga ditanggung. Dalam tempoh-tempoh berikutnya, pinjaman dinyatakan pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah hasil berkesan; sebarang perbezaan antara perolehan (selepas ditolak kos urusniaga) dan nilai penebusan diiktiraf dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pinjaman.

Pinjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti bagi tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan pada tarikh kira-kira.

19. CUKAI PENDAPATAN

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan selaras dengan undang-undang cukai setiap bidang kuasa dalam mana Kumpulan beroperasi dan termasuk semua cukai berdasarkan keuntungan boleh dicukai, termasuk cukai penahanan perlu dibayar oleh anak syarikat asing, syarikat bersekutu atau entiti kawalan bersama ke atas pengagihan perolehan tertahan kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan, dan cukai laba harta tanah perlu dibayar atas pelupusan harta.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya, dengan menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara pada tarikh kunci kira-kira antara asas cukai aset dan liabiliti dan jumlah dibawanya dalam penyata kewangan. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap mana perbezaan sementara boleh ditolak atau kerugian cukai tidak diguna boleh digunakan.

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan pada masa urusniaga, tidak menjelaskan keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda diiktiraf atas perbezaan sementara timbul atas pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama kecuali di mana pemasaan keterbalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan ia berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan terbalik pada masa hadapan boleh dijangka.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai kepada tempoh di mana aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh kunci kira-kira.

Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ia timbul daripada urusniaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, dalam hal mana cukai tertunda juga dicaj atau dikreditkan secara langsung kepada ekuiti, atau apabila ia timbul daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan, dalam hal mana cukai tertunda dimasukkan dalam muhibah terhasil.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diseimbangkan apabila syarikat mempunyai hak boleh dikuatkuasakan yang sah untuk diseimbangkan dan berhasrat untuk menyelesaikan atas dasar bersih atau untuk merealis aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

20. MANFAAT KAKITANGAN

(a) Manfaat Jangka Pendek Kakitangan

Kumpulan mengiktiraf liabiliti dan perbelanjaan bagi bonus berdasarkan formula yang mengambil kira keuntungan boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat selepas pelarasan tertentu. Kumpulan mengiktiraf peruntukan di mana terdapat obligasi kontrak atau di mana terdapat amalan yang lepas yang telah membentuk obligasi konstruktif.

Upah, gaji, bonus dan manfaat bukan monetari diakrukan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan-kakitangan Kumpulan.

(b) Manfaat Selepas Perkhidmatan

Kumpulan mempunyai beberapa skim manfaat selepas perkhidmatan selaras dengan syarat-syarat dan amalan-amalan tempatan dalam negara di mana ia beroperasi. Manfaat ini adalah sama ada pelan caruman dinyatakan atau pelan manfaat dinyatakan.

Pelan caruman dinyatakan adalah pelan pencecutan di bawah mana Kumpulan membayar caruman tetap kepada entiti berasingan (dana) dan tidak akan mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya sekiranya dana tidak mempunyai aset-aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tempoh-tempoh semasa dan terdahulu. Pelan caruman dinyatakan adalah pelan pencecutan yang mentakrifkan jumlah manfaat pencecutan yang akan diperuntukkan, pada kebiasaan sebagai fungsi salah satu atau lebih faktor seperti umur, tahun perkhidmatan atau pampasan.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

20. MANFAAT KAKITANGAN (samb.)

(b) Manfaat Selepas Perkhidmatan (samb.)

(i) Pelan Caruman Dinyatakan

Caruman Kumpulan kepada pelan caruman dinyatakan dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh kepada mana ia berkait. Sebaik sahaja caruman telah dibuat, Kumpulan tidak mempunyai obligasi bayaran selanjutnya. Caruman prabayar diiktiraf sebagai aset sehingga tahap yang bayaran balik tunai atau pengurangan dalam bayaran masa hadapan tersedia. (Sebagaimana diperlukan oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada skim pencegah negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), pelan caruman dinyatakan).

(ii) Pelan Manfaat Dinyatakan

Syarikat dan anak-anak syarikat tertentu yang mengambil bahagian dalam Skim Persaraan IJM, yang merupakan skim manfaat dinyatakan diluluskan di bawah Seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967. Manfaat perlu dibayar atas persaraan berdasarkan tempoh perkhidmatan dan purata gaji asas sepanjang tempoh perkhidmatan lima tahun yang lepas.

Pada 26 September 2006, Pemegang Amanah telah memaklumkan ahli-ahli dan kakitangan-kakitangan bahawa Pemegang Amanah telah disampaikan notis enam (6) bulan oleh Syarikat selaras dengan Peraturan 9.1 Peraturan-peraturan Skim kepada Surat Ikatan Amanah bertarikh 9 Jun 1997 mengenai hasratnya untuk menamatkan Skim berkuat kuasa dari 1 Januari 2007.

Syarikat telah memaklumkan Pemegang Amanah bahawa:

- (a) obligasi majikan untuk menyumbang kepada Skim akan berhenti berkuat kuasa dari 1 Januari 2007;
- (b) Syarikat telah merumuskan bahawa Skim akan ditutup kepada kakitangan yang diambil pada atau selepas 11 November 2005, berkuat kuasa pada tarikh yang sama;
- (c) Skim akan ditamatkan dan aset-aset diagihkan selaras dengan terma-terma Surat Ikatan Amanah yang berkenaan;
- (d) Ia adalah hasrat Syarikat untuk menasihatkan ahli-ahli bahawa manfaat mereka akan dilindungi melalui pemindahan jumlah tertentu kepada setiap akaun masing-masing dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP").

Lebihan dalam nilai aset tersedia bagi pengagihan kepada ahli-ahli pada 31 Disember 2006, selepas pemindahan jumlah kepada akaun ahli masing-masing dengan KWSP, akan diagihkan semula kepada ahli-ahli.

Liabiliti berhubung dengan pelan caruman dinyatakan dalam tahun kewangan sebelumnya adalah nilai semasa obligasi manfaat dinyatakan pada tarikh kunci kira-kira tolak nilai saksama aset-aset pelan, bersama dengan pelarasan bagi laba/kerugian aktuari dan kos perkhidmatan yang lepas. Kumpulan menentukan nilai semasa obligasi manfaat dinyatakan dan nilai saksama aset pelan dengan ketetapan yang mencukupi agar jumlah diiktiraf dalam penyata kewangan tidak berbeza secara material daripada yang mungkin ditentukan pada tarikh kunci kira-kira. Obligasi Kumpulan berhubung dengan skim manfaat dinyatakan tersebut, dikira dengan menggunakan kaedah unit kredit diunjurkan, telah ditentukan melalui penilaian aktuari yang dinyatakan dengan ketetapan yang mencukupi oleh aktuari yang layak.

Laba dan kerugian aktuari timbul daripada pelarasan yang dialami dan perubahan dalam andaian-andaia aktuari. Jumlah laba dan kerugian aktuari bersih telah dicaj atau dikreditkan kepada penyata pendapatan sepanjang purata bagi hayat perkhidmatan kakitangan yang mengambil bahagian apabila laba dan kerugian bersih aktuari tidak diiktiraf terkumpul bagi Skim melebihi 10% daripada nilai semasa obligasi manfaat dinyatakan dan nilai saksama aset biasa yang mana lebih tinggi.

Selepas penerimaan pakai awal FRS119²⁰⁰⁴ mengenai Manfaat Kakitangan, peningkatan dalam liabiliti manfaat dinyatakan telah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh 5 tahun selaras dengan peruntukan peralihan Piawaian.

(iii) Skim manfaat dinyatakan tidak dibiayai

Sebuah anak syarikat Syarikat mengendalikan skim manfaat dinyatakan tidak dibiayai. Obligasi bersih anak syarikat berhubung dengan skim manfaat dinyatakan ditentukan dengan menganggarkan jumlah manfaat masa hadapan yang telah perolehi sebagai balasan bagi perkhidmatan mereka dalam tempoh-tempoh semasa dan terdahulu dan manfaat tersebut didiskunkan untuk menentukan nilai semasa liabiliti. Kadar diskon digunakan adalah kadar hasil pasaran pada tarikh kunci kira-kira ke atas bon korporat berkualiti tinggi atau bon kerajaan. Obligasi anak syarikat berhubung dengan skim manfaat dinyatakan tidak dibiayai, dikira dengan menggunakan kaedah kredit unit diunjurkan, ditentukan melalui penilaian aktuari dilaksanakan dengan ketetapan yang mencukupi oleh aktuari yang berkelayakan.

20. MANFAAT KAKITANGAN (samb.)

- (b) Manfaat Selepas Perkhidmatan (samb.)
- (iii) Skim manfaat dinyatakan tidak dibiayai (samb.)

Dalam mengira obligasi anak syarikat berhubung dengan skim, sehingga tahap bahawa mana-mana laba dan kerugian aktuari tidak diiktiraf terkumpul melebihi 10% daripada yang mana lebih besar nilai semasa daripada obligasi manfaat dinyatakan, bahagian tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan sepanjang purata baki hayat kerja selebihnya yang dijangka kakitangan-kakitangan yang mengambil bahagian dalam pelan. Jikalau tidak, laba atau kerugian aktuari tidak diiktiraf.

Pada akhir tahun kewangan sebelum ini, jumlah diiktiraf dalam kunci kira-kira mewakili nilai semasa obligasi manfaat dinyatakan diselaraskan bagi liabiliti dan aset peralihan tidak diiktiraf. Aset peralihan telah diiktiraf sepenuhnya dalam penyata pendapatan dalam tahun penilaian manakala liabiliti transisi telah dilaporkan sebagai perbelanjaan kepada penyata pendapatan. Skim manfaat dinyatakan tidak dibiayai telah ditamatkan pada 31 Mac 2007.

- (c) Pampasan berdasarkan saham

Kumpulan mengendalikan pelan pampasan berdasarkan saham diselesaikan mengikut ekuiti bagi kakitangan Kumpulan. Nilai saksama perkhidmatan kakitangan yang diterima sebagai pertukaran bagi pemberian opsyen saham diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh perletahakkan pemberian, dengan peningkatan sepadan dalam ekuiti.

Jumlah keseluruhan yang akan dibelanjakan sepanjang tempoh perletahakkan ditentukan dengan merujuk kepada nilai saksama opsyen saham diberikan, tidak termasuk kesan ke sebarang syarat perletahakkan bukan pasaran. Syarat-syarat perletahakkan bukan pasaran dimasukkan dalam andaian-andaian mengenai bilangan opsyen yang dijangka untuk terletak hak. Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menyemak anggaran-anggarannya mengenai bilangan opsyen saham yang dijangka akan terletak hak. Ia mengiktiraf kesan penyemakan anggaran-anggaran asal, sekiranya ada, dalam penyata pendapatan, dengan pelarasian sepadan kepada ekuiti.

Perolehan diterima, selepas ditolak mana-mana kos urus niaga boleh dikaitkan secara langsung, dikreditkan kepada modal saham (nilai nominal) dan premium saham apabila opsyen saham dilaksanakan.

21. TUNAI DAN SETARA TUNAI

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, deposit dipegang pada panggilan dengan bank, selain daripada pelaburan jangka pendek, berkecairan tinggi dengan kematangan asal tiga bulan atau kurang daripadanya, dan overdraf bank. Overdraf bank dimasukkan dalam pinjaman dalam liabiliti semasa dalam kunci kira-kira.

22. MODAL SAHAM

- (i) Klasifikasi

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

- (ii) Kos Terbitan Saham

Kos luaran boleh dikaitkan secara langsung kepada terbitan saham-saham baru ditunjukkan sebagai penolakan daripada akaun premium saham. Dalam hal lain, ia dicaj kepada penyata pendapatan apabila ditanggung.

- (iii) Dividen

Dividen ke atas saham-saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti apabila diisyiharkan. Dividen akhir dicadangkan terakru sebagai liabiliti hanya selepas kelulusan oleh pemegang-pemegang saham.

- (iv) Rizab Waran

Perolehan daripada terbitan waran, selepas ditolak daripada kos terbitan, dikreditkan kepada rizab waran yang tidak boleh diagih. Rizab waran dipindahkan kepada akaun premium saham selepas pelaksanaan waran dan rizab waran berhubung dengan waran tidak dilaksanakan pada penamatian tempoh waran akan dipindahkan kepada perolehan tertahan.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

23. INSTRUMEN KEWANGAN

(a) Instrumen Kewangan Diiktiraf pada Kunci Kira-kira

Kaedah pengiktirafan tertentu diterima pakai bagi instrumen kewangan diiktiraf pada kunci kira-kira dinyatakan dalam penyata polisi individu berkaitan dengan setiap perkara.

(b) Instrumen Kewangan Tidak Diiktiraf pada Kunci Kira-kira

Kumpulan adalah pihak kepada instrumen kewangan yang terdiri terutamanya daripada kontrak hadapan mata wang asing dan kontrak swap kadar faedah. Instrumen ini tidak diiktiraf dalam penyata kewangan pada permulaan, tetapi dinyatakan dalam nota-nota berkenaan kepada penyata kewangan.

Kontrak Mata Wang Asing Hadapan

Kumpulan memasuki kontrak hadapan mata wang asing untuk melindungi Kumpulan daripada pergerakan dalam kadar pertukaran dengan mewujudkan kadar pada mana aset atau liabiliti mata wang asing akan diselesaikan.

Laba dan kerugian pertukaran timbul atas kontrak dimasuki sebagai pelindung nilai bagi urusniaga masa hadapan dijangka ditunda sehingga tarikh urusniaga sedemikian, pada masa mana ia dimasukkan dalam pengiraan urusniaga sedemikian.

Semua laba dan kerugian pertukaran lain berkaitan dengan instrumen lindung nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh yang sama sebagai perbezaan pertukaran ke atas perkara dilindung nilai mendasari. Laba dan kerugian ke atas kontrak yang tidak lagi dipanggil sebagai pelindung nilai dimasukkan dalam penyata pendapatan.

Kontrak Swap Kadar Faedah

Kumpulan memasuki kontrak swap kadar faedah untuk melindungi Kumpulan daripada pergerakan dalam kadar faedah. Sebarang perbezaan untuk dibayar atau diterima atas kontrak swap kadar faedah diiktiraf sebagai komponen daripada pendapatan atau perbelanjaan faedah sepanjang tempoh kontrak. Laba dan kerugian pada penamatkan awal swap kadar faedah atau bayaran balik pinjaman dimasukkan kepada penyata pendapatan.

(c) Anggaran Nilai Saksama Untuk Tujuan Pendedahan

Nilai saksama derivatif dan sekuriti yang didagang secara awam adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga pada tarikh kunci kira-kira.

Nilai saksama kontrak pertukaran mata wang asing ditentukan dengan menggunakan kadar pasaran pertukaran hadapan pada tarikh kunci kira-kira. Nilai saksama kontrak swap kadar faedah dikira pada nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan.

Dalam menaksir nilai saksama derivatif dan instrumen kewangan bukan didagang, Kumpulan menggunakan pelbagai kaedah dan membuat andaian yang berdasarkan keadaan pasaran yang wujud pada setiap tarikh kunci kira-kira. Harga pasaran disebut harga atau sebut harga peniaga bagi instrumen khusus atau serupa digunakan bagi hutang jangka panjang. Lain-lain teknik dan asas, seperti nilai didiskaunkan aliran tunai masa hadapan dan asas aset bersih mendasari instrumen, digunakan untuk menentukan nilai saksama bagi instrumen kewangan selebihnya. Khususnya, nilai saksama liabiliti kewangan dianggarkan dengan mendiskaunkan aliran tunai kontrak masa hadapan pada kadar faedah pasaran semasa tersedia kepada Kumpulan bagi instrumen kewangan yang serupa.

Amaun dibawa aset kewangan dan liabiliti kewangan dengan kematangan kurang dari satu tahun diandaikan lebih kurang menyamai nilai saksamanya.

24. GERAN KERAJAAN

Geran daripada kerajaan diiktiraf pada nilai saksamanya di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran akan diterima dan Kumpulan akan mematuhi semua syarat yang ada padanya.

Geran kerajaan berkaitan dengan pembelian aset dimasukkan dalam liabiliti bukan semasa sebagai pendapatan tertunda dan dikreditkan kepada penyata pendapatan sepanjang hayat dijangka aset-aset berkaitan, atas asas-asas yang seimbang dengan susut nilai aset berkaitan.

25. KEROSOTAN ASET

Aset yang mempunyai hayat berguna yang tidak pasti tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun bagi kerosotan. Aset-aset yang tertakluk kepada pelunasan disemak bagi kerosotan apabila peristiwa-peristiwa atau perubahan-perubahan dalam keadaan-keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin boleh diperolehi semula. Kerugian kerosotan diiktiraf bagi jumlah untuk yang mana nilai dibawa melebihi jumlah boleh diperolehi semulanya. Jumlah boleh diperolehi semula adalah harga jualan bersih aset dan nilai dalam penggunaan yang mana lebih tinggi. Untuk tujuan menilai kerosotan, aset dikumpulkan pada tahap yang paling rendah untuk yang mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penghasilan tunai). Aset bukan kewangan, selain daripada muhibbah, yang mengalami kerosotan disemak bagi keterbalikan yang mungkin ke atas kerosotan pada setiap tarikh pelaporan.

Kerugian kerosotan dicaj kepada penyata pendapatan melainkan ia menterbalikan penilaian semula sebelum ini dalam hal mana ia dicaj kepada lebihan penilaian semula. Kerugian kerosotan atas muhibbah tidak akan di terbalikkan. Berhubungan aset-aset lain, sebarang peningkatan berikutnya dalam jumlah boleh diperolehi semula diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan ia menterbalikkan kerugian kerosotan ke atas aset dinilai semula dalam hal mana ia dibawa kepada lebihan penilaian semula.

26. MAKLUMAT BERSEGMENT

Pelaporan bersegmen dibentangkan bagi penilaian dipertingkatkan ke atas risiko-risiko dan pulangan Kumpulan sebagai segmen perniagaan atau geografi yang berbeza daripada lain-lain segmen perniagaan dan geografi.

Segmen hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti adalah jumlah yang terhasil daripada kegiatan kendalian segmen yang secara langsung boleh dikaitkan kepada segmen dan perkadarannya berkenaan yang boleh diperuntukkan atas dasar munasabah kepada segmen.

Segmen hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti ditentukan sebelum baki dalam kumpulan dan urusniaga dalam kumpulan dihapus kira sebagai sebahagian daripada proses penyatuan.

27. LIABILITI KONTIGEN

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti kontigen tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti kontigen adalah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa-peristiwa lepas yang kewujudannya akan disahkan melalui peristiwa-peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf disebabkan ia tidak berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi. Liabiliti kontigen juga timbul dalam keadaan-keadaan yang amat jarang sekali berlaku di mana liabiliti tidak boleh diiktiraf disebabkan ia tidak boleh dikira dengan agak tepat.

Dalam pengambilalihan anak-anak syarikat oleh Kumpulan di bawah kombinasi perniagaan, liabiliti kontigen diandaikan telah dikira pada awalnya pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira tahap mana-mana kepentingan minoriti.

Kumpulan mengiktiraf liabiliti kontigen secara berasingan syarikat-syarikat diambil alih sebagai sebahagian daripada memperuntukkan kos daripada kombinasi perniagaan di mana nilai saksamanya boleh dikira dengan agak betul. Di mana nilai saksama tidak boleh dikira dengan agak betul, kesan terhasil akan ditunjukkan dalam muhibah timbul daripada pengambilalihan dan maklumat mengenai liabiliti kontigen diambil alih dinyatakan dalam Nota kepada penyata kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, Kumpulan mengira liabiliti kontigen yang diiktiraf secara berasingan pada tarikh pengambilalihan pada jumlah yang lebih tinggi yang mungkin diiktiraf selaras dengan peruntukan-peruntukan FRS 137²⁰⁰⁴ dan jumlah yang diiktiraf pada awalnya tolak, di mana sesuai, pelunasan terkumpul diiktiraf selaras dengan FRS 118²⁰⁰⁴.

28. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN LADANG

Perbelanjaan pembangunan ladang terdiri daripada perbelanjaan penanaman baru yang ditanggung daripada pembersihan tanah sehingga ke masa penanaman. Perbelanjaan ini dipermodalkan dan tidak dilunaskan. Perbelanjaan penanaman semula, yang mewakili kos ditanggung bagi penanaman semula dalam kawasan ditanam yang lama, dicaj kepada penyata pendapatan dalam tahun di mana ia ditanggung.

29. ASET BUKAN SEMASA DIKELASKAN SEBAGAI ASET DİPEGANG UNTUK JUALAN

Aset bukan semasa dikelaskan sebagai aset dipegang untuk jualan, dan dinyatakan pada amaun dibawa dan nilai saksama yang mana lebih rendah tolak kos untuk menjual, sekiranya amaun dibawa diperolehi terutamanya melalui urus niaga jualan selain daripada melalui penggunaan berterusan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

1 MAKLUMAT AM

Syarikat pada dasarnya terlibat dalam pembinaan dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri daripada pembinaan, pembangunan harta, pengilangan dan pengkuarian, operasi lebuhraya bertol, perladangan dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan dalam Nota 55 kepada penyata kewangan.

Syarikat adalah sebuah syarikat liabiliti awam berhad, diperbadankan dan berdomisil di Malaysia dan tersenarai pada Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Alamat pejabat berdaftar Syarikat adalah Tingkat 2, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk dikeluarkan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah pada 30 Mei 2007.

2 ANGGARAN DAN PENGHAKIMAN PERAKAUNAN PENTING

Anggaran dan penghakiman dinilai secara berterusan oleh para Pengarah dan berdasarkan sejarah pengalaman dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan mengenai peristiwa-peristiwa masa hadapan yang dipercayai sebagai munasabah di bawah keadaan-keadaan.

Kumpulan membuat anggaran dan andaian yang melibatkan masa hadapan. Anggaran perakuan terhasil akan, melalui takrifan, jarang menyamai keputusan sebenar. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan material kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya digariskan di bawah.

(a) Kerosotan muhibah

Kumpulan menguji muhibah bagi kerosotan setiap tahun selaras dengan polisi perakaunan 3nya, dan bila-bila masa peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa muhibah mungkin rosot.

Bagi tujuan menilai kerosotan, muhibah diperuntukkan kepada unit penghasilan tunai atau kumpulan unit penghasilan tunai yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi-sinergi kombinasi perniagaan dalam mana muhibah timbul.

Penghakiman penting diperlukan dalam anggaran nilai semasa ke atas aliran tunai masa hadapan diperolehi melalui unit penghasilan tunai atau kumpulan unit penghasilan tunai, yang melibatkan ketakpastian dan secara ketaranya dipengaruhi oleh andaian-andaian yang digunakan dan penghakiman yang dibuat berkaitan dengan anggaran aliran tunai masa hadapan dan kadar diskaun. Perubahan dalam andaian secara ketaranya boleh mempengaruhi keputusan pengujian Kumpulan bagi kerosotan muhibah.

(b) Cukai pendapatan

Kumpulan tertakluk kepada cukai pendapatan dalam beberapa bidang kuasa. Penghakiman penting diperlukan dalam menentukan elaun modal dan kebolehan ditolak perbelanjaan tertentu dalam anggaran peruntukan bagi cukai pendapatan. Terdapat banyak urus niaga dan pengiraan untuk yang mana penentuan cukai utama adalah tidak pasti dalam perjalanan biasa perniagaan. Di mana hasil cukai akhir ke atas perkara-perkara ini adalah berbeza daripada jumlah yang pada awalnya direkodkan, perbezaan sedemikian akan memberi kesan ke atas cukai pendapatan dan peruntukan cukai pendapatan tertunda dalam tempoh dalam mana penentuan dibuat.

(c) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh digunakan. Ini melibatkan penghakiman berkaitan dengan prestasi kewangan masa hadapan entiti tertentu dalam mana aset cukai tertunda telah diiktiraf.

(d) Kontrak pembinaan

Kumpulan mengiktiraf keuntungan kontrak berdasarkan kaedah peringkat siap. Peringkat siap daripada kontrak pembinaan ditentukan berdasarkan perkadarannya bahawa kos kontrak yang ditanggung bagi kerja dilaksanakan sehingga kini tanggung berbanding jumlah kos yang dianggarkan bagi kontrak. Apabila ia berkemungkinan bahawa anggaran jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian dijangka ke atas kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta merta.

Penghakiman penting diperlukan dalam anggaran jumlah kos kontrak. Di mana jumlah kos kontrak sebenar adalah berbeza daripada anggaran jumlah kos kontrak, perbezaan sedemikian akan memberi kesan ke atas keuntungan/(kerugian) kontrak yang diiktiraf.

2 ANGGARAN DAN PENGHAKIMAN PERAKAUNAN PENTING (samb.)

(e) Pembangunan harta

Kumpulan mengiktiraf keuntungan pembangunan harta dengan merujuk kepada peringkat siap daripada kegiatan pembangunan pada tarikh kunci kira-kira. Peringkat siap ditentukan berdasarkan perkadaran bahawa kos pembangunan harta yang ditanggung sehingga kini mengikut anggaran jumlah kos bagi pembangunan harta. Di mana ia adalah berkemungkinan bahawa jumlah kos pembangunan harta satu-satu fasa pembangunan akan melebihi jumlah hasil pembangunan harta fasa pembangunan, kerugian dijangka ke atas fasa pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Penghakiman penting diperlukan dalam anggaran jumlah kos pembangunan harta. Di mana jumlah kos pembangunan harta sebenar adalah berbeza daripada anggaran jumlah kos pembangunan harta, perbezaan sedemikian akan memberi kesan kepada keuntungan/(kerugian) pembangunan harta yang diiktiraf.

(f) Pelunasan aset konsesi

Aset konsesi jalan Kumpulan dilunaskan sepanjang tempoh konsesi berdasarkan formula yang berikut:

$$\frac{\text{Volum trafik terkumpul sehingga kini}}{\text{Volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi}} \times \text{Kos aset konsesi}$$

Untuk menentukan jumlah volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi, Kumpulan bergantung pada tinjauan trafik yang dijalankan setiap tahun oleh firma perunding trafik bebas. Sebarang perubahan dalam jumlah volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi akan memberi kesan kepada caj pelunasan bagi tahun.

(g) Peruntukan bagi hutang ragu

Kumpulan mengiktiraf peruntukan bagi hutang ragu apabila terdapat bukti objektif bahawa Kumpulan tidak dapat mengutip semua jumlah terhutang mengikut terma-terma asal penghutang.

Penghakiman penting diperlukan dalam penilaian jumlah boleh dikutip semula penghutang, yang mempunyai kesan kewangan ke atas jumlah peruntukan bagi hutang ragu yang diiktiraf.

3 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kegiatan Kumpulan mendedahkan Kumpulan kepada pelbagai risiko kewangan, termasuk risiko pertukaran mata wang asing, risiko kadar faedah, risiko harga, risiko kredit, risiko kecairan dan aliran tunai. Objektif keseluruhan pengurusan risiko kewangan Kumpulan adalah untuk memastikan agar Kumpulan membentuk nilai bagi pemegang-pemegang sahamnya. Kumpulan menumpukan ke atas ketakbolehan diramal pasaran kewangan dan cuba untuk meminimumkan potensi kesan-kesan kurang baik ke atas prestasi kewangan Kumpulan. Pengurusan risiko kewangan dijalankan melalui kajian risiko, sistem kawalan dalaman, program insurans dan pematuhan kepada polisi-polisi pengurusan risiko kewangan Kumpulan. Pengurusan kerap mengkaji risiko-risiko ini dan meluluskan polisi-polisi perbendaharaan, yang meliputi pengurusan risiko-risiko ini.

Kumpulan menggunakan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak hadapan pertukaran mata wang asing dan kontrak swap kadar faedah untuk melindung nilai pendedahan tertentu, tetapi ia tidak berdagang dalam instrumen kewangan.

Risiko pertukaran mata wang asing

Kumpulan beroperasi di peringkat antarabangsa dan terdedah kepada pelbagai mata wang, terutamanya Dolar Amerika Syarikat, Dolar Australia, Dolar Singapura, Dolar Hongkong, Renminbi China, Rupee India, Peso Argentina dan Dirham UAE. Aset dan liabiliti didenominasikan dalam mata wang asing bersama-sama dengan jangkaan aliran tunai daripada urusniaga-urusniaga dijangkakan didenominasikan dalam mata wang asing membawa kepada pendedahan pertukaran asing.

Kumpulan mengekalkan pelindung nilai semulajadi, bila-bila mungkin, dengan meminjam dalam mata wang negara dalam mana harta atau pelaburan terletak atau dengan meminjam dalam mata wang yang menyamai dengan aliran hasil pada masa hadapan yang akan diperolehi daripada pelaburannya. Pendedahan pertukaran asing dalam mata wang urusniaga selain daripada mata wang kefungsian daripada entiti kendalian dikekalkan pada tahap boleh terima.

Pendedahan mata wang asing urusniaga material dilindung nilai, terutamanya dengan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak pertukaran asing hadapan.

Risiko kadar faedah

Pendapatan dan aliran tunai kendalian Kumpulan kebanyakannya bebas daripada perubahan dalam kadar faedah pasaran. Pendedahan kadar faedah timbul terutamanya daripada pinjaman dan deposit Kumpulan. Kumpulan menguruskan pendedahan kadar faedah dengan mengekalkan campuran berhemah kadar pinjaman tetap dan terapung. Instrumen-instrumen kewangan derivatif digunakan, di mana sesuai, untuk menghasilkan profil kadar faedah yang dihasratkan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (samb.)

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

3 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb.)

Risiko harga

Kumpulan menghadapi pendedahan kepada risiko daripada perubahan dalam hutang dan harga ekuiti. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan kerap menyemak risiko-risiko ini dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan potensi kesan risiko-risiko sedemikian.

Risiko kredit

Risiko kredit timbul apabila instrumen-instrumen derivatif digunakan atau jualan dibuat atas terma-terma kredit. Kumpulan mengawal risiko-risiko ini melalui penggunaan prosedur-prosedur kelulusan kredit, had dan pengawasan. Risiko-risiko kredit diminimumkan dan diawasi dengan menghadkan seketat-ketatnya kaitan Kumpulan kepada rakan perniagaan dengan kebolehpercayaan kredit yang tinggi. Penghutang perdagangan diawasi atas dasar berterusan melalui prosedur-prosedur pelaporan pengurusan Kumpulan. Kumpulan tidak mempunyai apa-apa pendedahan ketara kepada mana-mana pelanggan individu atau pihak bertentangan dan tidak juga ia mempunyai apa-apa penumpuan utama risiko kredit berkaitan dengan mana-mana instrumen kewangan.

Penumpuan risiko kredit berhubung dengan penghutang perdagangan adalah terhad disebabkan bilangan pelanggan Kumpulan yang ramai, yang menyurai dalam spektrum industri dan perniagaan yang luas. Sejarah pengalaman Kumpulan dalam pengutipan penghutang perdagangan termasuk dalam peruntukan yang direkodkan. Akibat daripada faktor-faktor ini, pengurusan percaya bahawa tidak ada risiko kredit tambahan yang melebihi jumlah dibenarkan bagi kerugian pengutipan terdapat dalam penghutang perdagangan boleh terima Kumpulan.

Risiko kecairan dan aliran tunai

Kumpulan secara aktifnya menguruskan profil kematangan hutang, aliran tunai kendalian dan ketersediaan pembiayaan untuk memastikan kesemua keperluan pembiayaan semula, bayaran balik dan pembiayaan dipenuhi. Sebagai sebahagian daripada keseluruhan pengurusan kecairan berhemah Kumpulan, Kumpulan mengekalkan tahap mencukupi bagi tunai atau pelaburan boleh ditukar kepada tunai untuk memenuhi keperluan modal kerjanya. Selain daripada itu, Kumpulan berusaha untuk mengekalkan ketersediaan kemudahan perbankan pada tahap munasabah kepada kedudukan keseluruhan hutang Kumpulan. Setakat mana yang boleh, Kumpulan cuba mendapatkan pembiayaan dikomitkan daripada kedua-dua institusi pasaran modal dan institusi kewangan dan secara berhemah mengimbangkan portfolionya dengan pendanaan jangka pendek untuk mencapai keberkesanan kos secara keseluruhan.

4 HASIL KENDALIAN

| | Kumpulan 2007 RM'000 | 2006 RM'000 (dinyatakan semula) | Syarikat 2007 RM'000 | 2006 RM'000 |
|---|----------------------------|--|----------------------------|----------------|
| Hasil kontrak pembinaan | 898,752 | 663,830 | 119,374 | 54,737 |
| Hasil harta pembangunan | 461,250 | 488,328 | — | — |
| Jualan produk kuari dan dikelang | 658,832 | 491,495 | — | — |
| Hasil konsesi tol | 10,338 | 10,323 | — | — |
| Jualan minyak kelapa sawit mentah dan produk-produk berkaitan perladangan | 271,633 | 244,630 | — | — |
| Perkhidmatan pengurusan | 3,119 | 5,154 | 6,147 | 2,719 |
| Pendapatan dividen | 5,940 | 5,491 | 60,780 | 51,985 |
| Sewa harta | 1,370 | 1,238 | 312 | 357 |
| | 2,311,234 | 1,910,489 | 186,613 | 109,798 |

Maklumat tambahan mengenai hasil kendalian Kumpulan termasuk bahagian Kumpulan ke atas hasil syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama adalah seperti berikut:

| | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 (dinyatakan semula) |
|-------------------------------------|------------------|--|
| Hasil kendalian Kumpulan | 2,311,234 | 1,910,489 |
| Bahagian daripada hasil kendalian:- | | |
| Syarikat-syarikat bersekutu | 329,653 | 230,078 |
| Entiti kawalan bersama | 99,701 | 99,831 |
| | 2,740,588 | 2,240,398 |

5 KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN

- (a) Perbelanjaan berikut (tidak termasuk kos kewangan dan perbelanjaan cukai) mengikut sifat telah didebitkan dalam mengira keuntungan kendalian sebelum kos kewangan:

| Nota | Kumpulan 2007 RM'000 | 2006 RM'000 (dinyatakan semula) | Syarikat | |
|---|----------------------------|--|----------------|----------------|
| | | | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 |
| Kos kontrak pembinaan | 763,835 | 536,066 | 90,215 | 55,470 |
| Kos pembangunan harta | 361,092 | 367,897 | — | — |
| Kos produk kuari dan pengilangan dijual | 551,345 | 419,148 | — | — |
| Kos produk perlادangan dijual | 161,581 | 145,707 | — | — |
| Kos manfaat kakitangan | 6 156,211 | 117,379 | 10,950 | 10,049 |
| Sewa loji dan peralatan | 3,250 | 2,454 | — | — |
| Harta, loji dan peralatan:- | 25 | | | |
| - susut nilai | 64,040 | 63,567 | 923 | 802 |
| - penghapusan kira | 194 | 286 | — | — |
| - kerugian atas pelupusan | 2,330 | 19 | — | — |
| - kerosotan | 63 | — | — | — |
| Susut nilai harta pelaburan | 26 235 | 66 | — | — |
| Sewa tanah dan bangunan | 3,442 | 2,961 | 586 | 586 |
| Imbuhan juruaudit-audit berkanun | 8 1,296 | 1,101 | 221 | 211 |
| Kerugian pertukaran asing:- | | | | |
| - tidak direalis | 339 | 4,978 | — | 4,835 |
| - direalis | 438 | 592 | — | — |
| Laba atas pelupusan syarikat bersekutu | — | 2,633 | — | — |
| Laba atas pelupusan/kecairan pelaburan | 670 | — | 670 | — |
| Peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan disebut harga | 42 | 2,309 | — | 784 |
| Kerugian kerosotan atas pelaburan dalam syarikat bersekutu | 842 | 4,016 | — | — |
| Pelunasan aset konsesi | 27 7,742 | 8,108 | — | — |
| Pelunasan perbelanjaan pembangunan kuari | 33 2,961 | 2,758 | — | — |
| Pelunasan premium dibayar ke atas hak kuari | 33 71 | 70 | — | — |
| Pelunasan yuran lesen | 33 42 | 41 | — | — |
| Pelunasan muhibah | 33 — | 113 | — | — |
| Kerosotan muhibah | 33 216 | 4,000 | — | — |
| Pelunasan diskau ke atas terbitan bon | 17 845 | 1,206 | — | — |
| Pelunasan premium ke atas pembelian sekuriti boleh dipasar | 338 | 356 | — | — |
| Peruntukan bagi hutang rugu | 3,380 | 7,210 | — | — |
| Jumlah ter hutang daripada syarikat bersekutu dihapus kira | 1,411 | — | — | — |
| Hutang lapuk dihapus kira | 709 | 589 | 25,273 | 589 |
| Stok bangunan dikurangkan nilai | 554 | 247 | — | — |

Perbelanjaan kendalian langsung daripada harta pelaburan yang menghasilkan pendapatan sewa untuk kumpulan dalam tahun kewangan berjumlah RM227,000 (2006: RM220,000).

Perbelanjaan kendalian langsung daripada harta-harta pelaburan yang tidak menjanakan pendapatan sewa untuk kumpulan dalam tahun kewangan berjumlah RM34,000 (2006: RM13,000).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

(samb.)

bagi tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2007

5 KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN (samb.)

(b) Amaun berikut telah dikreditkan dalam mengira keuntungan kendalian sebelum kos kewangan:

| Nota | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|----------------|--|----------------|----------------|
| | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 (dinyatakan semula) | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 |
| Dividen kasar diterima daripada: | | | | |
| - anak-anak syarikat (disebut harga) | — | — | 23,323 | 15,743 |
| (tidak disebut harga) | — | — | 16,910 | 34,158 |
| - syarikat-syarikat bersekutu (disebut harga) | — | — | 163 | 122 |
| (tidak disebut harga) | — | — | 19,242 | 97 |
| - lain-lain pelaburan (disebut harga) | 6,078 | 5,622 | 1,143 | 1,865 |
| Pendapatan faedah | 24,072 | 26,784 | 67,003 | 44,392 |
| Laba pertukaran asing: | | | | |
| - tidak direalis | 8,699 | 307 | 1,394 | — |
| - direalis | 640 | 510 | 803 | — |
| Laba atas pelupusan harta, loji dan peralatan | 2,394 | 5,143 | 106 | 387 |
| Pendapatan sewa daripada harta | 4,729 | 3,101 | 312 | 357 |
| Hutang lapuk diperolehi semula | 1,725 | 185 | 80 | — |
| Kemasukan kira semula peruntukan bagi hutang ragu | 299 | 2,395 | — | — |
| Kemasukan kira semua peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan | 3,023 | — | 3,023 | — |
| Pelunasan muhibah negatif | 33 | 406 | — | — |
| Pelunasan pendapatan tertunda | 24 | 3,144 | 3,285 | — |
| Laba atas pelupusan saham dalam anak-anak syarikat | — | 526 | — | 1,827 |
| Laba atas pelupusan/kecairan pelaburan | 17,571 | 1,260 | 12,633 | 17 |

6 KOS MANFAAT KAKITANGAN

| Nota | Kumpulan | | Syarikat | |
|--|----------------|--|----------------|----------------|
| | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 (dinyatakan semula) | 2007 RM'000 | 2006 RM'000 |
| Upah, gaji dan bonus | | | | |
| Pelan persaraan caruman dinyatakan | 139,367 | 106,250 | 8,751 | 7,741 |
| Pelan persaraan manfaat dinyatakan | 12,362 | 10,508 | 1,014 | 1,208 |
| Lain-lain manfaat kakitangan | 3,959 | 2,697 | 255 | 297 |
| | 3,234 | 2,427 | 930 | 803 |
| | 158,922 | 121,882 | 10,950 | 10,049 |
| Tolak perbelanjaan dipermodalkan ke dalam: | | | | |
| - Kos pembangunan harta | 34 | (406) | (105) | — |
| - Perbelanjaan pembangunan ladang | 35 | (2,305) | (4,398) | — |
| | 156,211 | 117,379 | 10,950 | 10,049 |

7 IMBUHAN PENGARAH

| | Kumpulan 2007 RM'000 | 2006 RM'000 (dinyatakan semula) | Syarikat 2007 RM'000 | 2006 RM'000 |
|--|----------------------------|--|----------------------------|----------------|
| Para Pengarah Syarikat: | | | | |
| Yuran | | | | |
| - Tahun semasa | 315 | 275 | 245 | 245 |
| - Terlebih peruntukan berhubung dengan tahun terdahulu | (30) | - | (24) | - |
| Pelan persaraan caruman dinyatakan | 658 | 650 | 473 | 459 |
| Pelan persaraan faedah dinyatakan | 73 | 84 | 31 | 36 |
| Lain-lain emolumen | 4,063 | 4,120 | 2,689 | 2,593 |
| | 5,079 | 5,129 | 3,414 | 3,333 |
| Para Pengarah anak-anak syarikat: | | | | |
| Yuran | 336 | 327 | - | - |
| Pelan persaraan caruman dinyatakan | 342 | 275 | - | - |
| Pelan persaraan faedah dinyatakan | 51 | 60 | - | - |
| Lain-lain emolumen | 2,913 | 2,909 | - | - |
| | 3,642 | 3,571 | - | - |

Anggaran nilai monetari faedah bukan berupa wang yang diberi kepada Pengarah-pengarah Kumpulan dan Syarikat melalui penggunaan aset Kumpulan dan Syarikat dan penyediaan faedah-faedah lain dalam tahun kewangan masing-masing berjumlah sehingga RM331,000 (2006: RM193,000) dan RM109,000 (2006: RM58,000).

Butir-butir pelan caruman dan pelan faedah dinyatakan Kumpulan dan Syarikat dikemukakan dalam Nota 23 kepada penyata kewangan.

Pengarah-pengarah Eksekutif dan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif tertentu Syarikat telah diberikan opsyen di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS") atas terma-terma dan syarat-syarat yang sama sebagaimana ditawarkan kepada lain-lain kakitangan Kumpulan (lihat Nota 14(c)) seperti berikut::

| Tarikh Pemberian | Tarikh Tamat | Harga Pelaksanaan RM/opsyen | Bilangan opsyen ke atas saham biasa bernilai RM 1 sesaham | | | | |
|------------------|------------------|-----------------------------|---|-----------------|--------------------|------------------|--------------------------|
| | | | Baki pada 1.4.2006 '000 | Di-berikan '000 | Di-laksanakan '000 | Di-tamatkan '000 | Baki pada 31.3.2007 '000 |
| 8 Januari 2004 | 10 November 2008 | 3.99/3.96*/3.93** | 1,622 | - | 1,622 | - | - |
| 7 April 2004 | 10 November 2008 | 4.47/4.44*/4.41** | 840 | - | 600 | - | 240 |
| 30 April 2004 | 10 November 2008 | 4.39/4.36*/4.33** | 1,960 | - | 1,125 | - | 835 |
| 20 Mei 2004 | 10 November 2008 | 4.21/4.18*/4.15** | 400 | - | 300 | - | 100 |
